

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Kurikulum Bahasa Melayu digubal supaya pelajar-pelajar dapat menguasai pelbagai kecekapan berbahasa seperti kemahiran membaca, menulis, bertutur dan kemahiran mendengar dengan menggunakan tatabahasa yang betul dan tepat. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 menjelaskan, Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah). Selain itu, Bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa yang boleh dijadikan alat untuk menyatupadukan rakyat Malaysia.

Selain kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir juga telah diberi penekanan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah supaya amalan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini dilihat sejajar dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu, berusaha ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Selain itu, pelajar-pelajar di sekolah telah diajar dengan pelbagai kemahiran supaya mereka mampu mengungkapkan pelbagai disiplin ilmu di samping dapat menggunakan kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran dan

pembelajaran di bilik darjah. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang matlamat, objektif dan organisasi kandungan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi beberapa aspek seperti:

- ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang dibaca, didengar dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat.
- iii. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan.
- v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan.

(Kementerian Pelajaran Malaysia,2003: hlm.2-3)

Kemahiran berfikir yang ditegaskan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah adalah berdasarkan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang kedua iaitu, untuk mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang dibaca, didengar dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat. Objektif ketiga ialah menggunakan pengetahuan kemahiran berfikir yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan. Justeru, guru digalakkan melaksanakan

pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran di samping membuat keputusan dalam kehidupan seharian mereka pada masa hadapan. Manakala objektif yang kelima pula ialah untuk melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan. Pelajar-pelajar boleh menggunakan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka menjawab soalan-soalan kefahaman, memberi pendapat dengan idea yang bernas dalam aktiviti lisan di dalam bilik darjah. Berdasarkan objektif sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang telah dinyatakan dan seperti yang telah dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu, untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, diharapkan pelajar-pelajar mampu menggunakan kemahiran berfikir dalam kehidupan seharian dan menyumbangkan tenaga untuk pembangunan negara.

Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia menggalakkan guru-guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk melengkapkan murid dengan ketrampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian. Selain itu, pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah bagi membolehkan pelajar-pelajar menggunakan akal untuk berfikir agar dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam pembelajaran mereka. Dalam hal ini, mereka dibimbing supaya tidak menerima bulat-bulat apa sahaja yang diajarkan sebaliknya

dilatih dengan menggunakan akal fikiran, mereka boleh menapis segala bentuk pendapat atau pandangan yang diterima secara umum.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang telah disemak semula menyatakan, kemahiran berfikir merupakan unsur yang perlu diberi penekanan dan dinyatakan secara tersurat seperti:

Para pelajar tidak hanya menerima pengetahuan semata-mata tetapi mereka seharusnya dapat menyatakan idea, fikiran dan pendapat dengan jelas, objektif, kreatif, rasional dalam semua situasi. Untuk mencapai hasrat ini, peluang bagi meningkatkan daya intelek perlu diwujudkan supaya pemikiran yang kritis dan analitis akan menjadi salah satu aspek yang penting dalam tiap-tiap aktiviti pembelajaran

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1989: hlm.5)

Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sepatutnya diberi penekanan oleh guru-guru kerana pengembangannya dapat melatih pelajar untuk menyatakan idea-idea secara kreatif dan rasional dalam semua situasi. Berdasarkan maklumat tersebut, jika ditinjau dari sudut pendidikan, kemahiran menggunakan akal untuk berfikir diakui sebagai satu matlamat yang perlu dikuasai oleh pelajar (Slage 1959; Tabbada 1987; Washington 1987 & Kokinda 1989). Dari sudut proses pembelajaran, pengembangan kemahiran berfikir dalam pembelajaran dapat membantu murid untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam kehidupan mereka (Rosenberg 1973; Preston & Herman 1974; Saedah 1994).

Pelajar akan memperoleh pelbagai kelebihan apabila guru mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Misalnya dalam pengajaran pemahaman bacaan, pengembangan kemahiran berfikir membolehkan pelajar-pelajar menggunakan kemahiran berfikir untuk menjawab soalan-soalan kefahaman yang berkait dengan kemahiran berfikir. Melalui pengembangan kemahiran berfikir seperti kemahiran berfikir meramal misalnya, pelajar dapat menyelesaikan masalah dalam pembelajaran apabila menggunakan kemahiran berfikir membuat ramalan untuk menyatakan kesudahan cerita di sebalik petikan yang dibaca. Dalam hal ini, guru-guru boleh menggunakan alat berfikir seperti soalan dan penyoalan, lembaran grafik, dan peta minda untuk mengembangkan daya pemikiran dalam kalangan pelajar (Rajendran, 2001) di samping dapat menjawab soalan pemahaman berkaitan dengan kemahiran berfikir.

Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Melayu tingkatan empat, menyatakan:

- III. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini, memberi penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.

(HSP Tingkatan 4, Bahasa Melayu, 2000: hlm.8)

Perkara (e) kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi...Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah adalah seperti yang berikut:

- I. Kemahiran berfikir  
Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran berfikir, sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan

(Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2000: hlm.12)

Berdasarkan (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat, 2000: hlm. 8-9), antara kemahiran berfikir yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah seperti berikut:

- Mencirikan
- Menghubungkan
- Membanding dan membezakan
- Menyusun mengikut keutamaan
- Menganalisis
- Menghubungkan
- Meramalkan
- Membuat inferens
- Menilai
- Mereka cipta

Untuk membolehkan kemahiran tersebut dikuasai murid, alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (HSP, 2000: hlm.8-9). Penggunaan soalan dan penyoalan dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat menjadikan pengajaran pemahaman menarik kerana soalan yang digunakan dapat

mencabar pemikiran pelajar apabila guru mempelbagaikan tahap pengkelasan soalan berdasarkan petikan yang dibaca. Sebagai contoh, soalan kefahaman pada tahap skrip implisit iaitu, penghayatan dan penilaian, jawapan tidak terdapat dalam petikan yang dibaca, tetapi pelajar dikehendaki menggunakan kemahiran berfikir untuk menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi.

Persoalannya, adakah guru telah bersedia untuk melaksanakan proses tersebut dan bagaimanakah guru menggunakan soalan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Oleh itu, diharapkan melalui dapatan kajian ini dapat dihuraikan bagaimanakah kemahiran berfikir dikembangkan oleh peserta kajian bagi memberi gambaran sebenar tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Guru-guru sepatutnya sudah menguasai ilmu pengetahuan kemahiran berfikir dan mengembangkannya dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh yang demikian, sebelum seseorang guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran, mereka dikehendaki membuat persediaan sebelum pengajaran supaya aktiviti pengembangan kemahiran berfikir dapat dikembangkan dengan lancar dan berkesan.

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah dapat mencetuskan suasana yang menggalakkan pelajar-pelajar untuk berfikir malah melatih mereka untuk menjawab soalan kefahaman pada tahap pelbagai pengkelasan soalan kefahaman. Kucan & Beck (1997: hlm.89), menyatakan, satu cara untuk membantu pelajar tentang apa dan mengapa mereka perlu berfikir, guru hendaklah menjadikan diri mereka sebagai model dengan menjalankan aktiviti berfikir di dalam bilik darjah. Misalnya dalam pengajaran

pemahaman bacaan, guru hendaklah memastikan diri mereka sebagai pakar rujuk dengan menjalankan pengajaran pemahaman yang berpusatkan pelajar dengan sentiasa menjadikan soalan dan penyoalan sebagai amalan supaya pelajar boleh memberikan respons secara kritis untuk memahamkan petikan yang dibaca.

Pada masa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, guru disarankan mewujudkan aktiviti perbincangan bagi menjana idea supaya pelajar dapat menyumbang idea di samping berinteraksi dengan rakan-rakan dalam kumpulan perbincangan. Kucan & Beck (1997) menyatakan, sewaktu pelajar-pelajar menjalankan aktiviti kumpulan, mereka dapat berbincang dengan menyatakan idea dan pada masa yang sama mereka boleh mendengar dan menerima pendapat kawan-kawan yang lain. Mereka bukan sahaja dapat memahami kandungan teks tetapi boleh memahami proses untuk membina makna dari petikan yang dibaca.

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah mempunyai pelbagai tujuan, di antaranya:

- (a) memperoleh latihan berfikir secara kritis dan kreatif bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan bijak;
- (b) menghasilkan idea atau ciptaan yang kreatif dan inovatif;
- (c) mengatasi kesilapan-kesilapan berfikir seperti berfikir secara terburu-buru, bercelaru, kabur dan sempit;
- (d) meningkatkan aspek kognitif dan efektif ke arah perkembangan intelek dalam kalangan pelajar;
- (e) bersikap terbuka sama ada menerima atau memberi pendapat, membina keyakinan diri untuk memberi hujah, membuat



pertimbangan berdasarkan alasan dan bukti serta berani memberi pandangan.

(Laporan Jawatankuasa Mengkaji  
Penggunaan Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur, 1992)

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mengandungi pelbagai tujuan seperti percambahan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sebelum seseorang guru bercadang untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah, mereka perlu menguasai pengetahuan kemahiran berfikir terlebih dahulu. Menguasai pengetahuan kemahiran berfikir dapat membantu guru untuk membimbing pelajar supaya tidak melakukan kesilapan dalam berfikir. Pelajar yang sering melakukan kesilapan dalam berfikir akan kerap berfikir secara terburu-buru, berfikir secara sempit, berfikir secara kabur, dan berfikir secara bercelaru (Mohd Sharifuddin, 2001). Oleh itu, penguasaan pengetahuan kemahiran berfikir dapat membantu guru untuk menyampaikan maklumat supaya pelajar kurang melakukan kesilapan dengan membataskan corak berfikir yang sempit dan bercelaru dalam kalangan pelajar.

Kurikulum yang menekankan kepentingan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat membantu pelajar-pelajar untuk mempunyai semangat ingin tahu, mampu menghubungkan kait pelbagai pengetahuan yang telah diperkenalkan oleh KPM. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, menyatakan, ...Pada tahap Gelombang tiga (2021-2025), setiap orang murid akan mempunyai kemahiran berfikir di samping kemahiran-kemahiran lain seperti

kemahiran memimpin dan kemahiran dwibahasa. Aspirasi ini dilihat sejajar dengan FPK dan rentetan daripada kehendak KPM tersebut, setiap orang guru sepatutnya mengamalkan ciri-ciri amalan terbaik pedagogi seperti menyampaikan pengetahuan kemahiran berfikir kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh menggunakan ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka (menerapkan perasaan ingin tahu dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat) untuk membolehkan pelajar menghubungkan pelbagai disiplin ilmu (PPP Malaysia 2013-2025, 2012: hlm.E10).

Oleh yang demikian, pengajaran pemahaman bacaan yang mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran memerlukan sebuah model pengajaran untuk dijadikan panduan dan sebagai amalan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Contohnya, perkara-perkara yang hendak ditekankan semasa membaca seperti berfikir, merasai, membayangkan serta memahami apa yang dibaca akan dapat dicapai semasa proses membaca (Marohaini Yusoff, 1999). Model yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada kaedah ekspositori (Popham & Baker, 1992: hlm.89) yang menjelaskan cara-cara penyampaian pengajaran melalui kaedah penerangan, bercerita, demonstrasi dengan tujuan mengajar sesuatu seperti dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, guru mengajar pelajar untuk berfikir, dapat merasai dan membayangkan kandungan yang dibaca.

Kebolehan dan memahami tingkat pemikiran dalam kalangan pelajar perlu dikuasai oleh guru-guru dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pengajaran pemahaman bacaan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk memahami dan menghuraikan proses pelaksanaan

pengajaran guru dengan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

## 1.2 Latar belakang kajian

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang digubal adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu, untuk meningkatkan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar. Penekanan terhadap kepentingan untuk melahirkan individu dan masyarakat yang bijak berfikir perlu diterapkan dalam setiap pelajar. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1992) telah menerangkan, perkembangan daya intelek serta pemikiran yang kritis dan kreatif, amat penting dan perlu ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan program pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pada tahun 1993. Penegasan ke arah mengembangkan kemahiran berfikir dalam bilik darjah didorong berdasarkan laporan kurikulum lama sekolah rendah dan menengah yang terlalu bersifat akademik, terpisah, berorientasikan peperiksaan, padat dan mengutamakan perkembangan kognitif semata-mata. Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979 menyatakan:

Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum itu juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukunegara di samping menghasilkan tenaga kerja yang terlatih untuk keperluan negara.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979)

Perubahan dalam sistem pendidikan yang berterusan memang tidak dapat dielakkan dan menuntut penyesuaian yang kompleks pada masa akan datang. Oleh itu ciri yang mampu bertahan dan berkembang untuk menghadapi perubahan pada masa hadapan ialah kebolehan dan sifat diri (iaitu dari segi intelek dan emosi) yang memerlukan kebijaksanaan dan kecemerlangan dalam membuat sesuatu penilaian dan memberikan reaksi kepada perubahan-perubahan tersebut. Objektif kurikulum ialah untuk mengembang dan meningkatkan daya intelek serta pemikiran yang rasional, kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar (KBSM, 1992). Oleh yang demikian, perubahan dari aspek intelek dan emosi perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya objektif yang terkandung dalam kurikulum akan dapat dicapai.

Langkah KPM memperkenalkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif pada masa pengajaran dan pembelajaran melalui reformasi pendidikan pada tahun 1993 terbukti apabila Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) menegaskan, berfikir adalah satu kemahiran dan bukan kebolehan semula jadi (KPPM, 1990). Ini menunjukkan terdapat perspektif baharu tentang kemahiran berfikir, malah kemahiran

berfikir memang boleh dikembangkan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. KPPM juga pernah menganjurkan corak pengajaran guru hendaklah lebih menumpukan kepada perkembangan dan pertumbuhan minda agar sistem pendidikan kita mampu melahirkan masyarakat yang berilmu di samping dapat menggunakan kemahiran berfikir ke arah menyumbangkan idea yang kreatif dan inovatif terhadap pembangunan pendidikan negara pada masa yang akan datang.

Pandangan tersebut didorong oleh rasa tidak puas hati KPPM terhadap fenomena yang sedang berlaku dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah pada masa kini. Sewaktu melancarkan Program Gerak Gempur Minda 1997, beliau telah menyatakan, usaha untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran berfikir secara lebih kritis dan kreatif masih kurang berkesan. Menurutnya, 95% proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah pada masa kini masih berpusatkan guru dan hanya 5% sahaja membabitkan interaksi pelajar (Noor Azmah, 1997). Pengajaran guru kini hanyalah sekadar memindahkan maklumat daripada sumber pengajaran kepada pelajar tanpa memberikan tumpuan kepada kemahiran berfikir (Rafiei Hj Mustapha, 1995).

Dapatan kajian (Rafie 1995, Noor Azmah 1997) menunjukkan kemahiran berfikir masih kurang dilaksanakan di bilik darjah dan proses pengajaran lebih berpusatkan guru. Oleh yang demikian, kemahiran berfikir sering diabaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu malah merangkumi sebilangan besar mata pelajaran yang lain. Bagi merealisasikan hasrat pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjalankan projek rintis pada tahun 1993 dan telah memutuskan untuk melaksanakan kemahiran berfikir di semua sekolah dengan memberikan pendedahan pelaksanaan

kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran kepada semua kakitangan sumber. Langkah ini diharapkan dapat mereformasikan semula sistem pendidikan negara dengan melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Bagi merealisasikan hasrat ini, pendedahan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran telah dikendalikan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Tujuannya ialah untuk meningkatkan daya intelek dalam kalangan murid selaras dengan objektif seperti yang terkandung dalam FPK iaitu, untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sekumpulan pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum telah dihantar ke Amerika Syarikat untuk menghadiri kursus program kemahiran berfikir melalui program *Infusion of Thinking Skills in Content Areas* (PPK, 1993). Program ini memberi pendedahan cara-cara untuk mengintegrasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran bagi membantu guru-guru supaya mereka boleh mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Sekembalinya ke tanah air, kajian rintis telah dilaksanakan di sebuah sekolah iaitu, di Sekolah Menengah Bukit Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini telah mengenal pasti mata pelajaran tingkatan dua iaitu, geografi dan seorang guru telah dipilih untuk mendapat bimbingan daripada pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum yang terlibat dalam kajian ini. Tempoh penyelidikan yang dicadangkan ialah selama lima bulan bermula daripada bulan Jun sehingga Oktober 1993. Tujuan penyelidikan ini ialah untuk melihat sejauhmanakah keupayaan guru untuk melaksanakan pengajaran berasaskan ciri-ciri program *infusion* dalam suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penyelidikan dijalankan di dalam bilik darjah yang

sebenarnya dan dalam suasana yang sebenarnya bagi mendapatkan maklumat yang betul tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Penyelidik telah memilih tiga strategi kemahiran berfikir daripada program infusian untuk dicuba di sekolah ini. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah:

- (a) Perbandingan (*compare & contrast*)
- (b) Penerangan berkesan (*skillful causal explanation*)
- (c) Membuat keputusan (*decision making*).

Kajian yang telah dijalankan oleh PPK dan pengkaji telah bertindak sebagai penyedia bahan pembelajaran untuk murid-murid bagi mengelak supaya pemerolehan data tentang kemahiran berfikir tidak terkandas disebabkan oleh faktor-faktor seperti kesukaran menyediakan bahan untuk murid-murid dan sebagainya. Guru yang ditugaskan untuk mengajar diberi penerangan tentang cara untuk mengendalikan pengajaran secara *infusion*. Murid-murid dibekalkan dengan *verbal organiser* dan lembaran grafik pada masa aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung di bilik darjah. Melalui kajian rintis, Pusat Perkembangan Kurikulum berharap dapat memperoleh maklumat dari aspek:

- (a) Pengalaman guru mengendalikan pengajaran.
- (b) Pemerhatian penyelidik dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (c) Meneliti hasil kerja murid-murid.

Dapatan kajian menunjukkan kemahiran berfikir boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana isi kandungan mata pelajaran boleh dipelajari sambil mempelajari kemahiran berfikir (PPK, 1993). Kajian Pusat Perkembangan Kurikulum mendapati, pengajaran dan pembelajaran bercorak infusion dapat menghasilkan jawapan murid yang lebih tersusun dan kemas, dapat mengelak murid menjadi pemikir yang kelam-kabut, kabur, dan gopoh. Di samping itu, pemikiran dalam kalangan murid juga menjadi bernas dan berkesan (PPK, Oktober 1993).

Dapatan kajian Pusat Perkembangan Kurikulum mendapati, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran menghasilkan kejayaan yang membanggakan kerana jawapan pelajar lebih tersusun dan kemas, pelajar dapat berfikir dengan tenang (tidak kelam- kabut), di samping pemikiran yang mereka hasilkan juga bernas dan berkesan. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan melalui kajian yang dijalankan ini, peserta kajian mampu melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dengan berkesan.

### 1.3 Penyataan masalah

Sekolah merupakan sebuah institusi pendidikan formal yang dipertanggungjawabkan untuk memberi ilmu dalam membentuk akhlak generasi muda dan dalam masa yang sama, sekolah juga merupakan institusi pendidikan yang boleh menyediakan tenaga kerja ke arah pembangunan negara. Menurut Phillips (1992), sistem persekolahan kini kurang memberi penekanan terhadap tugas untuk mengembangkan daya pemikiran dalam kalangan murid. Tumpuan kini lebih



bertumpu kepada menyediakan murid-murid untuk menghadapi peperiksaan dan menghabiskan sukatan pelajaran (Phillips, 1992). Malah dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu pun, kecenderungan guru untuk meningkatkan pencapaian prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia, sedikit banyak telah mengganggu dan mempengaruhi corak pengajaran seseorang guru di dalam bilik darjah. Implikasinya, wujudlah pengajaran yang amat terikat kepada bahan dan kaedah untuk menjawab soalan peperiksaan (Rafiei Hj Mustapha, 1995).

Akibatnya, teknik dan kaedah pengajaran mereka masih di takuk lama dengan pengajaran yang berpusatkan guru. Malah ada di antara mereka yang tidak tahu langsung bagaimanakah caranya untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan ada pula yang beranggapan pengajaran yang mengembangkan kemahiran berfikir dalam bilik darjah akan menambahkan lagi beban dalam tugas mereka (Nawi, 1994).

Sungguhpun program untuk melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran telah dilancarkan semenjak tahun 1993 lagi, namun pelaksanaan pengembangannya dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah masih kurang berkesan (Julfekar Ahmad Shah, 1997). Banyak pelajaran yang berguna seperti kemahiran berfikir, kemahiran sosial dan kemahiran berkomunikasi tidak mendapat tempat di dalam bilik darjah (Ainon dan Abdullah, 2000). Beberapa kajian seperti Izani Haji Daud, 2001; Cropley (1992); Meyers (1986) telah dijalankan, namun kajian mengenai pengembangan komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, sehingga kini masih kurang dijalankan. Menyedari hakikat

tersebut, maka kajian untuk mengetahui bagaimana kemahiran berfikir dilaksana dan dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan perlu dijalankan.

Nawi Ismail (2001), menyatakan murid yang sederhana dan lemah tidak berupaya mengutarakan isi-isi yang tersirat sama ada dalam bahagian pemahaman atau membuat rumusan dalam kertas Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan SPM. Oleh sebab daya fikir mereka lemah, dalam kelompok (kefahaman), mereka tidak mampu untuk mengemukakan alasan yang bernas bagi menjawab soalan kemahiran berfikir secara kritis. Pada hal jawapan yang kritis menjadi fokus penting dalam penilaian Bahasa Melayu sejak akhir-akhir ini.

Izani Haji Daud (2001), menyatakan ramai calon Sijil Pelajaran Malaysia gagal menjawab isi-isi yang tersirat dalam soalan kefahaman. Menurut beliau, dalam konteks menjawab soalan kefahaman, bahagian ini memerlukan penghayatan, aspek kreatif yang melibatkan keupayaan murid untuk memahami sesuatu perkara secara mendalam dan terperinci, dan perkara ini perlu diberi perhatian yang serius oleh guru dalam pengajaran mereka.

Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Zamri (2001) mendapati, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan (Zamri Mahamod, 2001). Kelemahan untuk menguasai bagaimanakah caranya untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat menjadi masalah kepada guru-guru. Mereka juga merasakan tidak pasti komponen kemahiran berfikir yang manakah yang hendak dikembangkan dalam pengajaran mereka. Apatah lagi, pengetahuan dan konsep-konsep asas tentang kemahiran berfikir masih belum dikuasai oleh guru-guru sepenuhnya (Zamri

Mahamod dan Jamaludin Hj Badusah, 2001). Masalah ini adalah penghalang utama kepada guru-guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Sungguhpun kemahiran berfikir telah didedahkan melalui kursus, seminar dan bengkel, namun masih ramai yang menyatakan pengembangannya masih berada pada tahap tidak memuaskan. Kajian-kajian sebelum ini banyak memaparkan hasil kajian yang guru-guru masih tidak memahami dan kurang mampu untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah (Wan Hasnah: 1997). Kebanyakan amalan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka masih kurang berkesan dan kebiasaannya, bentuk pengajaran di sekolah pada masa tersebut kurang menggalakkan pemikiran dalam kalangan pelajar. Kadang-kadang guru terlupa untuk bersoal jawab dengan pelajar-pelajar disebabkan kurang bersedia sebelum menjalankan sesuatu pengajaran.

Pendidikan pada masa kini lebih menumpukan kepada peperiksaan yang mementingkan ujian untuk menilai kebolehan seseorang murid. Secara tidak langsung hal ini akan membelenggu guru-guru untuk tidak menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka. Ketiga, faktor masa yang panjang sekiranya dikembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Faktor-faktor lain ialah beban tugas guru seperti menjadi guru disiplin, guru kaunseling dan sebagainya, sehingga memungkinkan guru tidak dapat membuat persediaan untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka. Masalah lain yang dihadapi oleh guru ialah mereka masih tidak faham konsep bagaimanakah caranya untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Maklumat

yang diperolehi melalui seminar, bengkel dan kursus tidak mencukupi dan walaupun dilaksanakan objektif yang diharapkan masih tidak akan tercapai sepenuhnya.

Kajian yang telah dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1996) mendapati, terdapat dalam kalangan guru yang masih menumpukan kepada aktiviti lisan dengan kaedah dan teknik pengajaran yang berpusatkan guru daripada menjalankan amalan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Kajian-kajian lain seperti kajian yang telah dijalankan oleh Asmah (1999), Zamri dan Jamaludin (2000), mendapati pengembangan kemahiran berfikir dalam bilik darjah masih tidak menggalakkan. Pengembangan kemahiran berfikir bukan sahaja tidak berlaku dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga tidak berlaku dalam mata pelajaran lain seperti (Sejarah, Marsan 1999), (Sains, Mary 2000), (Kemahiran Hidup, Zulkifli 2000), dan (Pendidikan Islam, Azman 2000).

Kesimpulannya, pemerhatian dan laporan oleh Jemaah Nazir Sekolah, mendapati guru-guru Bahasa Melayu masih belum menjalankan pengembangan kemahiran berfikir secara sedar dan terancang dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah (Rafiei Hj Mustapha, 1994). Akibatnya, berlakulah pengabaian yang berterusan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan impaknya telah mendatangkan kesan yang besar terhadap pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Oleh itu, hasrat KBSR dan KBSM untuk melihat kemahiran berfikir dapat dikembangkan secara bersepadu dalam bilik darjah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (Zamri Mahamod, 2001).

Justeru, tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menyiasat dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran

pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan bagaimana pula mereka berusaha untuk mengatasi masalah tersebut. Pendekatan kualitatif telah digunakan dengan melibatkan dua orang peserta kajian di sebuah sekolah menengah. Teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah digunakan untuk mengutip dan mengumpulkan data. Diharapkan kajian ini, bukan sahaja dapat membantu guru-guru tetapi juga Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merancang latihan untuk guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks kajian ini, akan dicadangkan sebuah model pengajaran bagaimana untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah-sekolah.

#### 1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 Memahami dengan menghuraikan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- 1.4.2 Memahami dengan menyiasat masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

## 1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.5.1 Mengetahui apakah perancangan dan persediaan peserta kajian sebelum mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- 1.5.2 Memahami bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.
- 1.5.3 Menyiasat apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.
- 1.5.4 Pada akhir kajian ini dicadangkan sebuah model pengajaran pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

## 1.6 Soalan kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah perancangan peserta kajian pada peringkat sebelum pengajaran untuk menyediakan pengajaran bagi mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

2. Bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
3. Bagaimanakah peserta kajian menyimpulkan pengembangan kemahiran berfikir selepas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
4. Apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dan bagaimanakah mereka mengatasi masalah tersebut.

#### 1.7 Kepentingan kajian

Dapatan kajian diharapkan dapat memberi maklumat tentang bagaimanakah peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Melalui dapatan kajian diharap dapat:

- (a) Memberi gambaran secara holistik tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (b) Memberi gambaran bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir pada masa sebelum, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di kelas tingkatan empat.

- (c) Mencadangkan sebuah model pengajaran untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

## 1.8 Batasan kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan untuk mendapatkan data, kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah digunakan. Bagi mengutip data, kajian dibataskan kepada dua orang peserta kajian yang mengajar Bahasa Melayu di kelas tingkatan empat. Selain itu, seramai 50 orang guru Bahasa Melayu dipilih untuk mencungkil perspektif mereka tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Kajian ini juga melibatkan pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor untuk mendapatkan maklumat dari sudut perspektif jabatan pelajaran negeri selaku organisasi yang mendukung dasar yang dimandatkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Sementara itu, empat orang murid tingkatan 4A3 dipilih dan ditemu bual untuk mendapatkan maklumat bagaimana pandangan mereka terhadap pengembangan kemahiran berfikir yang dijalankan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan bagi mengesahkan data yang telah dikumpul.



## 1.9 Peristilahan

### (a) Pengembangan

Pengembangan bermaksud mengembangkan sesuatu komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman dan bagaimana peserta kajian mengguna dan menghuraikan dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah. Contohnya komponen kemahiran berfikir mencirikan, menyelidik akan melihat dan menghuraikan bagaimanakah kemahiran berfikir mencirikan dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan oleh peserta kajian. Tujuan utama kajian ini ialah untuk menyiasat dan memahami bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### (b) Komponen berfikir

Komponen berfikir ialah komponen-komponen kemahiran berfikir yang terdapat dalam kemahiran berfikir secara kritis dan kemahiran berfikir secara kreatif (Mahzan Arshad, 2008). Dalam kajian ini, kemahiran berfikir seperti mencirikan, membanding dan membezakan, mengumpul dan mengelaskan, membuat urutan, menyusun mengikut keutamaan, menganalisis, mengesan kecondongan, menilai, membuat kesimpulan, menjana idea, menghubungkan, membuat inferens, meramal, membuat hipotesis, mensintesis, mengitlak, membuat gambaran mental, menganalogi dan mereka cipta digolongkan sebagai komponen berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di kelas tingkatan empat.

(c) Penggunaan

Frasa penggunaan diertikan sebagai hal perbuatan, tingkah laku, teknik sama ada dalam perbuatan atau bahan yang disediakan untuk mengembangkan sesuatu kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah. Dalam kajian ini, teknik pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah merupakan aktiviti peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah.

(d) Pengajaran Pemahaman Bacaan

Proses pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu di bilik darjah ialah tindakan guru untuk mengajar pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pada masa proses pengajaran, bahan bacaan seperti buku teks, bahan bacaan komsas, keratan akhbar, buku rujukan, dan sebagainya disebut sebagai petikan yang digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Selain itu, guru juga menggunakan soalan-soalan kefahaman untuk menguji pemahaman pelajar berdasarkan petikan yang dibaca.

(e) Aplikasi

Aplikasi bermaksud mengambil atau menggunakan sesuatu konsep atau sesuatu komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Dalam kajian ini, aplikasi digunakan untuk menjelaskan apakah komponen kemahiran berfikir yang telah digunakan untuk dikembangkan oleh peserta kajian semasa mereka mengajar pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Aplikasi juga merupakan tahap hierarki soalan kefahaman, iaitu teks implisit dalam pengkelasan soalan kefahaman.

#### 1.10 Kesimpulan

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bukanlah perkara baharu, namun pelaksanaannya masih berada pada tahap tidak memberangsangkan. Pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran akan menambah lagi kaedah pengajaran di samping kaedah-kaedah lain yang telah digunakan oleh guru dalam pengajaran di bilik darjah. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengetahui bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Bab satu telah dibincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan yang wujud di sekolah berhubung pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran guru, di samping turut dijelaskan tentang tujuan dan soalan kajian. Bab seterusnya akan dibincangkan pula tentang kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

## BAB II

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, beberapa kajian tentang kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah digunakan sebagai tinjauan literatur untuk melihat bagaimanakah kajian-kajian kemahiran berfikir telah dijalankan oleh pengkaji sebelum ini. Dapatan kajian tersebut akan dibuat generalisasi dan dikaitkan pula dengan tujuan, soalan, kaedah dan analisis berdasarkan kajian ini. Bab ini juga membincangkan kerangka konsep pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu di kelas tingkatan empat.

Guru perlu menerima hakikat bahawa pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran boleh membentuk kemenjadian murid agar generasi yang akan datang mampu bersaing untuk menghadapi pelbagai cabaran pada alaf baharu kerana mempunyai pelbagai kemahiran termasuk kemahiran untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian. Moore, McCann & McCann (1985) menyatakan, pemikiran kritis adalah suatu proses kepada penyelesaian masalah. Saedah Siraj (1994) menyatakan, berfikiran kritis dan kreatif perlu dikembangkan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan dengan tindakan yang lebih positif. Oleh itu, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah pelajar dalam pembelajaran malah pelajar boleh menggunakan kemahiran berfikir untuk bertindak lebih positif dalam kehidupan seharian.


Berdasarkan kajian lampau, ditinjau dari aspek guru dalam melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran, mereka telah menjalankan pengajaran kemahiran berfikir dengan berkesan apabila pelajar mampu menghasilkan jawapan yang lebih tersusun, kemas dan mereka berupaya untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam menyelesaikan masalah dalam pembelajaran di bilik darjah.

## 2.2 Kerangka konsep kajian

Kajian tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan berdasarkan kepada kerangka konsep kajian (Rajah 1) yang berdasarkan kepada tiga peringkat pengajaran iaitu, sebelum, semasa dan selepas pengajaran. Dalam pengajaran pemahaman bacaan, peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir di samping menggunakan pengelasan soalan kefahaman dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat supaya mereka (peserta kajian) dapat mengembangkan komponen kemahiran berfikir dengan jelas dengan mengaitkan aras kesukaran soalan pemahaman berdasarkan petikan bacaan.

Rajah 1

Kerangka konsep kajian  
Kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan



Rajah 1 menjelaskan kerangka konsep kajian yang menunjukkan komponen-komponen kemahiran berfikir yang telah diguna dan dikembangkan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Manakala pada peringkat pengajaran pula dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu, sebelum, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Sementara perancangan kajian ialah perancangan yang telah dirancang oleh peserta kajian untuk merancang pengajaran mereka pada setiap peringkat pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dalam komponen kemahiran berfikir yang dikelaskan kepada dua kemahiran iaitu, kemahiran berfikir kritis dan kemahiran berfikir kreatif. Komponen-komponen kemahiran berfikir akan dikembangkan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Manakala dalam peringkat sebelum pengajaran, akan dihuraikan apakah perancangan peserta kajian untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Pada masa ini, penyediaan seperti catatan buku rekod mengajar, menyediakan bahan bacaan dan bagaimana peserta kajian memilih bahan bacaan dan merancang aktiviti yang akan dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Peringkat semasa pengajaran merujuk kepada masa pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Pada masa pengajaran, penyelidik menggunakan teknik pemerhatian untuk menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Manakala pada peringkat selepas pengajaran pula, penyelidik akan menjelaskan apakah yang dijalankan oleh peserta kajian untuk mengukuhkan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Selain itu, untuk mendapat maklumat apakah yang dilakukan oleh peserta kajian sebelum pengajaran pemahaman bacaan, teknik temu bual akan digunakan. Biasanya guru-guru akan menulis dalam buku rekod mengajar butir-butir seperti tarikh, hari, masa, kelas, tajuk, objektif, aktiviti dan refleksi. Di samping itu, mereka juga perlu menyediakan bahan bantu mengajar dengan memilih bahan bacaan yang hendak digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Mahzan Arshad (2001), pemahaman bacaan bukan sahaja perlu memfokuskan teks yang dibaca malah pengajaran pemahaman bacaan perlu juga memikirkan tentang diri murid-murid. Apa yang murid-murid tahu dan pernah mengalami akan dapat membina perkaitan di antara bahan yang dibaca dengan diri murid itu sendiri. Oleh itu, perancangan guru sebelum sesuatu pengajaran pemahaman bacaan perlu dilaksanakan oleh semua guru supaya bahan bacaan yang dipilih haruslah berdasarkan kepada pengalaman sedia ada pelajar bagi membolehkan kemahiran berfikir dapat dikembangkan dengan berkesan dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Pada masa pengajaran, seseorang guru akan menjalankan aktiviti seperti membaca petikan, mencari makna dan menjawab soalan-soalan kefahaman. Mahzan (1998) dalam kajiannya mendapati pelajar yang membaca bahan yang ada kaitan dengan budaya mereka akan mendapat markah yang tinggi bagi tindakbalas yang diberikan. Pengajaran pemahaman bacaan yang dirancang oleh guru dengan menggunakan bahan bacaan yang ada hubung kait dengan pelajar mampu menghasilkan mutu pengajaran pemahaman bacaan yang berkesan di bilik darjah. Sebagai contoh dalam sebuah pengajaran pemahaman bacaan, guru yang menggunakan bahan bacaan petikan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Dato' Shahnun Ahmad sudah boleh membuat ramalan apakah peristiwa yang akan terjadi seterusnya? Pengajaran akan bertambah menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan soalan pemahaman berbentuk skrip implisit (soalan penilaian dan penghayatan) dan pelajar boleh menilai, meramal dan menghayati tentang apa yang akan berlaku selanjutnya.

Pada peringkat selepas pengajaran, guru disaran merancang aktiviti untuk mengukuhkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar dengan membuat penilaian



tentang apakah yang dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Pengukuhan selepas pengajaran dapat membantu guru supaya aktiviti pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman menjadi panduan kepada pelajar menggunakannya untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka.

### 2.3 Definisi kemahiran berfikir

Kemahiran berfikir bermaksud kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat evaluatif manakala kemahiran berfikir kreatif ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Kesimpulannya, kemahiran berfikir boleh disimpulkan sebagai suatu proses menggunakan minda untuk mencari makna dan memahami tentang apa yang dibaca, membuat pertimbangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah pada masa pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid. Beberapa orang pendidik cuba mentakrifkan perkataan berfikir secara tepat, namun pelbagai definisi maksud berfikir telah diberikan, di antaranya ialah Dewey dan beliau menjelaskan:

*No one doubts, the theoretically, the importance of fostering in school good habits of thinking. But apart from the fact that the acknowledgement is not so great in practice as in theory, there is no adequate theoretical recognition that all which the school can do for pupils, so far as their minds are concerned...is to develop their ability to think.*

(Dewey, 1916: hlm.179)

Menurut Dewey, membudayakan aktiviti yang menggalakkan murid-murid berfikir di sekolah sepatutnya menjadi agenda dalam sistem pendidikan. Beliau menekankan kepentingan kemahiran berfikir patut dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam pendidikan dan pengembangannya dalam pengajaran dan pembelajaran akan dapat melahirkan pemikir yang bijak. Menurutnya lagi, berfikir membolehkan kita mengarahkan aktiviti yang terkehadapan dan merancang aktiviti tersebut berdasarkan matlamat yang kita harapkan. Penguasaan kemahiran berfikir akan menukarkan tindakan yang berlandaskan rasa, yang terselindung dan impulsif kepada tindakan yang lebih bijaksana (Dewey, 1933: hlm.152).

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk menggunakan potensi otak bagi menyelesaikan masalah dalam pembelajaran yang diperlukan oleh murid, selagi akal mereka tidak termasuk dalam keupayaan otak yang khusus bagi membolehkan mereka berfikir (Dewey 1961: 152). Raths, Jonas, Rothstein & Wassermann (1967) *...thinking is an important aim of education and that schools should do all that they can to provide opportunities for thinking* (Raths, Jonas, Rothstein & Wassermann, 1967: hlm.5). Mereka berpendapat, guru-guru disaran supaya memberi tumpuan terhadap usaha untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran supaya mereka boleh mengasah potensi berfikir dalam kalangan pelajar di bilik darjah.

Beyer (1984), mendefinisikan berfikir sebagai, *...mental technique or abilities that enable human beings to formulate thought, to reason out, or to judge.* (Beyer, 1984: hlm.484). Keupayaan berfikir merupakan teknik mental yang dianugerahi kepada manusia bagi membolehkan mereka membuat keputusan dengan

berdasarkan bukti yang kukuh. Selain itu, berfikir ialah kebolehan semulajadi manusia bagi membolehkan mereka berfikir untuk membentuk sesuatu konsep, memberi sebab dan akibat atau membuat penentuan tentang sesuatu perkara. Sebagai contoh, setiap masalah memerlukan seseorang itu berfikir sebagaimana yang telah digambarkan dalam maksud sebuah Hadis Nabi, berfikir sesaat itu lebih baik daripada sembahyang sepanjang malam. Manakala dalam Al-Quran perkataan berfikir merujuk kepada aqal yang disebut sebanyak 40 kali. Allah S.W.T. menampelak sikap manusia yang tidak mahu berfikir dan memberitahu manusia, Lihatlah bulan, Lihatlah langit, Lihatlah bintang dan fikirkan.

Mayer (1977) membuat tanggapan, pemikiran melibatkan pengelolaan operasi mental tertentu yang berlaku dalam minda atau sistem kognitif seseorang yang bertujuan menyelesaikan masalah. Dalam situasi ini, apabila seseorang sedang berfikir, sebenarnya mentalnya sedang bekerja dalam sistem kognitif untuk memberikan tindakbalas terhadap apa yang sedang difikirkannya sama ada untuk sesuatu tujuan atau untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Edward De Bono (1978) melalui konsep pemikiran lateral mengaitkan berfikir dengan berdasarkan kepada pelbagai perspektif pemikiran. *Thinking is deliberate exploration of experience for a purpose. That purpose may be understanding , decision-making, planning, problem solving, judgement , action and so on* (De Bono, 1978: hlm.1). Oleh itu, perkara penting dalam kemahiran berfikir ialah menggunakan potensi otak untuk berfikir bagi mencapai pelbagai maksud.

Kepentingan kemahiran berfikir boleh diasaskan kepada konsep pemikiran sebagai suatu matlamat pendidikan yang berkualiti. Eisner (1982) menyatakan:

*The aims of schooling and the development of student's ability to think and to know have long been associated. Perhaps, it may be regarded as the general aim of education. The focus of the development of cognition as an educational goal is appropriate on the belief that schools seem to be the most suitable place to foster the student's ability to understand the world, to deal effectively with problems, and to acquire wide varieties of meaning from interaction with it.*

(Eisner, 1982: hlm.27)

Menurut Eisner, sekolah merupakan institusi yang terbaik untuk mengembangkan pelbagai ilmu di samping mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Menyedari hakikat, pengajaran dengan memfokuskan kepada pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat melahirkan idea yang bernas berbanding kaedah pengajaran tanpa mengembangkan kemahiran berfikir pada masa pengajaran.

Ruggiero (1981), memberi definisi pemikiran kritis sebagai suatu proses mental yang aktif yang dilakukan apabila kita meneliti idea-idea kita (atau idea-idea orang lain), menjelajahi maknanya yang dinyatakan secara langsung atau tidak langsung, dan menetapkan sama ada idea-idea itu dapat dipertahankan ataupun tidak. Apabila seseorang dapat membuat pertimbangan sama ada baik atau buruk sesuatu perkara, maka ia dikatakan menjalani proses mental untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat.

Sternberg (1981), mentakrifkan kecerdasan sebagai set kemahiran belajar dan berfikir yang boleh diajar secara berasingan. Beliau telah membentuk senarai

kemahiran kognitif seperti penganalisisan masalah, pemilihan proses, pengawasan penyelesaian, kepekaan terhadap maklumbalas, dan penterjemahan maklum balas kepada sesuatu pelaksanaan pelan tindakan.

Ruggiero (1984), memberikan pengertian berfikir sebagai aktiviti mental yang membantu seseorang untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, pemahaman, mencari makna dan untuk mendapatkan jawapan. Sebagai contoh, apabila guru mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, pelajar pula boleh menggunakan pengetahuan kemahiran berfikir untuk menjawab soalan kefahaman yang berkaitan dengan kemahiran berfikir.

Presseinsen (1985), pemikiran kreatif ialah pemikiran yang menghasilkan ciptaan baru, idea atau pemikiran yang membina; Manakala pemikiran kritis bermaksud proses pemikiran untuk menganalisis perbahasan, mendapatkan makna, memberikan interpretasi, mengembangkan pemikiran logik, memahami andaian yang tersirat, mendapatkan maksud utama dan yakin dengan gaya persembahan. Sejajar dengan maksud itu, pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, guru bukan sahaja dapat membina pemikiran untuk menganalisis malah turut mengajar pelajar-pelajar mendapatkan maksud yang tersirat dalam petikan yang dibaca.

Perkins (1986), menyatakan teori kecerdasan menekankan kepada faktor kuasa, taktik dan kandungan yang boleh dijadikan sebagai kerangka berfikir. Chaffe (1988) berpendapat bahawa pengembangan kemahiran berfikir merupakan proses yang digunakan untuk membuat sesuatu keputusan dan menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Swartz (1989), menyatakan bahawa pemikiran merujuk kepada kebolehan berfikir dengan berkesan dalam sesuatu bidang pengkhususan. Perkins turut

menambah dengan mengatakan kehadiran kemahiran berfikir penting dalam usaha menangani masalah, membuat keputusan, mengendalikan maklumat dan berkomunikasi (Perkins, 1986).

Pemikiran akan terhalang jika pengetahuan individu dalam bidang-bidang tertentu terhad. Sebagai contoh, apabila guru mengajar pemahaman bacaan, pemikiran pelajar tidak dapat dibantu untuk menyelesaikan masalah kerana dengan mengembangkan kemahiran berfikir ia dapat menyumbang kepada kejayaan individu di sekolah dan kehidupan mereka seharian. Keefe & Walberg (1992) menyokong penuh dengan pelaksanaan kemahiran berfikir di sekolah-sekolah. Sementara Fisher menegaskan bahawa berfikir melibatkan aspek kritis dan kreatif dalam minda. Menurut beliau, semasa berfikir semua aktiviti yang dilakukan dengan menggunakan minda untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan berdasarkan bukti bagi mengesahkan sesuatu kebenaran seperti:

*...the opportunity to work out their own thoughts, to put their ideas into words, to advance their theories and to justify their beliefs. They need to discover themselves as thinking, feeling, whole people.*

(Fisher, 1990: hlm.vii)

Oleh itu, guru digalakkan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran untuk melatih pelajar supaya dapat menggunakan akal mereka ke arah menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka di bilik darjah.

Clarke (1990), menegaskan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran akan menghasilkan proses pengajaran yang berkesan. Menurut Clarke:

- (a) berfikir melibatkan pemindahan pengalaman kepada idea atau sebaliknya.
- (b) pengajaran melibatkan pemindahan idea kepada pengalaman atau sebaliknya.
- (c) pengajaran mungkin mengubah cara seseorang berfikir (dengan membentuk pengalaman baharu).
- (d) berfikir mungkin mengubah pengajaran dengan membentuk idea.
- (e) pengalaman dapat memberikan idea kepada pelajar kerana idea dibentuk melalui proses berfikir.

Beyer (1991), berpendapat berfikir ialah aktiviti mental yang kompleks dan memerlukan pelbagai kemahiran dan strategi. Di antaranya ialah untuk menyelesaikan masalah, pemahaman, menilai, mendapatkan ketepatan, membuat keputusan dan pembinaan sesuatu konsep. Beliau juga menegaskan, kemahiran berfikir melibatkan tiga komponen iaitu operasi mental, pengetahuan tertentu dan sikap. Apabila seseorang sedang berfikir, sebenarnya dia telah melibatkan operasi mental yang akan bergerak melalui ingatan kederiaan yang dikenali sebagai persepsi dan segala maklumat akan disimpan di dalam ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang untuk membolehkan ingatan mencari makna untuk dipadankan dengan maklumat baharu.

Phillips (1996) dalam bukunya *Developing Critical and Creative Thinking in Children* mendefinisikan kemahiran berfikir sebagai:

*Over the decades a plethora of have been proposed that describe different types of thinking such as reflective thinking, creative thinking, lateral thinking, analytical thinking, logical thinking, deductive thinking, analogical thinking to name a few.*

(Phillips, 1996: hlm.10)

Zol Azlan Hamidin (2000) menyatakan, kemahiran berfikir ialah proses kompleks yang berlaku dalam minda seseorang dan melibatkan pengendalian operasi mental yang tertentu dalam minda kita. Buku Panduan Kemahiran Berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, Julai (2001) menyatakan, kemahiran berfikir ialah kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu idea ; meneliti kebernasan, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah (PPK, 2001). Mahzan (2003) mendefinisikan kemahiran berfikir sebagai:

kegiatan akal yang dapat menguasai tindakan manusia terhadap sesuatu situasi yang dihadapinya. Secara khususnya definisi ini hanya terbatas kepada kemahiran bagi akal seseorang pelajar mengawal kemampuannya untuk bertindak balas terhadap simulasi yang berhubung dengan aktiviti empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

(Mahzan Arshad, 2003: hlm.8)



Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah, aktiviti akal yang berlaku pada murid ialah yang berkaitan dengan kemahiran-kemahiran berbahasa seperti kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Pelbagai tanggapan diberikan tentang kemahiran berfikir seperti kemahiran refleksi, pemikiran kreatif, kemahiran berfikir secara lateral, kemahiran berfikir secara analitis, pemikiran logik, pemikiran deduktif dan yang terbaharu ialah pemikiran secara analogi.

Kesimpulannya, berfikir boleh diertikan sebagai kemahiran untuk membentuk sesuatu dalam fikiran, membuat keputusan, mengingat, mencipta, mempertimbangkan, menggambarkan, mempercayai dan menjangkakan. Oleh yang demikian, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan boleh dikaitkan dengan proses mengembangkan kemahiran berfikir dengan menggunakan minda untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, berfikir boleh dikait dengan membuat refleksi dan metakognitif di samping mencari makna dalam pengajaran pemahaman bacaan.

#### 2.4 Model kemahiran berfikir

Kajian ini menggunakan model kemahiran berfikir (PPK, 2001), sebagai rujukan mengandungi 19 komponen kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Model ini menjadi panduan kepada peserta kajian semasa mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Model kemahiran berfikir PPK (2001) digunakan untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian mengembangkan komponen kemahiran


berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Walau bagaimanapun, penyelidik menggunakan model kemahiran berfikir untuk menghuraikan apakah komponen kemahiran berfikir yang digunakan dan bagaimanakah peserta kajian mengembangkan komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran merupakan satu kaedah untuk mencapai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah dihasratkan dalam FPK iaitu, mengkehendaki perkembangan pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Keseimbangan empat aspek ini akan tercapai sekiranya pada peringkat pelaksanaannya dapat menyesuaikan antara hasrat, isi pelajaran dan aktiviti yang dirancang dalam pengajaran. Siti Hawa (1986); Azizah Abd.Rahman (1987) menyatakan, pendekatan lama kurang memenuhi hasrat tersebut kerana mengabaikan aspek perkembangan individu dan pelajar akan berasa bosan apabila guru mengawal 95% perbincangan dalam bilik darjah (Marohaini Yusof, 2000). Kesannya, pelajar akan mencari jalan untuk mengelak daripada berdepan dengan guru dan tidak menumpukan perhatian kepada pengajaran di bilik darjah.

Dalam Kurikulum KBSR dan KBSM, kemahiran berfikir merupakan unsur yang diberi penekanan dan guru disaran supaya menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran (PPK, Julai 2001: hlm.1). Namun sehingga kini pelaksanaan dan kejayaannya masih menjadi tanda tanya kerana tidak ada satu pun kajian mengenainya dilaksanakan. Walau bagaimanapun pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mungkin tidak akan mengecewakan kerana terdapat guru-guru yang menjalankan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah.

Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran diharapkan dapat menghasilkan pelajar yang dapat menyatakan idea dengan bernas, kreatif dan mampu menyelesaikan masalah pembelajaran secara berkesan. Dalam kajian ini, kesan pengembangan kemahiran berfikir akan dapat dilihat setelah selesai proses pengajaran dengan membuat penilaian ke atas produk yang berasaskan kepada tiga peringkat pengajaran iaitu, sebelum, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Secara umumnya, ketiga-tiga peringkat pengajaran pemahaman bacaan dapat dijelaskan berdasarkan rajah berikut:

Rajah 2  
Model Kemahiran Berfikir



Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran  
dan Pembelajaran, PPK, KPM, Julai 2001: hlm.4

Menurut PPK, kemahiran berfikir kemahiran berfikir secara kritis ialah kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat evaluatif. Bagi setiap komponen kemahiran berfikir secara kritis dihuraikan seperti berikut:

1 Mencirikan

Mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep atau objek. Kemahiran ini digunakan untuk mendefinisikan konsep atau item dan mengenali antara konsep atau item yang hampir serupa.

2 Membandingkan dan Membezakan

Mencari persamaan dan perbezaan berdasarkan kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu objek atau peristiwa. Kemahiran ini digunakan apabila terdapat dua atau lebih ciri atau kemungkinan membuat pilihan atau keputusan.

3 Mengumpul dan mengelaskan

Mengasingkan dan mengumpulkan objek atau fenomena kepada kumpulan masing-masing berdasarkan kriteria tertentu seperti ciri atau sifat sepunya. Kemahiran ini digunakan apabila terdapat banyak item atau maklumat yang tidak tersusun.

4 Membuat urutan

Menyusun objek atau maklumat mengikut tertib berdasarkan kualiti atau kuantiti ciri atau sifatnya seperti saiz, masa, bentuk atau bilangan. Kemahiran ini digunakan untuk menyusun item atau maklumat supaya mudah difahami dan item yang tertentu mudah dikesan.

5 Menyusun mengikut keutamaan

Menyusun objek atau maklumat mengikut tertib berdasarkan kepentingan. Kemahiran ini digunakan untuk menonjolkan perkara yang mustahak dan menentukan tindakan yang perlu dibuat dahulu.

6. Menganalisis

Mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau peristiwa serta mencari makna yang tersirat. Kemahiran ini digunakan untuk mengenali bahagian-bahagian, memahami hubungkait antara bahagian dan mengenali prinsip yang terlibat. Menganalisis ialah suatu kemahiran yang kompleks.

7 Mengesan kecondongan

Mengesan pandangan atau pendapat yang berpihak kepada sesuatu atau menentang sesuatu. Kemahiran ini digunakan apabila terdapat sesuatu pernyataan yang cuba mempengaruhi keputusan atau pendapat seseorang. Menimbang ketepatan sesuatu sumber maklumat atau pernyataan dan mengenal pasti kecondongan pandangan seseorang.

8 Menilai

Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara daripada segi kebaikan dan keburukan berdasarkan bukti atau dalil yang sah. Kemahiran ini digunakan untuk membuat keputusan bagi memilih sesuatu sama ada menerima atau menolak sesuatu idea.

## 9 Membuat kesimpulan

Membuat pernyataan tentang hasil sesuatu kajian yang berdasarkan kepada sesuatu hipotesis atau mengukuhkan sesuatu perkara berdasarkan penyiasatan. Kemahiran ini digunakan untuk membuat keputusan, menerangkan sesuatu, meramal dan menyokong sesuatu pernyataan.

Maksud bagi setiap komponen kemahiran berfikir kreatif, dijelaskan seperti berikut:

## 10 Menjana idea

Menjanakan idea yang banyak secara spontan berkaitan dengan sesuatu perkara. Kemahiran ini digunakan apabila mencari idea baru atau mencari sesuatu alternatif berkaitan sesuatu perkara.

## 11 Membuat inferens

Membuat kesimpulan awal yang mungkin benar atau pun tidak berdasarkan maklumat daripada pemerhatian. Kemahiran ini digunakan apabila hendak merancang langkah-langkah tindakan atau membuat pilihan dan menganalisis sebab dan akibat keputusan atau kesan.

## 12 Menghubung kait

Membuat perkaitan untuk mencari sesuatu struktur atau corak perhubungan. Kemahiran ini digunakan untuk membuat inferens, meramal, membuat hipotesis, membuat kesimpulan dan mengitlak.

### 13 Meramal

Membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa berdasarkan pemerhatian dan pengalaman yang lalu atau data yang boleh dipercayai. Kemahiran ini digunakan untuk menjurus pilihan, merancang dan mempertimbangkan sesuatu pilihan.

### 14 Membuat hipotesis

Membuat pernyataan umum yang menghubungkan kaitkan pembolehubah bagi menerangkan sesuatu perkara atau peristiwa. Kenyataan ini boleh diuji untuk membuktikan kesahihannya. Kemahiran ini digunakan pada peringkat awal apabila hendak menjalankan sesuatu eksperimen, kajian atau penyelidikan.

### 15 Mensintesis

Menggabungkan idea, unsur, item dan perkara yang berasingan untuk menghasilkan gambaran yang menyeluruh dalam bentuk pernyataan, esei, ukisan dan artifak. Kemahiran ini digunakan untuk membuat kesimpulan, mengitlak atau menyediakan sesuatu tajuk serta menghasilkan bentuk komunikasi seperti lukisan, peta, rajah, puisi dan laporan.

### 16 Mengitlak

Membuat pernyataan umum terhadap keseluruhan kumpulan maklumat berdasarkan pemerhatian ke atas sampel kumpulan itu. Kemahiran ini digunakan untuk mencari pola, menyusun maklumat dan meramal.

### 17 Menganalogi

Membentuk kefahaman tentang sesuatu konsep dengan mengaitkan konsep itu dengan perkara yang mudah, maujud dan mempunyai ciri yang serupa. Kemahiran ini digunakan untuk memahami konsep atau perkara yang mujarat dengan cara mengaitkannya dengan sesuatu yang maujud yang telah diketahui.

### 18 Membuat gambaran mental

Membuat tanggapan tentang sesuatu idea, konsep, keadaan atau gagasan dalam minda atau fikiran. Kemahiran ini digunakan untuk memahami konsep yang mujarad dan mengingat konsep yang kompleks.

### 19 Mereka cipta

Melakukan sesuatu yang baru atau melakukan pengubahsuaian kepada sesuatu yang sedia ada dalam bentuk maujud atau mujarad.

Frasa yang dijelaskan sangat sesuai dan boleh diguna untuk menerangkan maksud bagi setiap komponen kemahiran berfikir. Frasa bagi setiap komponen digunakan sebagai panduan kepada penyelidik sewaktu menghimpul data bagi teknik pemerhatian yang telah dilaksanakan ke atas peserta kajian pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Sebagai contoh, bagi komponen kemahiran berfikir mencirikan, frasa yang dapat menjelaskan komponen ini ialah, menyatakan ciri-ciri, menyenaraikan ciri-ciri, mengenal pasti kualiti, sifat, dan menyebut ciri-ciri. Frasa yang menerangkan maksud kemahiran berfikir mencirikan



dapat membantu peserta kajian supaya mereka dapat mengembangkan kemahiran berfikir dengan jelas dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Berikut ialah penerangan bagi menjelaskan setiap komponen kemahiran berfikir yang mempunyai makna yang sama bagi setiap komponen dan dijelaskan dalam petunjuk frasa kemahiran berfikir seperti berikut:

Jadual 1  
Petunjuk kemahiran berfikir

Kemahiran Berfikir	Frasa yang sama makna
1. Mencirikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menyatakan ciri-ciri unsur</li> <li>- memperlihatkan unsur</li> <li>- menyenaraikan ciri-ciri, sifat dan unsur</li> <li>- mengenalpasti kualiti, sifat, ciri dan unsur</li> <li>- menyebut ciri-ciri, sifat dan unsur.</li> </ul>
2. Membanding beza	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mencari persamaan dan perbezaan</li> <li>- menyenaraikan ciri persamaan dan perbezaan</li> <li>- menyatakan ciri serupa dan tidak serupa</li> <li>- menyatakan persamaan dan perbezaan</li> </ul>
3. Mengumpul dan Mengelas	<ul style="list-style-type: none"> <li>- membuat pengelasan berasaskan ciri-ciri sepunya</li> <li>- mengumpulkan mengikut sesuatu kategori</li> <li>- menyusun mengikut kriteria</li> <li>- menyusun mengikut kumpulan</li> </ul>
4. Membuat urutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menyusun mengikut tertib berasaskan kronologi, corak, masa dan lain-lain.</li> <li>- menyusun secara menaik atau menurun</li> <li>- menyusun secara rantai urutan</li> </ul>
5. Menyusun mengikut keutamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengatur mengikut kriteia daripada paling penting kepada yang kurang penting</li> <li>- menyenarai idea mengikut kepentingan</li> <li>- mengatur mengikut hadapan ke belakang</li> </ul>
6. Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mencerakinkan maklumat</li> <li>- mengolah idea</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menghuraikan faktor-faktor penyebab</li> <li>- menghuraikan kepada bahagian</li> <li>- mencari bukti-bukti yang menyokong</li> <li>- mengimbas kembali idea-idea</li> <li>- mengkaji kesan baik dan buruk</li> <li>- mengkaji keputusan berasaskan fakta</li> </ul>
7. Mengesan kecondongan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menentukan pendirian sama ada berat sebelah</li> <li>- menentukan pemberatan kepada sesuatu pihak</li> <li>- menentukan pendirian kepada sesuatu pihak</li> </ul>
8. Menilai	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mentaksir maklumat</li> <li>- mempertimbangkan pendapat dan pandangan</li> <li>- mempertimbangkan cadangan</li> <li>- menyatakan rasional</li> <li>- membahaskan isu atau pernyataan</li> <li>- membuat pertimbangan</li> <li>- memberi alasan sama ada menerima atau menolak</li> <li>- membuat wajar</li> </ul>
9. Membuat kesimpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- merumus isu</li> <li>- menyatakan hasil selepas analisis</li> <li>- menyusun alasan</li> <li>- membuat resolusi</li> <li>- menyatakan persetujuan</li> <li>- membuat keputusan yang muktamad</li> <li>- menggulung hujah</li> </ul>
10. Menjana idea	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengemukakan idea</li> <li>- mencadangkan alternatif</li> <li>- mencadangkan sebab</li> <li>- menyatakan cara lain</li> <li>- menyumbang pendapat</li> <li>- menyatakan kemungkinan</li> </ul>
11. Menghubung kait	<ul style="list-style-type: none"> <li>- membuat keputusan awal</li> <li>- membuat rumusan awal</li> <li>- membuat kesimpulan awal</li> <li>- membuat tanggapan awal</li> <li>- membuat pernyataan awal</li> <li>- menyatakan ketetapan awal</li> </ul>
12. Membuat inferens	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menerangkan sebab dan akibat</li> <li>- menyatakan perkaitan</li> <li>- menyatakan implikasi</li> <li>- mengkaji perkaitan</li> <li>- mencari perkaitan</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengaitkan idea</li> <li>- menyatakan pertalian</li> <li>- membuat perhubungan</li> </ul>
13. Meramal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menyatakan apa yang akan berlaku</li> <li>- membuat jangkaan</li> <li>- menganggarkan apa yang akan berlaku</li> <li>- membuat perlunjuran</li> <li>- menyatakan kemungkinan yang akan berlaku</li> </ul>
14. Membuat hipotesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menyatakan cadangan yang perlu diuji kesahihannya</li> </ul>
15. Mensintesis	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menggabung idea</li> <li>- menggubal semula idea</li> <li>- menyatukan idea</li> </ul>
16. Mengitlak	<ul style="list-style-type: none"> <li>- membuat pernyataan umum berdasarkan pola</li> <li>- membuat generalisasi</li> </ul>
17. Menganalogi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- memetaforakan</li> <li>- membuat kiasan</li> <li>- membuat perlambangan</li> </ul>
18. Membuat gambaran mental	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengimajinasi</li> <li>- menggambarkan dalam bentuk lain</li> <li>- membayangkan dalam minda</li> <li>- melakar peta minda</li> <li>- membuat cereka</li> <li>- cuba fikirkan sesuatu peristiwa</li> </ul>
19. Mereka cipta	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mencadangkan idea asli</li> <li>- mencipta sesuatu</li> <li>- menghasilkan idea yang kreatif</li> </ul>

PPK , 2001: hlm.47-50

Petunjuk kemahiran berfikir seperti yang dijelaskan merupakan bukti dokumen yang telah digunakan oleh peserta kajian semasa mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Petunjuk kemahiran berfikir tersebut boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan

segera apabila peserta kajian tidak dapat mengingat bagi mana-mana maksud komponen kemahiran berfikir yang dikembangkan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Sebagai contoh, bagi menerangkan maksud komponen kemahiran berfikir menganalisis, petunjuk yang dimaksudkan ialah, mencerakin maklumat, mengolah idea, mengesan penyebab, menghurai faktor-faktor penyebab, membuat andaian berdasarkan maklumat, menghurai mengikut ciri-ciri, menghuraikan kepada bahagian, mencari bukti untuk menyokong, mengimbas kembali idea-idea, mengkaji kesan baik dan buruk dan mengkaji keputusan berasaskan fakta. Kesemua frasa makna tersebut menerangkan maksud kemahiran berfikir menganalisis dan petunjuk kemahiran berfikir ini penting semasa peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

## 2.5 Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran

Penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar penting dan perlu dikuasai kerana menjelang tahun 2020 mereka akan menghadapi transformasi yang menyeluruh mengenai soalan-soalan peperiksaan. Malah perubahan tersebut sudah pun dilaksanakan dalam sistem peperiksaan terbuka bermula dengan mata pelajaran Sains Sosial yang digubal berdasarkan domain afektif, domain bakat dan domain minat dengan memastikan 60% soalan peperiksaan menjelang tahun 2000 bertemakan kemahiran berfikir.

Oleh kerana kurikulum dan sukatan pelajaran digubal dengan memasukkan unsur kemahiran berfikir di dalamnya, dan objektif kajian ini ialah untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. KPPM telah menegaskan tentang betapa pentingnya kemahiran berfikir dalam pengajaran dan beliau menyarankan, *Another target under the ministry's Sasaran Kerja Utama, launched on Monday, to be achieved by the year 2000 is to have 60% of exam questions which require Critical thinking* (KPPM, *New Straits Times*, 5.1.1994).

Kenyataan KPPM diharap dapat membawa perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah khususnya dalam melaksanakan kemahiran berfikir kerana sasaran kerja utama KPM ialah untuk memastikan menjelang tahun 2000, soalan-soalan peperiksaan mengandungi 60% kemahiran berfikir secara kritis. Menurutny lagi, ...pengembangan kemahiran berfikir sudah lama dilaksanakan dan sudah pun dilaksanakan pada masa pelancaran KBSR dan KBSM lagi yang menekankan kemahiran berfikir merentas kurikulum. Dahlan (1994) menyatakan, pemikiran intelek dalam kalangan pelajar dapat dipertingkatkan dengan pengembangan kemahiran berfikir dalam semua mata pelajaran KBSM. Dalam hal ini, sekolah ialah institusi yang dapat melatih pelajar supaya dapat berfikir secara kritis, dan menjelang tahun 2000 hampir 60% soalan peperiksaan bercorak kemahiran berfikir dan amalan menghafal bukan lagi menjadi matlamat dalam sistem peperiksaan di Malaysia.

Kepentingan lain pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran ialah dapat membantu mempertingkatkan penguasaan isi pelajaran apabila kemahiran berfikir dikembangkan dengan berkesan dalam pengajaran. Oleh

itu, kemahiran berfikir perlu diimplimentasikan dalam pengajaran supaya pelajar-pelajar dapat menguasai ilmu bahasa serta mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

Selain menguasai kemahiran berfikir, prestasi berbahasa dalam kalangan pelajar dapat dipertingkatkan. Pernyataan ini nampak selari dengan pendapat oleh Bruner (1986), Kozulin (1990) dan Vygotsky (1978) menyatakan:

*If teachers teach language arts from this perspective, they will develop thinking simultaneously with language. Teachers will assist students to translate ideas, feelings and experiences into words, as soon as a mental image appears. At the same time, the accuracy and specificity of this translation will be determined by the depth and precision of thinking.*

(dalam Rajendran, 2001: hlm.4)

Oleh yang demikian, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran mempunyai kaitan yang rapat dengan peranan guru dalam pengajaran di bilik darjah. Gibson (1985) dan Rollins (1989) mendapati, kemahiran berfikir amat perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana dapat membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam pelajaran. Selain menyelesaikan masalah dalam pembelajaran, (Dudgins & Eldeman, 1988) menyatakan, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat melatih pelajar supaya dapat berfikir tentang sesuatu perkara. Sementara itu, Perkins (1993), menjelaskan guru bukan sahaja mengajar dengan melakukan aktiviti yang diarahkan oleh guru dalam bilik darjah, sebaliknya guru dikehendaki merancang pengajaran supaya pelajar dapat memikirkan tentang apa yang dipelajari. Menurut Perkins:

*Teaching is less about what the teacher does than about what the teacher gets the students to do. The teacher must arrange for the students to think with and about the ideas they are learning for extended period time, so that they learn their way around a topic.*

(Perkins, 1993: hlm.31)

Persoalannya sekarang, sejauh manakah guru-guru dapat menimba ilmu pengetahuan yang secukupnya mengenai kemahiran berfikir dan sejauhmanakah pula mereka telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran sepertimana yang telah disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Justeru, guru sebagai pelaksana kurikulum dan perlu bijaksana tentang keperluan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar (Gibson, 1985: Rollins, 1989). Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam bilik darjah memerlukan persediaan guru sebelum mereka memulakan pengajaran dan bukan setakat menguasai ilmu pengetahuan kemahiran berfikir dan melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran secara sambil lewa sahaja. Selain itu, bahan bantu mengajar juga perlu diberi perhatian oleh guru kerana dengan bahan bantu mengajar boleh membantu guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir di samping menyampaikan isi pelajaran dengan mudah.

Bahan bantu mengajar bukan sahaja dapat merangsang pemikiran dalam kalangan pelajar malah mampu menjadikan pengajaran guru bertambah menarik.

Gagne, Briggs & Wager (1992), berpendapat, terdapat beberapa kriteria bahan bantu mengajar dapat menarik perhatian dalam pengajaran guru di bilik dajah seperti:

- (a) Dapat menyatakan objektif pelajaran.
- (b) Dapat merangsang proses pengajaran dan pembelajaran.
- (c) Dapat menimbul rangsangan murid.
- (d) Dapat memberi bimbingan.
- (e) Dapat mengekal dan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran pelajar.

Seseorang guru yang kreatif sentiasa memikirkan strategi pengajaran untuk menarik perhatian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Oleh yang demikian, membuat persediaan sebelum pengajaran dengan memilih bahan pengajaran yang sesuai serta dapat menarik perhatian pelajar kepada isi kandungan pelajaran adalah kriteria yang perlu difikirkan oleh guru dalam pengajarannya. Dalam hal ini, kesediaan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah merupakan aspek yang penting dan boleh menjadi pembolehubah bagi menentukan sama ada sesebuah pengajaran di bilik darjah berjaya atau sebaliknya.

Inovasi pendidikan 1981 dan 1989 telah berusaha untuk mengubah pemikiran dalam kalangan guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Inovasi ini mengharapkan guru menjalankan pengajaran berpusatkan murid dengan menggunakan pelbagai strategi untuk melibatkan murid secara aktif (PPK,KPM, 1981). Persoalannya adakah guru telah bersedia untuk melaksanakan kemahiran



berfikir dalam pengajaran di bilik darjah, khususnya dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Perubahan ke arah strategi mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran diharapkan dapat menghasilkan transformasi yang membanggakan sekiranya guru dapat mempraktikkan sepenuhnya perkembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Guru seharusnya menggalakkan pelajar-pelajar berdialog dengan mereka bagi memahami pelbagai aspek di dalam kehidupan seharian mereka (Amir Awang, 1986). Melalui aktiviti berdialog dalam pengajaran, proses menguasai kemahiran berfikir dalam pengajaran akan terhasil akhirnya. Bruner (1968) menyatakan, *the courtesy of conversation may be the major ingredient in the courtesy of teaching*. Dalam hal ini, aktiviti yang dijalankan oleh guru seperti perbincangan dalam pengajaran dapat menjadikan pengajaran pemahaman bacaan bertambah menarik dan menyeronokkan dalam bilik darjah.

Oleh yang demikian, diharapkan dalam kajian ini peserta kajian dapat merancang persediaan pengajaran supaya pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat berjalan dengan lancar. Merancang pengajaran sebelum menjalankan aktiviti pengajaran membolehkan pelajar bersedia untuk berinteraksi dengan guru supaya wacana ilmu sentiasa berkembang dalam pengajaran di bilik darjah. Pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan yang tidak menjalankan pengembangan kemahiran berfikir secara bersungguh-sungguh, berkemungkinan pelajar sukar menulis kembali isi-isi yang tersirat untuk menjawab soalan-soalan kefahaman.

Pelaksanaan pendidikan yang berorientasikan pendedahan terhadap fakta, memerlukan guru mengubah corak pengajaran dengan memberikan tumpuan ke arah

membina pelajar yang mampu menangani pelbagai isu supaya mereka boleh berfikir tentang isi sesuatu pelajaran. Dalam hal ini, kegagalan guru mencorakkan pelajar ke arah tersebut, bermakna guru gagal mendidik pelajar dan akhirnya pelajar sangat bergantung kepada kepada guru dan berlakulah tingkah laku impulsif, dogmatif, dan pelajar kurang memberikan pendapat (Phillips, 1992).


Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah menetapkan bahawa kertas Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia mempunyai dua kertas iaitu, kertas I (karangan) dan kertas II (rumusan, kefahaman petikan, kefahaman bahasa klasik, kefahaman puisi dan tatabahasa). Peperiksaan SPM pada tahun 2000, telah membuka era baharu dengan memberi penekanan kepada soalan-soalan kemahiran berfikir. Menurut Torrance (1963), guru-guru hendaklah sentiasa menyoal dengan menggunakan soalan-soalan yang menjurus kepada peningkatan kemahiran berfikir secara mendalam dan meluas.

Lanjutan daripada isu tersebut, Laporan Prestasi SPM 1993 dan 1995, menunjukkan calon lemah menjawab soalan kefahaman Bahasa Melayu 2 (1103/2). Biasanya soalan kefahaman mengemukakan soalan berbentuk penilaian dan penghayatan dan meminta calon menulis kembali jawapan yang tersirat (skrip implisit). Berdasarkan laporan ini, diharapkan peserta kajian dapat menjalankan pengajaran dengan membimbing pelajar untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dengan menggunakan kemahiran berfikir dalam pembelajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

## 2.6 Model pengkelasan soalan kefahaman

Selain model kemahiran berfikir, PPK (2001), kajian ini juga menggunakan model pengkelasan soalan dan kefahaman (Marohaini Yusoff, 1999) yang pada dasarnya dibentuk berdasarkan Taksonomi Barret dan Pearson. Kesemua taksonomi yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk mengelaskan soalan-soalan kefahaman. Dalam kajian ini, model pengkelasan soalan kefahaman (1999) digunakan untuk menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menggunakan aras soalan dan penysoalan berdasarkan model pengkelasan soalan dan kefahaman dan bagaimanakah peserta kajian menggunakan aras soalan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Rajah 3  
Model pengkelasan soalan kefahaman



Strategi Pengajaran Bacaan  
dan Kefahaman, Marohaini Yusoff, 1999: hlm.196

2.7 Rasional menggunakan model pengkelasan soalan kefahaman (1999) dan model kemahiran berfikir (2001)

Model pengkelasan soalan kefahaman (1999) oleh Marohaini Yusoff dipilih kerana beberapa faktor, di antaranya ialah sesuai sebagai sebuah model untuk mengkaji isu pendidikan yang melibatkan proses kerana kemampuannya menyiasat dan meneroka sesuatu fenomena dengan mendalam (Stake,1997; Merriam 1998). Berdasarkan pendapat beberapa sarjana dalam penyelidikan, kajian ini bersesuaian dengan maksud tersebut iaitu untuk menyiasat bagaimanakah guru menggunakan aras soalan dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Rasional-rasional lain dari perspektif kajian mengapa model pengkelasan soalan kefahaman dipilih dalam kajian ini ialah:

- (a) Dapat mengenal pasti dan menghuraikan aras soalan yang digunakan oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (b) Dapat mengekalkan aspek persekitaran yang sebenar dalam masa pengutipan dan penganalisan data.
- (c) Memberi peluang kepada penyelidik untuk menyiasat bagi memahami aras soalan pemahaman yang digunakan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan mendalam dan bukan sekadar menguji hipotesis sahaja.

Taksonomi Bloom (1956) mengatakan, pemahaman pelajar boleh diukur melalui enam peringkat soalan pemahaman iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian, Guilford (1959) pula menggariskan empat peringkat kefahaman iaitu kognitif, pemusatan, penyimpangan dan penilaian. Sementara Smith (1969) mengemukakan empat tahap kemahiran pemahaman iaitu pemahaman literal, peringkat tafsiran, kritikal dan kreatif. Begitu juga dengan Space (1973) yang telah membahagikan kepada empat tahap soalan bagi memahamkan bacaan iaitu tahap kognitif, ingatan, pemusatan dan penilaian.

Santoz (1976) mencadangkan, soalan kefahaman dibahagikan kepada enam kategori iaitu mengecam dan mengingat, terjemahan, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Gunning (1998) membahagikan empat tahap soalan kefahaman iaitu tahap pemahaman, pengelolaan, penjelasan dan pemantauan. Mahzan Arshad (1993) telah menjalankan kajian ke atas sekumpulan 140 orang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah di negeri Selangor Darul Ehsan dan peserta kajian terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan serta tiga aliran, iaitu Kemanusiaan, Prinsip Akaun dan Sains. Hasil kajian, beliau mendapati masih ramai pelajar yang lemah menjawab soalan pada tahap penghayatan dengan min sebanyak 39.257, dan penilaian dengan min sebanyak 46.229. Ini menunjukkan bahawa para pelajar gagal untuk menjawab soalan kefahaman pada tahap skrip implisit.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan soalan dalam pengajaran pemahaman bacaan bukan sahaja dapat menilai tahap pemahaman dalam kalangan pelajar malah pemilihan aras soalan yang digunakan dapat membuktikan peserta kajian tahu dan faham aras soalan yang digunakan dalam kajian yang dijalankan.

Sementara itu, Model Kemahiran berfikir (2001) oleh PPK kerana model ini mengandungi komponen-komponen kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif yang digunakan oleh penyelidik untuk menyiasat dan memahami bagaimanakah peserta kajian menggunakan komponen kemahiran berfikir dan dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dalam kajian ini, fenomena pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan yang dijalankan oleh peserta kajian dengan menyiasat peringkat pelaksanaannya dan adakah mereka dapat menyesuaikan antara hasrat KPM, isi pelajaran dan aktiviti yang dirancang dalam pengajaran. Dalam hal ini, Siti Hawa (1986) dan Azizah Abd.Rahman (1987) menjelaskan, pendekatan pengajaran guru-guru sebelum ini kurang memenuhi hasrat tersebut kerana mereka mengabaikan aspek perkembangan individu. Pelajar bosan apabila guru mengawal 95% perbincangan dalam bilik darjah (Marohaini Yusof, 2000) dan pelajar mencari peluang untuk mengelak daripada berdepan dengan guru di bilik darjah.

Kurikulum KBSR dan KBSM, memberi penekanan supaya guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran (PPK, Julai 2001: hlm.1). Namun pelaksanaan dan kejayaannya masih menjadi tanda tanya kerana pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran masih tidak menggalakkan. Dengan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, diharapkan dapat melahirkan pelajar yang mampu menyatakan idea dengan bernas, kreatif dan mampu berdepan dengan masalah yang rumit yang memerlukan penyelesaian secara berkesan. Oleh yang demikian, kesan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dapat dilihat setelah selesai proses pengajaran dengan membuat

penilaian ke atas produk berasaskan persediaan, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

## 2.8 Konsep pengajaran kemahiran berfikir dalam kurikulum

Kecenderungan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi tumpuan pendidik, pakar psikologi dan ahli falsafah di serata dunia beberapa dekad kebelakangan ini. Di Malaysia perkembangan yang sama telah berlaku untuk menerima perubahan dengan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. *Critical thinking is the essential foundation for education because it is the essential foundation for adaptation to the everyday personal, social and professional demands of the 21st Century and thereafter.* (Paul, 1993: hlm.xii). Pernyataan Paul menjelaskan bahawa langkah untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah merupakan satu kemahiran yang baharu dan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran diharapkan diharapkan dapat membawa perubahan dan penambahbaikan dalam usaha membina sumber manusia yang boleh menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi bagi membina sesebuah negara yang membangun pada masa akan datang.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 April 2001 telah menggariskan bahawa kurikulum sekolah akan dikaji semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar khususnya di peringkat rendah dan menengah (RRJP3,2001: hlm.168). RRJP3 menuntut supaya kurikulum sekolah dikaji

semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan daya cipta dalam kalangan murid. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan program melatih dan mengadakan kursus-kursus tentang kemahiran berfikir semenjak tahun 1995. Bagi guru-guru yang telah berkursus, mereka sudah mempunyai pengetahuan tentang kemahiran berfikir dan boleh menjalankan pengembangan dalam pengajaran di sekolah. Penubuhan Sekolah Bestari telah membuka lembaran baharu dengan memberi penekanan tentang pentingnya kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Dalam hal ini, Menteri Pelajaran Malaysia telah menegaskan:

*The smart schools system will open a new era in teaching and learning stress on thinking skills, instead of rote learning, this is the essence of Smart Schools which will produce a new generation of citizens in the new millennium.*

(Menteri Pelajaran Malaysia, *The Star*, 1 September 1998)

Penubuhan Sekolah Bestari diharapkan mampu untuk merealisasikan kemahiran berfikir dengan membawa harapan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (1997) menyarankan, *what we hope to achieve now and in the future is to encourage independent thinking and smart schools is a tool in helping us reach this goal.* Manakala Menteri Pelajaran pula mengharapakan dengan penubuhan Sekolah Bestari, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran akan dapat membantu Kementerian Pelajaran untuk mencapai sasaran iaitu, kemahiran berfikir



merentas kurikulum dan kurikulum yang digubal pula mampu untuk memenuhi bagi mencapai hasrat dan aspirasi seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK):

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM, 1988)

Hasrat FPK memperlihatkan satu pendekatan yang seimbang dari aspek tujuan, matlamat dan objektif pendidikan yang meliputi beberapa aspek seperti individu, sosial, ekonomi, politik dan pemodenan. Penekanan terhadap kemahiran berfikir dalam KBSM terkandung dalam objektif iaitu, untuk mengembang dan meningkatkan daya intelek serta pemikiran yang rasional, kritis dan kreatif (KPM, 1992). Oleh itu, berdasarkan kurikulum baharu dan bersepadu diharapkan dapat menghasilkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan individu yang seimbang dan warganegara yang bertanggungjawab pada masa hadapan (Robiah Sidin, 1992). Harapan ini disandarkan ke atas bahu semua guru supaya dapat melaksanakan pengajaran yang berkesan ke arah mendidik pelajar yang berketrampilan dan berkemajadian pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, fokus pengisian kurikulum sekolah sama ada pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah ialah untuk melahirkan pelajar

yang berpengetahuan, berkemahiran, berakhlak mulia, berketrampilan, berdaya saing untuk dijadikan asas ke arah menyemai, memupuk dan merealisasikan budaya berfikir dalam kalangan pelajar. Dalam hal ini, untuk memenuhi matlamat mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersikap terbuka dan kreatif, kurikulum yang direncanakan mestilah mampu menghasilkan pelajar-pelajar dengan kesediaan diri yang kukuh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu, pengisian kurikulum dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah, diharapkan pelajar akan memperoleh penguasaan pengetahuan tentang pemahaman bacaan di samping menguasai beberapa kemahiran lain seperti:

- (a) Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- (b) Kemahiran berkomunikasi secara berkesan.
- (c) Kemahiran membuat pilihan dan membuat keputusan.
- (d) Kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat.

Mengajar sambil mengembangkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran bukanlah mengajar logik tetapi lebih kepada memberi penekanan terhadap daya persepsi dalam kalangan pelajar. Berfikir secara logik mempunyai sifat nyata dan langsung dalam memproses maklumat yang di terima dan kemahiran berfikir berguna untuk menjelaskan perkara yang tersirat. Dalam hal ini, pengajaran secara logik digunapakai untuk memahami perhubungan dan perkaitan di antara sebab dan akibat dan keupayaan berfikir dianggap sebagai kemahiran yang perlu dikembangkan dalam pengajaran kerana ia akan membawa kesan yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan ini ialah untuk memahami dan menghuraikan

bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat kerana ia berguna untuk menerangkan makna yang tersirat di sebalik bahan bacaan yang digunakan dalam pengajaran.

Fisher (1990), Morgan & Saxton (1991), Mohd.Hussain Ibrahim (1995) dan Phillips (1996) merumuskan, kemahiran berfikir boleh diajar kepada murid. Pernyataan ini berbeza dengan pendapat sebelum ini, dan pendidik kini umumnya sudah boleh menerima hakikat, kemahiran berfikir memang boleh diajar secara dikembangkan dalam mata pelajaran di bilik darjah (Rejendran, 2001: hlm.4). Abdul Rahim (1999) menyatakan, pemikiran kritis memerlukan seseorang yang mahir dan berkebolehan bagi menganalisis isu-isu yang tersirat di sebalik tindakan dan keputusan yang telah dibuat. Jadi, kalau kita mahu melahirkan generasi bijak bistari, pelajar yang gemar membaca dan mencari ilmu sepanjang hayat maka sistem pendidikan formal perlu mewujudkan keadaan yang boleh menggalakkan aktiviti berfikir, bertanya dan berbincang tentang ilmu yang dipelajari serta yang berkaitan dengan dunia yang sebenar di luar bilik darjah.

...pelbagai persoalan yang boleh diselesaikan dengan mengaplikasi kemahiran berfikir secara rutin berdasarkan ilmu yang sedia ada. (Onosko & Newman, 1994). Selain itu, pelaksanaan kemahiran berfikir kalau dijalankan secara rutin dalam pengajaran literasi dengan mengutamakan pembinaan makna akan dapat menyelesaikan masalah dalam pembacaan (Mahzan, 2003). Oleh yang demikian, pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat membantu pelajar ke arah pembinaan makna dan menyelesaikan masalah dalam pembacaan dan ia boleh disepadukan dalam pengajaran.

Beyer (1979) mencadangkan dua langkah digunakan apabila mengajar pemahaman bacaan dengan mengembangkan kemahiran berfikir. Langkah pertama ialah memperincikan komponen kemahiran berfikir dan langkah kedua menjalankan pengoperasian kemahiran berfikir ketika. Pandangan Beyer nampaknya mempunyai persamaan dengan hasrat PPK (1993) iaitu, kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam pengajaran di bilik darjah. Oleh itu, diharapkan melalui kajian ini, peserta kajian dapat menjalankan pengembangan kemahiran berfikir semasa pengajaran pemahaman bacaan supaya pelajar dapat menyelesaikan masalah mereka dalam pembacaan.

Kemahiran berfikir yang dipilih untuk dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan hendaklah diikuti dengan soalan dan penyoalan supaya peserta kajian dapat memfokuskan isi kandungan berdasarkan petikan yang dibaca. Penyoalan merupakan cara yang paling berkesan dan perlu digunakan supaya pelajar dapat berfikir petikan yang dibaca. Soalan-soalan yang dikemukakan dapat merangsang pembaca untuk bertinteraksi dengan teks secara aktif (Phillips, 1992a). Dalam hal ini, peserta kajian hendaklah berperanan sebagai pakar rujuk yang serba tahu supaya pengajaran pemahaman bacaan dengan mengembangkan kemahiran berfikir dapat dijalankan dengan berkesan di bilik darjah. Beyer (1979) mencadangkan beberapa komponen kemahiran berfikir yang telah dipilih dan disesuaikan dengan bentuk soalan supaya kemahiran berfikir dapat dikembangkan dengan berkesan semasa pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Di antaranya ialah:

Jadual 2  
Kemahiran berfikir terpilih

Kemahiran berfikir terpilih	Bentuk penyoalan
Mengelaskan	Bagaimanakah kamu dapat mengelaskan apa yang kamu baca.
Membanding beza	Apakah perbezaan di antara watak Cinderella dengan kakak tirinya.
Meramal	Apakah perasaan kakak tiri Cinderella jika mereka tahu bahawa gadis itu adalah adik mereka.
Menilai	Manakah lebih canggih, di antara kereta Mazda atau Toyota.

Phillips J.A., Jurnal Pembacaan 2, 1993: hlm.41-42

Abdul Rahim (1999) mengemukakan beberapa strategi untuk mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dalam pengajaran dan pembelajaran supaya pelaksanaannya berkesan. Beliau telah mengemukakan pendekatan hierarki taksonomi, pembelajaran yang melibatkan pemikiran dan boleh dikembangkan dalam bilik darjah sekiranya:

- (a) Pengajaran disampaikan dengan sistematik, teratur bagi tujuan mengembangkan daya fikir dan kecenderungan untuk berfikir.
- (b) Pemikiran dikembangkan secara dinamis dan progresif yang melibatkan tahap dan proses berfikir yang terarah dan bersistematik.

Menurut beliau lagi, perkembangan pemikiran boleh pula disimpulkan kepada tujuh aspek seperti:

- (a) Mengingat–mengecam dan mengingat kembali maklumat yang dipelajari.
- (b) Terjemahan–untuk mendapatkan idea.
- (c) Interpretasi–memperlihatkan hubungan di antara fakta dan generalisasi.
- (d) Aplikasi –menyelesaikan sesuatu masalah yang memerlukan penggunaan fakta dan generalisasi.
- (e) Analisis–pengecaman dan pengaplikasian logik kepada sesuatu masalah dan menganalisis.
- (f) Sintesis –menggunakan originaliti, pemikiran kreatif bagi menyelesaikan masalah.
- (g) Penilaian–membuat pertimbangan.

Berdasarkan strategi yang telah dicadangkan oleh Abdul Rahim (1999), diharapkan dalam kajian ini, peserta kajian dapat melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan menggunakan pendekatan hierarki taksonomi bagi membolehkan mereka merancang untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Clarke (1990) menyatakan, kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam mata pelajaran dan tidak diajar secara terpisah. Kemahiran berfikir akan lebih berkesan jika diajar secara bersepadu dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah (Swartz & Parks, 1994), manakala (Beyer, 1988) berpendapat, kemahiran berfikir perlu diajar

secara tidak langsung dan guru mesti memahami kemahiran berfikir terlebih dahulu sebelum proses pengajaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir berlangsung di bilik darjah. Justeru, berdasarkan kajian ini, pemilihan peserta kajian seperti mempunyai pengetahuan yang luas tentang kemahiran berfikir dan tahu untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dipilih sebagai kriteria penting untuk menjadi peserta dalam kajian ini.

Aini Hassan (1996) menyatakan, untuk mengembangkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar, pertama sekali guru perlu memahami konsep pemikiran kritis terlebih dahulu dan kemudian menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menyediakan peluang bagi perkembangannya dalam bilik darjah. Malah, guru sendiri mesti mempunyai tabiat sebagai pemikir yang kritis. Sementara Phillips (1996) menyatakan, guru perlu mempunyai daya kreatif apabila mereka mahu mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dengan mewujudkan suasana yang menggalakkan murid untuk berfikir (Phillips, 1996: hlm.72).

Mengembangkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran di sekolah bukanlah sesuatu yang mudah kerana guru perlu dilatih untuk memiliki pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar, dan sikap yang sesuai untuk mengendalikan proses pengajaran pembelajaran supaya ia lebih berkesan (Rajendran 2001: hlm.4). Memang tidak dinafikan bahawa mengajar isi kandungan mata pelajaran dengan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran bukanlah sesuatu yang mudah seperti pepatah, Ibarat meniti di atas seutas tali yang direntangkan, memerlukan pertimbangan dari semua aspek. (Edward de Bono, 1978). Oleh yang demikian, pendapat de Bono, jika diteliti dan disesuaikan dengan pengembangan kemahiran

berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana pelaksanaannya memerlukan pertimbangan banyak aspek seperti peserta kajian mestilah mahir dengan kemahiran berfikir dan tahu bagaimana untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran.

Beyer (1991) menyarankan empat perkara untuk mengajar kemahiran berfikir dalam pengajaran secara berkesan iaitu:

- (a) Menenal pasti kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan.
- (b) Merancang dan mengembangkan kemahiran berfikir dengan berkesan.
- (c) Menilai kecekapan murid dengan kemahiran berfikir yang telah dikembangkan.
- (d) Mengembangkan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran yang diajar.

Pandangan penyelidik yang terdahulu, kemahiran berfikir boleh dikembangkan bersama-sama kandungan mata pelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Poh (1999) menyatakan, kemahiran berfikir perlu disebatkan dalam pengajaran harian guru supaya pelajar-pelajar dapat memikirkan apa yang telah dipelajari. Justeru itu, bagi mencapai hasrat seperti yang terkandung dalam FPK, guru-guru sepatutnya mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka mentransformasikan corak pengajaran yang berkesan dalam pengajaran di bilik darjah.

Meyers (1986) menyarankan supaya kemahiran berfikir tidak diajar secara terpisah tetapi disepadukan dalam mata pelajaran sekolah kerana bakat yang ada pada guru boleh digilap melalui latihan dan amalan dalam konteks pelaksanaan kemahiran



berfikir dalam pengajaran. Swartz & Parks (1994), Clarke (1990) dan Meyer (1986) bersependapat, kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, kemahiran berfikir memang boleh dikembangkan dalam apa juga pengajaran termasuklah dalam pengajaran pemahaman bacaan dan mestilah diajar dengan tidak memisahkan di antara isi pelajaran dengan pengembangan kemahiran berfikir.

## 2.9 Masalah pelaksanaan kemahiran berfikir

Pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah sudah lama diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, namun pelaksanaannya masih kurang memuaskan. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemahiran berfikir dikembangkan secara hambar pada masa pengajaran di bilik darjah. Sebagai contoh dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, masa yang diperuntukkan ialah 40 minit dan dalam masa itulah digunakan untuk menjalankan aktiviti seperti membaca senyap, membaca kuat, menjalankan perbincangan, menjawab soalan kefahaman, membentangkan hasil perbincangan dan aktiviti penulisan. Oleh yang demikian, faktor masa yang singkat memang tidak mencukupi untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Dalam hal ini, cikgu Adri menjelaskan:

Masalahnya ialah dari segi masa. Cikgu tidak sempat untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Kadang-kadang untuk membuat penyimpulan pun tidak sempat. Bagaimana pula untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir. Kalau kita banyak mencungkil idea pelajar dan minta pendapat mereka, masa untuk membuat latihan akan berkurangan.

(CLHA – 20.10.2004)

Selain faktor masa, menyediakan bahan bantu mengajar pun bermasalah kepada guru. Cikgu Roslan menjelaskan:

Bahan bantu mengajar memang masalah kepada guru. Sebab kalau kita menggunakan internet, terpaksa melibatkan banyak pihak, buat temu janji dengan juruteknik komputer dan kena bawa *OHP* masuk kelas. Apa lagi kalau hendak mengembangkan kemahiran berfikir, banyak bahan bantu mengajar perlu disediakan dan untuk menarik minat pelajar kenalah buat bahan bantu yang menarik juga.

(CLHA – 20.10.2004)

Oleh hal yang demikian, menyediakan bahan bantu mengajar sebelum pengajaran menjadi masalah kepada guru kerana perlu disediakan sendiri oleh guru. Misalnya radio, kaset, keratan akhbar dan bahan bacaan untuk digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Hal yang sama turut terjadi kepada pegawai Pusat Perkembangan Kurikulum apabila mereka menjalankan kajian di Sekolah Menengah Bandaraya pada tahun 1992. Mereka telah bertindak sebagai penyedia bahan pembelajaran untuk murid-murid bagi mengelak supaya pemerolehan data tentang kemahiran berfikir tidak terkandas di tengah jalan. Semua ini

adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kesukaran mendapatkan bahan bantu mengajar untuk digunakan pada masa pengajaran di bilik darjah.

Selain masalah tersebut, pengetahuan kemahiran berfikir dan bagaimana untuk mengembangkan dalam pengajaran juga menjadi masalah dalam kalangan guru. Walaupun kemahiran berfikir sudah dilaksanakan semenjak tahun 1992, namun perlaksanaannya masih tidak menggalakkan. Laporan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum menyatakan, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran masih berada pada tahap kurang memuaskan. Sungguhpun beberapa langkah telah diambil supaya pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya, namun pelaksanaannya masih tidak memberangsangkan. Beberapa orang guru bahasa yang ditemui menyatakan:

Memang ada kursus kemahiran berfikir yang dianjurkan oleh PPD dan memang telah diperolehi semasa di universiti dahulu. Namun guru perlu didedahkan semula atau *refresh* supaya pelaksanaan tersebut dapat diingat kembali tentang apa yang telah dipelajari dahulu.

(CLHA – 27.10.2004)

Sehubungan dengan itu, beberapa kursus untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah sudahpun dijalankan sama ada di peringkat KPM, JPN dan PPD namun isu pengembangannya dalam bilik darjah masih menjadi tanda tanya sehingga ke hari ini. Sungguhpun pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pernah didedahkan pada suatu masa dahulu dan juga melalui *in house training* di sekolah-sekolah, namun perkara ini memang menjadi hasrat dan harapan guru-guru supaya Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menghasilkan sebuah modul untuk

dijadikan panduan bagaimana untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah agar menjadi kenyataan.

## 2.10 Konsep pengajaran pemahaman bacaan

Konsep pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan merupakan aspek yang diberi penekanan oleh guru pada masa pengajaran di bilik darjah. Dalam hal ini, guru mesti menggunakan petikan sebagai bahan bacaan untuk mengajar pemahaman bacaan. Thorndike (1917) mendefinisikan membaca sebagai berfikir dan membawa maksud membaca mempunyai kaitan dengan pemikiran seseorang. Dengan membaca aktiviti berfikir digunakan untuk memahamkan maksud di sebalik bahan yang dibaca. Dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah, guru bukan sahaja mengajar memahami petikan malah mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran tersebut.

Dalam proses membaca, minda memainkan peranan dan menangkap serta memahami perkara yang kompleks dalam bacaan. Jika membaca dan tidak memahami apa yang dibaca, bermakna tahap penguasaan pembacaan tidak mencapai aras sebenar seperti menaakul, mentafsir, menilai, menganalisis, mengaplikasi dan beberapa aktiviti lain yang melibatkan minda. Malah kebanyakan tokoh pendidikan dan psikologi berpendapat membaca bukan sahaja melibatkan aktiviti mekanis, tetapi membabitkan aktiviti mental yang terbina secara beransur-ansur pada waktu-waktu tertentu.

Abdul Aziz Talib (1989), memetik pendapat ahli-ahli psikolinguistik tentang kefahaman membaca dan beliau telah merumuskan:

- (a) Membaca bukan semata-mata proses penglihatan kerana dalam pembacaan aktiviti yang dijalankan bukan sekadar melihat apa yang dicetak dalam bahan bacaan. Sebaliknya lebih jauh daripada itu, pembaca memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu seperti memperoleh maklumat yang dibaca. Di antaranya, kemahiran berbahasa yang digunakan dalam petikan serta perkataan-perkataan yang terdapat didalamnya.
- (b) Bacaan ialah aktiviti yang berterusan kerana dalam pembacaan seseorang itu akan melakukan perkaitan seperti proses memilih, menelaah (meramal), menguji dan mengesahkan segala maklumat yang terdapat dalam petikan yang dibaca.
- (c) Kebolehan berbahasa secara lisan adalah prasyarat untuk memahami isi kandungan yang dibaca. Dalam membaca aspek makna berlaku dalam pembacaan untuk memahamkan perkataan-perkataan berdasarkan makna.
- (d) Pembaca menggunakan tiga sistem kiu, kiu grafik, kiu sintatik dan kiu semantik. Kiu grafik ialah huruf-huruf yang tertulis, kiu sintatik pula ialah struktur bahasa. Manakala kiu semantik ialah makna. Pembaca mahir ialah dapat menggunakan ketiga-tiga kiu tersebut dengan berkesan dalam pembacaannya.

Beberapa penyelidik berpendapat, dalam bidang bacaan, pembaca memerlukan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran meramal dan kebolehan menggunakan akal untuk berfikir supaya dapat memahami maksud yang tersirat petikan yang

dibacanya. Loga Baskaran (1991), menyatakan proses kefahaman bacaan ialah tindakbalas terhadap bahasa yang dicetak dengan mencari maklumat kandungan dalam petikan yang dibaca. Jeniri Amir dan Aishah Zaharah Ali (1989), menjelaskan, kefahaman ialah suatu proses mental dan emosi sehingga dapat mempengaruhi tingkat kefahaman seseorang. Oleh yang demikian, banyak faktor yang mempengaruhi kefahaman dalam membaca seperti kecerdasan, pengalaman, pengetahuan, mekanis bacaan dan minat supaya proses membaca bermakna kepada pembaca.

Sementara Khadijah Rohani Md.Yunus (1987) memetik pendapat Harris dan Hodges (1981) dengan menyatakan, kefahaman membaca ialah kebolehan atau kemampuan memahami dengan sepenuhnya apa yang dibaca. Ini ialah proses mendapatkan maklumat daripada komunikasi sama ada melalui lisan, bertulis atau penggunaan simbol-simbol tertentu. Proses membaca merangkumi proses mental yang kompleks seperti pengecaman perkataan, pemilihan makna yang sesuai, penubuhan generalisasi dan juga penilaian.

Mangantar Simanjuntak (1982) berpendapat, masalah pengajaran bahasa adalah masalah psikolinguistik. Oleh yang demikian, dalam pengajaran bahasa, aspek psikolinguistik tidak boleh dipisahkan dengan pengajaran bahasa di bilik darjah. Oleh itu, dalam proses pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah, peserta kajian perlu mengetahui prinsip dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya dapat merangka pengajaran berdasarkan kebolehan pelajar-pelajar.

Dalam pemahaman bacaan, terdapat tiga kategori makna iaitu, penubuhan makna, pentafsiran makna dan penilaian makna (Abdul Ghalib Yunus, 2001). Penubuhan makna ialah kemahiran asas dalam kefahaman membaca. Oleh itu, dalam

pengajaran pemahaman bacaan, guru perlu mempunyai kemahiran pedagogi bacaan dan kefahaman seperti:

- (a) Mengecam dan memahami makna perkataan, frasa dan ayat.
- (b) Memahami makna perkataan dalam konteks ayat.
- (c) Memahami makna perkataan yang sama erti atau berlawanan.
- (d) Mengenal ayat dan tajuk utama dan isi sampingan dalam perenggan.
- (e) Mengenal pasti bahasa kiasan, perumpamaan, dan bidalan.
- (f) Memahami maksud ayat selapis, perkataan atau ayat.
- (g) Memahami corak organisasi petikan.
- (h) Mengecam urutan idea dan peristiwa.

Oleh kerana itu, apabila peserta kajian hendak mengajar pemahaman bacaan, merancang aktiviti seperti mencari makna perkataan yang susah, rangkai kata, dan maksud bagi perkataan berlawanan perlu diberi perhatian supaya perkembangan pemikiran dalam kalangan pelajar dapat dipertingkatkan. Di samping itu, peserta kajian juga perlu menguasai pentafsiran makna yang tersurat dan tersirat supaya kemahiran berfikir membuat inferens, membuat ramalan dapat dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan seperti:

- (a) Memahami makna perkataan menurut konteks yang berlainan.
- (b) Membuat jangkaan ke atas sikap dan tujuan penulis terhadap penulisannya.

- (c) Membuat jangkauan ke atas peristiwa yang akan berlaku berdasarkan peristiwa-peristiwa yang lepas.
- (d) Menyatakan tema yang tidak dinyatakan.
- (e) Membuat inferens terhadap masa, tempat dan nada sesuatu yang dibaca.
- (f) Mengenal perhubungan sebab dan akibat.
- (g) Mengenal pasti petikan atau cerita yang dibaca berdasarkan isi-isi dan jalan cerita.

Selain itu, mereka juga perlu menguasai penilaian makna bagi membolehkan pelajar dapat:

- (a) Membezakan antara pendapat dengan fakta.
- (b) Mengenal pasti petikan mempunyai propaganda atau prasangka.
- (c) Membuat pertimbangan penggunaan bahasa dan persoalan.
- (d) Menilai petikan berdasarkan isi-isi dan cara penyampaiannya.

Pemahaman bacaan merupakan proses pembentukan dan pemberian makna menerusi interaksi di antara pembaca dengan bahan yang dibaca (Mahzan Arshad, 2001). Oleh itu, dalam pengajaran pemahaman bacaan, kemahiran penubuhan makna, pentafsiran makna dan penilaian makna merupakan tahap yang penting dalam pemahaman bacaan.

Berdasarkan tahap pemahaman bacaan, peserta kajian seharusnya berusaha membentuk tahap pemahaman pelajar dari aras pemikiran rendah kepada aras



pemikiran yang tinggi. Dalam pembentukan aras pemikiran, mereka digalakkan merujuk taksonomi yang dapat menggambarkan tahap pemikiran. Menurut Bloom, terdapat enam aras pemikiran iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian (Benjamin S.Bloom 1989: hlm.22).

Safiah Osman (1990), menyatakan pembacaan hanya meliputi kebolehan mengenal dan kemudian menyuarakan huruf serta perkataan-perkataan yang bercetak. Manakala Harris & Sipay (1980), Smith & Johnson (1980) menyatakan konsep membaca dirumuskan sebagai proses untuk memperolehi tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis yang mampu mewujudkan komunikasi antara pembaca dengan teks. Durkin (1980) menyatakan, tanpa memahami apa yang dibaca, seseorang itu tidak dianggap sebagai melakukan perlakuan membaca, tetapi sebenarnya ia hanya menyebut perkataan-perkataan yang betul sahaja.

Oleh yang demikian, dalam proses membaca, pembaca mesti dapat membaca dan memahami maksud dengan menggunakan pemikirannya seperti isi, maklumat atau mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Loius Rosenblatt (1978), membaca ialah proses transisi antara pembaca dengan teks dan pembaca mempunyai hak mutlak untuk menentukan maksud yang terkandung dalam bahan yang dibaca.

Marohaini Yusoff (1999: hlm.4) menyatakan, terdapat empat peringkat dalam pembacaan seperti peringkat literal yang memerlukan pengamatan tentang bentuk, bunyi dan makna perkataan, peringkat interpretasi, pembaca akan menterjemahkan dan mengaitkan lambang-lambang yang bercetak supaya menjadi makna yang membawa pemahaman dan dalam peringkat penilaian, pembaca akan menilai dan bertindakbalas apa yang terdapat dalam bahan bacaan dengan pengalaman yang sedia ada pada

mereka. Manakala pada peringkat asimilasi, pembaca akan menjalankan penapisan terhadap apa yang diperoleh melalui pembacaan.

Lazimnya pembaca akan memilih bahan dan dalam pengajaran pemahaman bacaan, peserta kajian hendaklah merancang dari aspek pemilihan teks supaya bahan bacaan sesuai dengan tahap pelajar di samping memikirkan untuk mencapai objektif pengajaran dan aktiviti membaca yang dijalankan akan lebih bermakna. Semasa pengajaran pemahaman bacaan, soalan dan penyoalan bertujuan untuk mengetahui sejauhmana murid-murid dapat memahami kandungan petikan yang diberikan kepada mereka.

#### 2.11 Kepentingan soalan dan penyoalan

Guru disarankan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan disesuaikan dengan tahap pencapaian pelajar dalam pengajaran di bilik darjah. Oleh itu, untuk membolehkan mereka berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, teknik yang sesuai digunakan seperti soalan dan penyoalan. Penyoalan bertujuan untuk mengetahui sejauhmana seseorang murid dapat menguasai hierarki ilmu (Atan Long, 1993). Melalui penyoalan, pelajar boleh dinilai kebolehan dan pencapaian mereka dan dalam hal ini Socrates telah menekankan keperluan menyoal sebagai langkah untuk menggerakkan fikiran (dalam Zahara Azizi dan Khalid Abdullah, 1995). Malah Ralp E. Martin, Jr. menjelaskan:

*a question consist of sentence that has an interrogative purpose. We use question to find out what someone else knows, like a teacher who ask a student a question to find out what has been learned. Question are also come in difference types and can be used to promote the forms of thinking appropriate for students in any class.*

(R.E.Martin,Jr,1988: hlm. 353)

Tujuan soalan digunakan dalam pengajaran ialah untuk mengetahui sejauhmanakah seseorang murid mengetahui tentang sesuatu perkara. Penysoalan ialah ekspresi pemikiran berbentuk rangsangan yang memerlukan jawapan dan mendorong pemikiran untuk bertindak balas. Cara ini dapat membantu mereka mempelajari kemahiran berfikir dengan cara yang lebih bersistematik (PPK, KPM, 1993).

Penilaian tahap kebolehan dalam kalangan pelajar dapat diketahui sekiranya guru menggunakan soalan dan penysoalan dalam pengajaran. Tujuan bertanyakan soalan adalah untuk merangsang pemikiran murid agar mereka dapat mengeluarkan idea dan melatih mereka berfikir dengan sistematik. Sebagai contoh dalam pengajaran pemahaman bacaan, sambil guru mengembangkan kemahiran berfikir membanding dan membezakan; pelajar dibimbing untuk memberikan jawapan tentang perbandingan dan perbezaan bagi ssesuatu perkara. Manakala soalan pula diajukan untuk membuat pertimbangan, menjana idea, mengembangkan proses berfikir untuk menguji kebolehan dan menilai pencapaian (PPK, 2002). Sementara itu, tujuan lain soalan dan penysoalan dalam pengajaran pemahaman bacaan adalah:

- (a) Untuk mengembangkan kemahiran berfikir.
- (b) Merangsang penglibatan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

- (c) Menggalakkan pertimbangan idea baru dan idea sedia ada.
- (d) Menggalakkan perkongsian idea di antara guru dan murid.
- (e) Menguji kebolehan berfikir.
- (f) Menilai tahap penguasaan kemahiran berfikir.

Menurut Mahzan Arshad, teknik menyoal yang digunakan oleh guru haruslah dapat membantu murid untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka dan dalam hal ini guru haruslah bertindak sebagai fasilitator bagi menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif (Mahzan Arshad, 1994) dan untuk itu, guru-guru yang membina soalan kefahaman haruslah dapat memperkukuhkan daya pemikiran murid berdasarkan dimensi dalam kemahiran berfikir (Mahzan Arshad, 2003). Louis Cohen & Lawrence Manion (1989) berpendapat:

*Educationally, one function of questioning is to elicit information. Thus, it may probe the extent of children's prior learning before a new subject or area of learning is introduced; or it may help revise earlier learning; or consolidate recent teaching and learning. More than this, however, questions should have teaching value, that is, in asking the questions a teacher is helping the pupil to focus and clarify, and they have thoughts and perceptions that he would not have had otherwise.*

(Cohen L. & Manion L., 1989: hlm.14)

Penggunaan soalan dalam pengajaran merupakan kaedah penilaian yang boleh digunakan oleh guru untuk mengukur tahap pemahaman murid (Abdul Ghalib Yunus, 2001). Melalui soalan dan penyoalan, seseorang guru dapat membuat penilaian

tentang sejauhmanakah tahap pemahaman pelajar tentang teks yang dibacanya. Dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, guru tidak seharusnya mementingkan sebutan suara dan kelancaran semata-mata tetapi mestilah juga menyediakan soalan kefahaman untuk menguji tahap pemahaman pelajar mengenai teks yang dibaca. Penyoalan juga merupakan cara untuk mengulangkaji dan bertindak sebagai langkah peneguhan dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran dan melalui aktiviti penyoalan, guru dapat membantu murid untuk memusatkan pemikiran mereka tentang isi kandungan bahan yang dibaca. Mahzan (1994) menyatakan:

Soalan-soalan guru haruslah dapat mengarahkan pemikiran pelajar ke satu haluan yang lebih jauh daripada kandungan teks yang dibaca. Guru harus menyediakan soalan-soalan yang lebih mencabar pemikiran pelajar dan menyentuh kedua-dua domain kognitif dan afektif mereka.

( Mahzan Arshad, 1994: hlm.844)

Soalan dan penyoalan ialah alat berfikir yang penting dalam pengajaran pemahaman bacaan. Oleh yang demikian, dalam hal ini peserta kajian hendaklah menyediakan perancangan dengan menyediakan pelbagai soalan supaya dapat mencabar pemikiran pelajar dalam pengajaran. Soalan yang diajukan seharusnya dapat memandu pelajar terhadap petikan yang dibaca ataupun melebihi apa yang tidak terdapat di dalam teks. Oleh itu, kemahiran berfikir perlu dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana menurut Torrance (1963), guru-guru hendaklah menyoal dengan menggunakan soalan-soalan yang menjurus kepada peningkatan kemahiran berfikir secara mendalam agar tidak wujud fenomena seperti yang

dikatakan oleh Kosinki dalam Giroux (1988) iaitu: pelajar tidak dapat mengungkap kata-kata, tidak berupaya menceritakan kembali apa yang mereka baca dan tidak dapat menyatakan perasaan mereka sendiri.

Selain itu, peserta kajian boleh membuat rujukan dengan menggunakan beberapa taksonomi tertentu untuk mengukur tahap pemahaman pelajar berdasarkan peringkat-peringkat pemahaman. Taksonomi Bloom (1956), mengatakan pemahaman murid boleh diukur melalui enam peringkat iaitu pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Manakala Guilford (1959), menggariskan empat peringkat kefahaman iaitu kognitif, pemusatan, penyimpangan dan penilaian. Sementara Smith (1969) mengemukakan empat tahap kemahiran pemahaman iaitu pemahaman literal, peringkat tafsiran, kritikal dan kreatif. Space (1973) pula membahagikan kepada empat tahap kemahiran bagi memahami bacaan iaitu tahap kognitif, ingatan, pemusatan dan penilaian.

Santoz (1976) pula mencadangkan soalan kefahaman kepada enam kategori iaitu mengecam dan mengingat, terjemahan, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Rea & Thomson (1990) mengemukakan tiga tahap kefahaman iaitu tahap literal, interpretif dan aplikasi. Gunning (1998) membahagikan empat tahap kefahaman iaitu tahap pemahaman, pengelolaan, penjelasan dan pemantauan. Justeru, sewajarnya peserta kajian sudah boleh merangka dan membuat persediaan, dengan menggunakan beberapa pendekatan yang boleh menggambarkan tahap pemahaman dalam penggunaan soalan pemahaman untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Kajian-kajian yang telah dijalankan membuktikan dalam proses pengajaran, guru perlu memberikan latihan selepas pengajaran untuk memberi pendedahan kepada

pelajar supaya hasil pembelajaran boleh mencabar pemikiran mereka dengan lebih kritis. Latihan yang diberikan hendaklah bercorak mengulang atau mengingat butir-butir dalam petikan, mengingat semula idea secara eksplisit, dan menyusun isi-isi penting berdasarkan bahan yang telah dibaca (Mahzan Arshad, 1994). Dalam proses pengajaran pemahaman bacaan, guru perlu bijak untuk mempertimbangkan pengetahuan latar pelajar dengan pemilihan bahan bacaan yang akan digunakan di bilik darjah. Guru perlu menggerakkan minda bagi mencungkil pengetahuan latar yang terselindung di sebalik pemikiran pelajar supaya mereka dapat didedahkan ke tahap pemikiran penilaian dan penghayatan.

## 2.12 Beberapa kajian kemahiran berfikir

Beberapa kajian telah dijalankan tentang kemahiran berfikir dan dapatan kajian tersebut boleh membantu penyelidik untuk memperkukuh kajian ini bagi menjawab soalan-soalan kajian seperti:

- 1 Apakah perancangan peserta kajian untuk menyediakan pengajaran pemahaman bagi mengembangkan kemahiran berfikir pada peringkat sebelum mengajar pemahaman bacaan.
- 2 Bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- 3 Apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Sapawi Mahdi (1997) telah menjalankan kajian bertajuk Mengapakah kegiatan pertanian pindah mendatangkan kesan negatif terhadap alam sekitar ke atas pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Bantuan St.Luke Sri Aman, Sarawak bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan projek kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran kaedah lama dalam mata pelajaran Geografi tingkatan empat. Kajian ini melibatkan dua kumpulan pelajar iaitu tingkatan 4A (39 orang) yang telah dikembangkan dengan kemahiran berfikir, manakala tingkatan 4B tidak didedahkan dengan kemahiran tersebut.

Dapatan kajian Sapawi Mahdi mendapati jawapan pelajar dari kumpulan A (pengembangan kemahiran berfikir) lebih tersusun, jelas dan mantap dari segi urutan idea dan huraian hujah serta pencapaian markah turut meningkat. Dapatan kajian ini menunjukkan, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mampu memberi kesan yang signifikan terhadap kemampuan pelajar bagi menjawab soalan sekaligus mempengaruhi keputusan ujian keseluruhannya.

Sapawi Mahdi turut menjalankan kaji selidik ke atas 59 orang guru berkenaan pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumbalas serta menilai pendapat guru-guru mengenai kekuatan dan keberkesanan penerapan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mendapati:

- (a) 86% guru berpendapat aktiviti kemahiran berfikir dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan serta meningkatkan keaktifan pelajar.



- (b) 75% guru menyatakan bahawa merancang persediaan mengajar untuk menerapkan kemahiran berfikir tidak begitu membebankan kerana bahan-bahan boleh disedia awal.
- (c) 96% guru menyatakan kemahiran berfikir menyediakan ruang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang luas.
- (d) 74% guru yakin kemahiran berfikir dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar memandangkan perubahan positif terhadap sikap dan beberapa ujian awal.
- (e) 70% guru menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran mudah dicapai melalui kaedah penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran.
- (f) 87% guru menyatakan kemahiran berfikir boleh membawa perubahan besar terhadap interaksi sesama pelajar kerana nilai kerjasama sentiasa diterapkan melalui aktiviti perbincangan, sumbangsaran, pembentangan dan sebagainya.
- (g) 88% guru menyatakan penggunaan Pusat Sumber Sekolah meningkat dengan menjalankan penerapan kemahiran berfikir kerana banyak aktiviti yang menuntut guru untuk membuat persediaan sebelum proses pengajaran dijalankan.

Kajian mendapati, pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mampu mendatangkan banyak faedah seperti dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran di samping pembelajaran akan lebih seronok berbanding kaedah pengajaran yang tidak mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Oleh

itu, diharapkan dapatan kajian ini dapatlah memberikan gambaran secara holistik iaitu, dengan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, pengajaran dan pembelajaran akan bertambah menarik, seronok di samping dapat membantu peserta kajian bagi mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran mereka.

Zamri Mahamod, Razali Bidin dan Anita Abdul Rahman (2002) telah menjalankan kajian ke atas beberapa orang guru mengenai kesan penyebatian kemahiran berfikir terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu di sebuah daerah di Pahang. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat adakah guru Bahasa Melayu menjalankan penyebatian KBKK dalam pengajaran mereka. Sebanyak lima pembolehubah telah digunakan iaitu, jantina, pengalaman mengajar, kelayakan akademik, kursus KBKK dan jenis sekolah. Kajian ini menggunakan soal selidik sepenuhnya untuk mendapatkan data dan data dianalisis dengan menggunakan min dan kekerapan serta ujian t bagi menguji lima hipotesis yang telah dikemukakan. Dapatan kajian ini mendapati pelbagai kesan yang diperolehi melalui penyelidikan ini. Di antaranya ialah:

- (a) Kesan dari segi penyebatian secara kritis.
- (b) Kesan dari segi penyebatian secara kreatif.
- (c) Kesan dari segi penyebatian proses menyelesaikan masalah.
- (d) Kesan dari segi penyebatian proses membuat keputusan.
- (e) Kesan dari segi penyebatian teknik pengajaran.
- (f) Kesan dari segi penyebatian penggunaan alat-alat berfikir CoRT.
- (g) Kesan dari segi gaya pengajaran secara penyebatian.
- (h) Kesan dari segi gaya pengajaran secara terpisah.

- (i) Kesan dari segi penyebatian secara separa.
- (j) Kesan dari segi penyebatian secara sepenuh.

Hasil kajian yang telah dijalankan, mereka mendapati:

- (a) Jantina guru tidak memberi kesan kepada penerapan KBKK dalam pengajaran guru Bahasa Melayu.
- (b) Pengalaman mengajar guru memberi kesan kepada penerapan KBKK dalam pengajaran guru. Guru yang berpengalaman lebih kerap menjalankan penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka.
- (c) Kelayakan akademik tidak memberikan kesan kepada penerapan KBKK dalam pengajaran guru.
- (d) Kursus KBKK memberi kesan kepada penerapan KBKK dalam pengajaran di bilik darjah.
- (e) Jenis sekolah tidak memberi kesan kepada penerapan KBKK dalam pengajaran guru di sekolah.

Berdasarkan kajian Zamri Mahamod, Razali Bidin dan Anita Abdul Rahman (2002), mendapati pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dengan mempunyai pengalaman mengajar dan hadir ke kursus KBKK menjadi faktor penyumbang untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dengan jayanya.

Tinjauan awal penyelidik terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah mendapati pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan tidak dijalankan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, ketua panitia menjelaskan:

Masa kini pengajaran pemahaman bacaan, ada mengembangkan kemahiran berfikir tetapi, pelaksanaannya tidak menyeluruh. Ada guru kurang faham tentang kemahiran berfikir. misalnya dalam mengajar bacaan dan kefahaman. Pelajar dikehendaki menjawab tiga soalan dan dua daripada soalan tersebut ialah kemahiran berfikir. Oleh yang demikian, guru mesti mengajar kemahiran berfikir supaya murid dapat menjawab soalan berbentuk kemahiran berfikir.

(CLHA - bilik guru 19.3.2004)

Pengajaran yang mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan pada masa kini tidak dijalankan sepenuhnya kerana guru tidak memberi penekanan yang sewajarnya ke arah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Alasan yang sering dilontarkan ialah tiada alat bantu mengajar, tidak cukup masa apatah lagi untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan semua ini, membebankan guru.

Adalah diharapkan dapatan kajian ini mampu menjawab persoalan mengapakah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan tidak dapat dijalankan sepenuhnya. Selain itu dapat juga memberikan gambaran secara menyeluruh tentang bagaimanakah pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan pada masa kini. Dapatan

kajian, penyelidik bercadang untuk menghasilkan sebuah model pengajaran untuk menjadi panduan kepada guru-guru supaya dapat mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan berkesan.

### 2.13 Kajian-kajian lain berkaitan

Kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan kemahiran berfikir sama ada dalam ataupun di luar negara, tidak menggambarkan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lain digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Banyak kajian yang dijalankan mengkaji tentang kesediaan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dengan membuat penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran. Kajian ini akan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Oleh itu, kajian-kajian lain diharapkan boleh membantu mendapatkan maklumat berkenaan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah.

Rafie Hj Mustapha (1995), telah menjalankan kajian ke atas 657 orang guru di sekolah menengah dengan melibatkan pengajaran Bahasa Melayu di tingkatan satu hingga tingkatan lima. Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan, pemerhatian dan temu bual dengan melibatkan dua puluh orang nazir yang ditugaskan untuk mengumpul maklumat daripada seratus lapan puluh satu buah sekolah

menengah (12.2%) daripada jumlah keseluruhan seribu empat ratus tujuh puluh sembilan buah sekolah menengah. Dalam kajian tersebut, soal selidik yang telah digunakan mengandungi tujuh aspek yang dikaji seperti pengetahuan guru, perancangan, set induksi pengajaran, bahan pengajaran, penyediaan, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan latihan bertulis yang diberikan kepada murid-murid. Hasil kajian Rafie dapat dirumuskan:

- (a) Seramai 228 orang peserta (34%) memahami dengan jelas kemahiran berfikir pada masa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
- (b) Aspek perancangan, hanya 37% (224) daripada 612 orang guru yang menyediakan Buku Rancangan Mengajar (harian) dengan memasukkan unsur kemahiran berfikir pada pernyataan objektif pengajaran mereka.
- (c) Set induksi unsur kemahiran berfikir dapat dikesan melalui 40% (185) orang sampel yang menjalankan bentuk aktiviti yang mengandungi unsur kemahiran berfikir.
- (d) Aspek bahan pengajaran, sebanyak 45% (264) sampel telah menggunakan buku teks sebagai bahan untuk pengajaran mereka, 47% (278) menggunakan prosa dan puisi sebagai petikan, 9% (55) orang guru menggunakan bahan grafik seperti graf, jadual dan carta sebagai bahan pengajaran dan 3% menggunakan perakam radio sebagai bahan pengajaran mereka di bilik darjah.

- (e) Dalam aspek penyediaan, majoriti guru sebanyak 91% mengemukakan soalan secara jelas dan mudah difahami oleh pelajar-pelajar. Sungguhpun begitu, kebanyakan soalan berkisar pada tahap aras kognitif yang rendah iaitu soalan jenis pengetahuan atau kefahaman sahaja. Manakala bagi pemikiran aras tinggi dapat dikesan melalui 51% (337) sampel guru yang berjaya mengajukan soalan aras tinggi iaitu penggunaan analisis, sintesis dan penilaian.
- (f) Aktiviti pengajaran dan pembelajaran menunjukkan seramai 371 orang guru (68%) dapat menjalankan aktiviti yang melibatkan penyertaan pelajar dengan aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
- (g) Sementara dalam aspek latihan bertulis seramai 599 sampel guru memberikan latihan bertulis kepada murid dan 96% daripadanya didapati bersesuaian dengan objektif pengajaran. Daripada data tersebut, didapati 312 sampel (52%) memberikan latihan bertulis yang mengandungi unsur kemahiran berfikir.

Dapatan kajian Rafie (1995) membuktikan, pelaksanaan kemahiran berfikir telah lama wujud dan dilaksanakan pada masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah, namun sebahagian besar guru belum menguasai sepenuhnya kaedah untuk melaksanakan kemahiran berfikir pada masa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Noor Rohana Mansor (1998), telah menjalankan kajian ke atas 209 orang guru sekolah rendah di Terengganu dan kajian beliau bertujuan untuk meninjau dan menilai

penyebatan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah serta pelbagai masalah yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Maklumat kajian yang diperoleh melalui pemerhatian serta menggunakan kaedah temu bual. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, penyebatan kemahiran berfikir diterima baik oleh guru dan amalan menggunakan kemahiran berfikir pada masa pengajaran dapat merealisasikan pembelajaran ke arah pembelajaran yang bermakna dan mendatangkan impaknya yang lebih berkesan.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, guru-guru perlu meningkatkan kesediaan kognitif di samping kesediaan efektif KBKK dalam orientasi kurikulum di sekolah-sekolah. Menurut Noor Rohana, jika ditinjau dari sudut amalan kemahiran berfikir, guru masih mempraktikkan amalan bersifat mekanikal dan tidak memberangsangkan. Anjakan amalan bersifat pemusatan pemikiran tidak dilaksanakan oleh guru dan aplikasi dalam pengajaran bacaan dan penulisan sukar diaplikasikan. Masalah ini jelas kelihatan dalam kalangan guru tanpa mengira sejauh mana pengalaman mereka.

Walau bagaimanapun, guru sekolah yang mengajar dibandar didapati lebih beriltizam dalam pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Implikasinya, kemahiran berfikir tidak dilaksanakan secara menyeluruh dan pelajar-pelajar masih dibelenggu dengan corak pembelajaran tradisional dan untuk itu, gerak gempur minda belum cukup lagi digempurkan ke arah pemusatan pelajar dan pemikiran kreatif dan kritis tidak terserlah.

Penggunaan strategi dan penggunaan alatan dalam kemahiran berfikir masih lagi stereotaip dan terbatas dalam kalangan guru. Soalan-soalan yang digunakan masih



berkisar pada aras rendah dan lingkaran soalan tidak digunakan sepenuhnya, realitinya skop pengajaran pembelajaran masih tidak berubah. Dari aspek masalah pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa pengajaran, 76% beranggapan kemahiran berfikir patut diajar sama seperti subjek lain, sedangkan saranan PPK kemahiran berfikir perlu diajar secara integrasi manakala pihak pentadbir pula gagal menjadikan pengembangan kemahiran berfikir sebagai kaedah pengajaran yang dapat merentasi kurikulum. Sebaliknya, orientasi peperiksaan masih diutamakan dan sejauhmanakah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran guru di bilik darjah masih belum terbukti bahkan masih diragui keberkesanannya.

Berdasarkan kajian Noor Rohana, masih banyak lagi yang perlu dijelaskan tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran di sekolah-sekolah. Menyedari hakikat itu, perlu ada lagi kajian untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Rajendran (2001), telah menjalankan kajian ke atas aspek penyediaan guru untuk membolehkan guru mengajar kemahiran berfikir melalui mata pelajaran yang mereka ajar. Dalam kajian tersebut, Rajendran memberikan penumpuan ke atas aspek kesediaan guru untuk mengajar kemahiran berfikir dari aspek ilmu, kemahiran pengajaran pembelajaran dan sikap dalam proses pengajaran pembelajaran yang dijalankan. Tujuan kajian Rajendran ialah untuk mengkaji persepsi guru tentang kesediaan mereka dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengajar kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam kelas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah menengah rendah. Beliau juga ingin mengetahui adakah pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah mempunyai penyebatan

kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Beliau memilih sebuah daerah di negeri Selangor sebagai sampel kajian dan telah mengenal pasti 22 buah sekolah dengan 92% guru yang mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang telah dikenal pasti sebagai responden yang memberi respons terhadap instrumen soal selidik yang telah disediakan. Dalam kajian ini, Rajendran menggunakan kaedah pemerhatian untuk memerhati pengajaran guru di bilik darjah dan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat daripada beberapa orang pelajar yang dipilih sebagai peserta kajian. Selain itu, Rajendran juga melibatkan beberapa orang pegawai Bahagian Pendidikan Guru, PPK dan beberapa orang guru sumber sebagai peserta kajian. Penganalisan tugas bertulis dalam kalangan pelajar juga turut diadakan untuk memberi kekuatan dalam kajian ini. Kajian mendapati, perbezaan yang sangat signifikan perbezaan di antara seorang guru dengan guru yang lain dari aspek persepsi ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi sama ada bagi mata pelajaran Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.

Dapatan kajian mendapati, guru-guru percaya bahawa mereka telah bersedia dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; Sebaliknya mereka juga tahu bahawa mereka kurang bersedia dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi.

Kajian tersebut mendapati: 78% guru menyatakan mereka menggunakan hanya 10% dalam pengajaran mereka untuk mengajarkan kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu soalan dan cara penyoalan guru juga masih berada di tahap rendah kerana

hanya 10% sahaja soalan aras tinggi yang digunakan pada masa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Hakikat ini menunjukkan, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam kalangan guru masih kurang berkesan dan masalah untuk melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran masih tidak dapat dipastikan apakah punca sebenarnya. Oleh hal yang demikian, kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk menyiasat mengapakah keadaan ini berlaku? Maka dengan ini, kajian yang akan dilaksanakan ini ialah untuk menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah? Apakah masalah yang mereka hadapi dan bagaimanakah mereka mengatasi masalah tersebut. Diharapkan dapatan kajian ini akan dapat merungkai kekusutan, mengenal pasti punca sebenarnya tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Sharifuddin (2001) telah menjalankan kajian tentang tahap keyakinan guru Bahasa Melayu dalam mengajarkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif . Kajian beliau yang melibatkan seramai 14 orang guru yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu ambilan Jun 2000 di Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM). Mereka telah dipilih sebagai peserta kajian dan kumpulan ini adalah guru-guru yang terlatih dan telahpun menerima pendedahan tentang kemahiran berfikir sama ada mengikuti latihan perguruan asas di maktab perguruan atau melalui kursus-kursus pendek yang telah dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri atau institusi-institusi lain yang seumpamanya. Sharifuddin telah menetapkan unit kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan lima Unit Modul Latihan Guru Sekolah Bestari diperkenalkan kepada peserta dan lima unit tersebut ialah:

- (1) Konsep am kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- (2) Alat-alat berfikir.
- (3) Kemahiran berfikir secara kritis.
- (4) Kemahiran berfikir secara kreatif.
- (5) Kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Bagi mendapatkan penjelasan mengenai kefahaman asas tentang kemahiran berfikir, pengkaji telah menjalankan kajian hanya ke atas unit 1 sahaja iaitu konsep asas kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Sebanyak 12 item telah dikemukakan dengan menggunakan skala 1, tidak yakin dan skala 5, sangat yakin untuk mengetahui sejauhmanakah kefahaman guru-guru terhadap kemahiran berfikir. Item-item tersebut ialah:

- (a) Menerangkan maksud atau takrif pemikiran.
- (b) Menyatakan tujuan mengajarkan kemahiran berfikir.
- (c) Menghuraikan kesilapan-kesilapan berfikir dan mencadangkan cara-cara mengatasinya.
- (d) Menerangkan bahagian otak dan fungsi-fungsinya.
- (e) Menyatakan komponen utama kemahiran berfikir dan menerangkan contoh-contoh kemahirannya..
- (f) Menerangkan maksid membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
- (g) Menyatakan perbezaan antara pemikiran kritis dan pemikiran kreatif.

- (h) Menerangkan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir secara am.
- (i) Menerangkan maksud pengajaran kemahiran berfikir secara terpisah, penyebatian penuh dan penyebatian separa.
- (j) Menyatakan dan menerangkan alat-alat berfikir secara am.
- (k) Menyatakan dan menghuraikan maksud refleksi dan metakognitif.
- (l) Menyenaikan ciri-ciri pemikir yang bijak dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

Dapatan kajian Sharifuddin mendapati, item satu (selepas kursus) guru-guru menyatakan yang mereka sangat yakin (13=93%) berbanding (1=7%) tidak yakin untuk mengajarkan kemahiran berfikir kepada pelajar. Ini menunjukkan pendedahan pengetahuan tentang kemahiran berfikir patut diberikan kepada guru-guru bagi membolehkan mereka mengaplikasi maklumat dan seterusnya mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Item dua, (selepas menjalani kursus), kesemua peserta berasa sangat yakin (14=100%) untuk menyampaikan maklumat tentang KBKK dan dikembangkan dalam pengajaran. Dapatan kajian ini membuktikan, guru-guru berasa sangat yakin dan bersedia untuk melaksanakan kemahiran berfikir di bilik darjah kerana dengan melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran di samping dapat menghasilkan kecemerlangan akademik dalam kalangan pelajar.

Hasil dapatan kajian-kajian lalu membuktikan, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran menjanjikan pulangan yang bermakna dalam sistem pendidikan kita, apatah lagi tuntutan kurikulum yang menuntut guru-guru supaya dapat mengubah cara

dan kaedah pengajaran dengan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir di bilik darjah, maka transformasi ini perlu ditangani oleh semua guru bagi menjamin kelangsungan pendidikan yang bermutu pada masa akan datang.

Hugo (1989) telah menjalankan kajian dengan melibatkan empat orang guru dan 300 orang pelajar di sebuah sekolah di bandar metropolitan, Amerika Syarikat. Beliau menggunakan program *dialogue with thinking skills*. Eksperimen yang telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data daripada pemerhatian, temu bual dan rakaman audio. Kajian mendapati, terdapatnya peningkatan pencapaian akademik pelajar apabila mereka didedahkan dengan kemahiran berfikir pada masa pengajaran.

Al-Qahtani (1995) telah menjalankan penyelidikan tentang keberkesanan pengajaran guru dengan melaksanakan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Pengajian Sosial di sekolah-sekolah di Arab Saudi. Kajian Qahtani telah menggunakan tujuh buah sekolah menengah, dua kumpulan guru dikenal pasti dan dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut kategori cemerlang dan sederhana cemerlang. Pemilihan guru-guru berdasarkan kepada pengalaman mengajar (tujuh hingga 10 tahun) dalam mata pelajaran Sains Sosial.

Kajian Al-Qahtani menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan pemerhatian dan temu bual bertujuan untuk mengetahui persepsi mereka terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dan keyakinan mereka terhadap mata pelajaran yang diajar di bilik darjah. Dapatan kajian Qahtani menunjukkan guru-guru yang melaksanakan kemahiran berfikir pada masa pengajaran Sains Sosial, dapat meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar tentang tajuk yang diajar.

Rosli Yaakob (1998) telah menjalankan kajian di sebuah sekolah menengah di Muar, Johor tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Sejarah di kelas tingkatan dua. Tujuan kajian ialah untuk melihat adakah terdapat kesan terhadap pencapaian pelajar melalui pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Sejarah. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental dan hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek peningkatan prestasi dalam ujian pasca berbanding ujian pra pelajar yang telah diadakan. Kajian Rosli (1998) mendapati, tahap kesediaan dan pengetahuan guru tentang kemahiran berfikir berada pada tahap yang tinggi kerana hasil ujian pasca menunjukkan guru telah melaksanakan kemahiran berfikir dengan yakin dan keputusan pelajar berada pada tahap cemerlang. Dapatan kajian ini menunjukkan, dengan penguasaan pengetahuan kemahiran berfikir dalam kalangan guru mampu melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dengan cemerlang di samping dapat membantu pelajar untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian mereka.

Kajian yang telah dijalankan oleh Tabbada (1987) di Amerika Syarikat. Menunjukkan kumpulan eksperimen yang telah didedahkan dengan kemahiran berfikir pada masa pengajaran selama lima minggu memperoleh pencapaian yang menggalakkan dari aspek makanan dan khasiat pemakanan berbanding dengan kumpulan kawalan. Beliau telah menjalankan kajian pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Ekonomi Rumah Tangga (ERT). Seramai 77 orang murid terlibat sebagai peserta kajian dan mereka dibahagikan kepada dua kumpulan (kawalan dan eksperimen). Pada masa kajian, mereka diberi dua ujian iaitu, ujian pra dan ujian pos untuk menguji tentang makanan dan khasiat pemakanan.

Kajian Tabbada (1987) dan Hugo (1989) terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa pengajaran mendapati pelaksanaan kemahiran berfikir yang dijalankan oleh guru pada masa pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan prestasi akademik dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, pengajaran guru yang mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran bukan sahaja mampu menghasilkan pencapaian prestasi yang cemerlang dalam kalangan pelajar, malah yang lebih penting ialah bagaimana guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka.

Nirwana Mohd Rashid (1989), menjalankan kajian ke atas sekumpulan pelajar seramai 114 orang di tiga buah sekolah menengah di Rembau Negeri Sembilan. Tujuan kajian beliau ialah untuk melihat adakah terdapat korelasi di antara kebolehan berfikir secara logik dengan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sains. Kumpulan pelajar terlibat ialah aliran Sains dan Sastera dan penyelidik menggunakan kaedah soal selidik berbentuk soalan pemikiran logik untuk Ujian Kebolehan Berfikir Logik (TOLT) dengan melibatkan sepuluh item yang berbeza berbentuk Matematik. Dapatan kajian mendapati terdapat korelasi yang sangat tinggi di antara kebolehan berfikir secara logik dalam kalangan pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sains.

Yogarajah (1991) telah menjalankan kajian tentang keberkesanan program kemahiran berfikir yang telah diasaskan oleh CoRT-1 (*Cognitive Research Trust*). Dalam kajian tersebut, Yogarajah menjalankan kajian tentang wujudnya kemahiran berfikir secara kritis dalam penulisan esei dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut telah menggunakan seramai 56 orang pelajar sebagai peserta kajian dan dibahagikan



kepada dua kumpulan (eksperimen dan kawalan). Kumpulan eksperimen telah didedahkan dengan rawatan program KB CoRT-1.

Kajian Yogarajah menggunakan instrumen khusus iaitu KB CoRT-1 yang dipadankan daripada soalan esei bahasa Inggeris berjudul *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* dan semua instrumen dalam kajian ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian pelajar di Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati:

- (a) Terdapat signifikan yang sangat tinggi pada aras 0.05 dalam kemahiran berfikir CoRT-1 bagi kumpulan eksperimen.
- (b) Tiada perubahan yang signifikan di antara ujian pra dan ujian pos dalam keseluruhan penulisan esei bagi kedua-dua kumpulan.
- (c) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian *Watson Glaser Critical Thinking Appraisal* di antara ujian pra dan pos bagi kedua-dua kumpulan.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Yogarajah, pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa pengajaran dan pembelajaran menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara dari aspek tahap pencapaian pelajar apabila kemahiran berfikir dikembangkan pada masa pengajaran dan pembelajaran, hasilnya amat menggalakkan. Oleh itu, dapatan kajian menggambarkan, dengan pelaksanaan kemahiran berfikir oleh guru pada masa pengajaran bukan sahaja dapat menggalakkan pemikiran pelajar malah pelaksanaannya membuktikan sewajarnya pada masa kini kemahiran berfikir dikembangkan oleh guru dalam pengajaran mereka.

Kajian-kajian lalu tentang kemahiran berfikir menunjukkan pengembangannya dalam pengajaran masih kurang memuaskan. Teknik pengajaran guru sehingga kini masih berpusatkan guru tanpa melibatkan pelajar-pelajar dalam aktiviti pada masa proses pengajaran di bilik darjah. Asmah Othman (1994) dan Wan Hasnah Abdullah (1997) yang telah menjalankan kajian tentang pelaksanaan kemahiran berfikir pada masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu mengakui bahawa perlaksanaannya masih perlu dipertingkatkan lagi (Arshad Abd.Samad, 2000). Oleh yang demikian, pengembangan kemahiran berfikir pada masa pengajaran perlu dipertingkatkan untuk mendedahkan pelajar ke arah berfikir secara tersusun dan kemas, mengelak murid menjadi pemikir kelam-kabut, kabur dan gopoh.

Berdasarkan kajian lampau, pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran, tidak menunjukkan guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran tetapi kebanyakannya memberi fokus kepada pencapaian pelajar semata-mata. Oleh yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk menyiasat dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

## 2.14 Kesimpulan

Pada masa proses pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah, guru-guru digalakkan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran supaya murid-murid dapat mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pembelajaran mereka untuk menjawab soalan kefahaman seperti yang tergolong dalam pengkelasan

soalan kefahaman iaitu, teks eksplisit, teks implisit dan skrip implisit. Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat meyakinkan guru bahawa pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat menjadikan pelajar menjadi pemikir yang bijak sebagaimana yang dihasratkan oleh FPK, untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi rohani dan intelek.

Tujuan kajian yang dijalankan ini ialah untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat? Oleh itu, dapatan kajian ini dapat menjelaskan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Di samping dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan menyeronokkan, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran guru dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

## BAB III

### KAEDAH KAJIAN

#### 3.1 Pendahuluan

Dalam sesebuah kajian, penggunaan pelbagai teknik pengutipan data menunjukkan penyelidik tidak bergantung kepada sesuatu teknik sahaja untuk menjawab soalan-soalan kajian. Kajian yang dijalankan ini ialah untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Marohaini Yusoff (1996), tiga teknik utama yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif iaitu, (a) pemerhatian, (b) temu bual dan (c) bukti dokumen (Spradley, 1980; Merriam, 1988; Bogdan & Biklen, 1998) digunakan pada sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Berdasarkan kajian ini, kaedah kualitatif sesuai digunakan kerana kaedah ini melibatkan proses menyiasat sesuatu masalah secara mendalam (Stake, 1997).

Kajian ini melibatkan dua orang guru yang mengajar Bahasa Melayu tingkatan empat dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini dijalankan dalam suasana bilik darjah yang sebenar untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah. Di samping itu, beberapa orang guru Bahasa Melayu yang lain dipilih sebagai informan untuk mendapatkan maklumat pelbagai perspektif tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu.

Kajian ini turut membincangkan tentang masalah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah. Selain pemerhatian, temu bual digunakan untuk menemubual beberapa orang informan tambahan seperti ketua panitia bahasa Melayu, guru cemerlang bahasa Melayu dan pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) kerana mereka terlibat secara langsung dengan kemahiran berfikir dan boleh memberi maklumat yang betul tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu di sekolah menengah.

Selain itu, empat orang murid tingkatan empat ditemu bual untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap pengembangan kemahiran berfikir oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Tujuannya ialah untuk mendapatkan maklumat yang sah tentang bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Dalam kajian ini, data diperoleh dengan menggunakan teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Data ialah sesuatu yang diperolehi dalam bentuk fakta, perkataan, surat, rajah, carta atau simbol yang mewakili objek, situasi, keadaan atau idea. Menurut Majid Konting (1990), data merupakan bahan mentah yang perlu diproses bagi menghasilkan maklumat dan sesuatu data yang diproses secara tidak tepat akan memberikan gambaran maklumat yang salah dan kurang sah dari segi kesahannya. Oleh itu, dalam kajian ini data yang diperolehi sama ada dalam bentuk catatan lapangan pengkaji, catatan buku rancangan mengajar guru, buku latihan murid, modul kemahiran berfikir, minit mesyuarat dan sebagainya akan diproses dan dibentangkan untuk menjelaskan perkara yang sebenarnya berlaku mengenai

pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.2 Rasional memilih pendekatan kualitatif

Lazimnya dalam sesuatu kajian, jika diitinjau dari perspektif penyelidikan, pendekatan kualitatif dipilih dalam kajian ini kerana objektif kajian ini ialah untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Memandangkan kajian ini merupakan kajian penerokaan untuk mengkaji dan memahami pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dalam kelas tingkatan empat, maka teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen sangat sesuai digunakan bagi membolehkan penyelidik memerhati dan meneliti pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat secara dekat dan terperinci.

Melalui pendekatan kualitatif, penyelidik berpeluang bersama-sama dengan peserta kajian untuk memahami, merapatkan diri dengan peserta kajian, berinteraksi dengan mereka dan seterusnya mengumpul dan menganalisis data kajian. Oleh hal yang demikian, pada masa proses pengajaran sedang berlangsung di bilik darjah, data pengembangan kemahiran berfikir nampak tidak terasing di antara penyelidik dengan data yang sedang dikumpul. Hal ini akan dapat mewujudkan pemahaman yang lebih sama ada pihak penyelidik atau peserta kajian untuk membuat interpretasi data (Cronbach, 1975 dalam Marohaini Yusoff, 2001).

Merriam (1988), sesuatu kajian yang dijalankan ialah untuk mengkaji tentang sesuatu proses atau sesuatu program tertentu. Sebagaimana yang telah dinyatakan, tujuan utama kajian ini ialah untuk menghurai dan menyiasat tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Kualitatif dipilih kerana beberapa faktor dan di antaranya ialah, kajian ini sesuai sebagai satu kaedah penyelidikan pendidikan untuk mengkaji pelbagai isu pendidikan yang melibatkan proses kerana kemampuannya menyiasat dan meneroka sesuatu fenomena dengan mendalam (Stake, 1997; Merriam 1998). Dalam hal ini, fenomena pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan sesuai dengan tujuan kajian ini iaitu, untuk menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Selain itu, rasional kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana:

- (a) Kajian secara kualitatif bukan sahaja dapat mengenal pasti dan menghuraikan kerumitan proses untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan tetapi kaedah kualitatif dapat mewujudkan pemahaman tentang maksud kegiatan pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di kelas tingkatan empat;
- (b) Kajian ini dapat mengekalkan aspek persekitaran yang sebenar dalam masa pengumpulan dan penganalisan data;
- (c) Penggunaan manusia sebagai alat penyelidikan dapat menghasilkan kajian yang bermakna.

- (d) Memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat dan memahami persoalan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan mendalam dan bukan sekadar menguji hipotesis sahaja.

Kesimpulannya, pendekatan kualitatif dipilih dalam kajian ini kerana pendekatan kualitatif terbukti dapat mengekalkan aspek persekitaran yang sebenar dalam masa pengutipan dan penganalisan data. Dalam hal ini, bilik darjah yang sebenar (tingkatan empat) dipilih kerana dapat mengekalkan persekitaran yang sebenar di samping sesuai untuk proses pengutipan dan pengumpulan data tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Pendekatan kualitatif juga dapat mengenal pasti dan menghuraikan proses pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dari perspektif kaca mata peserta kajian dan melalui pendekatan kualitatif, penyelidik dapat meneroka dan memahami persoalan yang dikaji dengan mendalam dan bukan sekadar menguji hipotesis sahaja.

Oleh yang demikian, pendekatan kualitatif yang dipilih dalam kajian ini dapat memberi gambaran secara holistik tentang apa yang sedang berlaku untuk memahami dan menghuraikan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.3 Reka bentuk kajian

Dalam sesuatu penyelidikan, reka bentuk kajian merupakan aspek yang penting dan perlu diberi perhatian oleh pengkaji kerana berdasarkan reka bentuk



kajian, maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan-soalan kajian dapat dilaporkan. Kerlinger dan Lee (2000) merumuskan, reka bentuk penyelidikan bertujuan menyediakan jawapan bagi soalan kajian dan untuk mengawal varians. Oleh itu, reka bentuk dalam sesebuah kajian sangat penting kerana melalui reka bentuk kajian pelbagai maklumat boleh diperolehi. Barbie (1998) menjelaskan, reka bentuk sesuatu kajian mempunyai dua aspek penting iaitu:


- (a) Mengetahui dengan jelas apa yang hendak dikaji atau apakah objektif sesuatu kajian.
- (b) Menentukan kaedah yang paling baik untuk menjalankan kajian.

Menurut Mohamad Najib Abd Ghafar (1999), keputusan pertama dalam menentukan kaedah kajian ialah reka bentuk kajian yang meliputi soalan seperti:

- (a) Bagaimanakah cara untuk menjalankan sesuatu kajian
- (b) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan data
- (c) Apakah perancangan penyelidik supaya data yang diperoleh dapat memenuhi kehendak untuk mencapai objektif kajian.

Justeru itu, dalam kajian ini reka bentuk kajian ini dapat ditunjukkan seperti rajah berikut:

Rajah 4  
Reka bentuk kajian



Berdasarkan reka bentuk kajian, objektif kajian ini ialah untuk:

- (a) Memahami dengan menghuraikan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di tingkatan empat.

- (b) Memahami dengan menyiasat apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Berdasarkan objektif kajian iaitu, untuk memahami dan menghuraikan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat, maka soalan-soalan kajian yang telah dibentuk bertujuan untuk menjawab persoalan yang menjurus kepada objektif kajian. Dalam hal ini, teknik pengutipan data yang digunakan seperti pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen digunakan untuk mengumpul data tentang bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Semua data yang diperoleh melalui pemerhatian di kelas tingkatan empat untuk menjawab soalan kajian iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Manakala teknik temu bual dipilih bagi menjawab soalan kajian iaitu, apakah persediaan peserta kajian sebelum melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Di samping itu, beberapa dokumen seperti buku rekod mengajar, buku latihan murid, minit mesyuarat panitia Bahasa Melayu, minit mesyuarat kurikulum sekolah, majalah sekolah dan dokumen lain yang berkaitan dengan kemahiran berfikir adalah bukti dokumen yang digunakan untuk melihat perkaitan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Mohd Shafie Abu Bakar (1987) menyatakan, kajian kes merupakan satu percubaan bagi mendapatkan maklumat penuh menerusi pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik sendiri dalam sesuatu jangka masa yang tertentu. Pada masa pemerhatian dijalankan di bilik darjah, semua maklumat tentang pengembangan kemahiran berfikir yang diperoleh dicatat dalam buku catatan untuk dianalisis dan alat yang penting sekali dalam kajian kes ialah penyelidik sendiri (Mohd Shafie, 1987).

Best & Kahn (1998) menyatakan, kaedah kajian yang digunakan adalah untuk mengkaji sesuatu unit sosial secara keseluruhan serta melihat perkembangan atau perubahan yang berlaku dalam sesuatu fenomena. Unit sosial yang dimaksudkan mungkin seorang manusia, sekumpulan manusia, sebuah keluarga, sebuah institusi sosial atau mungkin juga sebuah masyarakat. Menurut beliau lagi, terdapat empat kaedah yang boleh digunakan bagi mengumpul data bagi kaedah kajian kes, iaitu:

- (a) Pemerhatian oleh penyelidik atau pembantunya dengan melihat kriteria fizikal, kualiti sosial atau perlakuan.
- (b) Temu bual dengan peserta kajian.
- (c) Soal selidik, ujian psikologi dan inventori.
- (d) Merekod data dari keratan akhbar, sekolah, mahkamah, klinik, agensi kerajaan atau sumber lain.

Marshall & Rossman (dalam Best & Kahn, 1998) menyatakan, pemilihan peserta kajian haruslah berdasarkan kepada objektif kajian dan fokus kajian serta peruntukkan masa untuk sesebuah kajian. Oleh kerana objektif kajian ini ialah untuk memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan

pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah; maka tempoh masa yang digunakan untuk mengutip data ialah selama 18 bulan. Tempoh masa tersebut sesuai dan memenuhi kriteria seperti yang disarankan oleh Marohaini (2001: hlm.49) dan sejajar seperti mana yang telah dinyatakan oleh Jorgensen (1989) *availability of resources and daedlines* iaitu, suatu tempoh yang telah ditetapkan dan memadai untuk membolehkan penyelidik meneroka dan meneliti persoalan kajian. Dalam kajian ini, dapatan kajian dapat memberi gambaran secara holistik tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

#### 3.4 Prosedur pelaksanaan kajian

Sebelum kajian dijalankan, kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah diperoleh daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPBPPDP) 603/5 Jld 4.(114) dan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS). Kajian rintis telah dijalankan di sebuah sekolah menengah harian biasa untuk mendapatkan keserasian bagaimana cara untuk memilih peserta kajian (guru Bahasa Melayu) di samping mengetahui perspektif mereka mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dapatan kajian rintis diharap dapat memberi maklumat untuk memilih peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Diharapkan peserta kajian yang telah dipilih boleh memberi kerjasama dan komitmen yang baik ketika proses mengumpul data tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran

pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Sebelum kajian rintis diadakan, temu janji dengan pengetua sekolah telah diatur untuk mendapatkan kebenaran bagi tujuan menjalankan kajian rintis.

Cikgu Ahmad (bukan nama sebenar) merupakan seorang guru Bahasa Melayu dan sudah menjadi guru Bahasa Melayu kira-kira 39 tahun yang lalu. Berkelulusan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dalam pengkhususan Bahasa Melayu dan Sejarah. Selepas memperoleh ijazah pertama, beliau ditempatkan mengajar di Johor Darul Takzim selama lima tahun dan kemudian memohon bertukar ke negeri Selangor. Sehingga kini beliau mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Aziz, Sabak Bernam dengan mengajar Bahasa Melayu dan Sejarah di kelas tingkatan tiga.

Dapatan temu bual bersama dengan cikgu Ahmad tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, dapat dirumuskan:

- (a) Guru telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (b) Tahap pelaksanaan masih tidak menggalakkan kerana bukan semua guru menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran.
- (c) Masalah pelaksanaan seperti kurangnya bahan bantu mengajar, kurang pengetahuan kemahiran berfikir dan beban tugas guru menyebabkan kemahiran berfikir kurang dikembangkan dalam pengajaran di bilik darjah.

Justeru, sebuah kajian perlu dijalankan untuk mengetahui dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini telah menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual untuk mendapatkan maklumat tentang bagaimanakah peserta kajian melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Di samping itu, catatan lapangan juga telah digunakan untuk mengutip data dan rakaman pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian juga telah digunakan dalam kajian ini. Teknik pengumpulan ini digunakan supaya data yang diperoleh melalui rakaman dan catatan lapangan boleh dibuat perbandingan dan ditokok tambah apabila proses penganalisan data dijalankan nanti. Walau bagaimanapun, catatan lapangan hanya digunakan sebagai data kedua sekiranya data semasa rakaman dijalankan, kemungkinan intonasi suara guru kurang jelas, atau berlaku gangguan seperti gangguan pengumuman pada masa rakaman sedang dijalankan. Oleh itu, catatan lapangan adalah pengganti atau *backup data* supaya data yang diperlukan menjadi data yang lengkap semasa proses melaporkan hasil dapatan kajian dilaksanakan nanti.

### 3.5 Catatan lapangan

Catatan lapangan merupakan catatan yang dicatat pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian di kelas tingkatan empat. Dalam kajian

ini, aktiviti seperti peserta kajian menggunakan lembaran grafik, bertanyakan soalan, menjalankan aktiviti kumpulan pengajaran pemahaman bacaan akan dicatat sebagai catatan lapangan. Catatan lapangan tidaklah berbentuk formal dan kadang-kadang tulisannya hanya boleh difahami oleh penyelidik sahaja dan oleh kerana itu data yang dicatat melalui pemerhatian akan dicatat sebagai catatan lapangan.

### 3.6 Pengutipan dan pengumpulan data

Data yang dikumpul dalam kajian ini ialah data deskriptif yang dapat memberikan gambaran holistik tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Pengumpulan data kajian ini menggunakan teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen untuk memahami dan menghuraikan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, maka Mohamad Najib Abd Ghafar (1999) menyarankan ketiga-tiga teknik boleh digunakan dengan bantuan senarai semak. Oleh itu, penyelidik bercadang untuk menggunakan senarai semak dengan menggunakan borang seperti pemerhatian 1 (Pm i) sehingga pemerhatian 9 (Pm ix), teknik temu bual, penyelidik membuat pelabelan bagi setiap pita rakaman dengan catatan PK1 (data temu bual peserta kajian 1, iaitu cikgu Misha) dan PK2 (data temu bual peserta kajian 2 iaitu, cikgu Norman).

Sementara itu, dokumen-dokumen seperti petikan bahan bacaan yang digunakan oleh peserta kajian, antologi Anak Laut, portal pendidikan, klip video, minit mesyuarat staf akademik dan mesyuarat panitia Bahasa Melayu, buku panduan KBKK oleh PPK, buku latihan pelajar, buku rekod mengajar dan dokumen lain digunakan



sebagai bukti dokumen untuk memahami pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Dokumen-dokumen yang dinyatakan merupakan dokumen utama dan digolongkan sebagai rekod awam (Bogdan & Biklen, 1982) dan lebih merupakan dokumen rasmi sekolah malah boleh dianggap sebagai data kedua sebagai dokumen peribadi yang dihasilkan oleh seseorang individu yang berkenaan seperti peserta kajian (Bogdan & Biklen, 1998). Dokumen peribadi peserta kajian seperti catatan peribadi pengajaran dianggap sebagai dokumen yang dapat memberi maklumat tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

### 3.6.1 Teknik pemerhatian

Pemerhatian merupakan teknik penyelidikan yang selalu digunakan apabila pemerhatian berfungsi sebagai hala tuju penyelidikan yang terancang, spontan, direkodkan secara tersusun dan faktor kebolehpercayaan dapat diperiksa dan dikawal (Kidder, 1981). Pada masa pemerhatian, data dikutip untuk menjawab soalan kajian kedua iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Sebagai langkah selamat bagi memastikan supaya kemahiran berfikir yang telah dikembangkan tidak tercicir semasa pengajaran pemahaman bacaan dijalankan, penyelidik telah menyediakan senarai semak pemerhatian (lampiran A) yang bertujuan untuk memastikan beberapa perkara penting seperti komponen kemahiran berfikir yang dikembangkan, bilangan pemerhatian, peserta kajian, tingkatan, masa, tajuk, soalan dan alat berfikir yang telah digunakan supaya tidak hilang pada masa proses

penganalisan data dijalankan nanti. Rekod pengembangan kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan penting kerana bermula dari catatan pemerhatian, kefahaman dan penghuraian secara mendalam dapat dilakukan untuk melaporkan tentang bagaimanakah peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pemerhatian, soalan dan penyoalan, lembaran kerja atau peta minda yang telah digunakan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan merupakan maklumat penting yang diperhatikan supaya data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dalam kelas tingkatan empat tidak hilang begitu sahaja. Menurut Spradley (1979), pemerhatian secara langsung adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk mengetahui hal yang sebenar mengenai sesuatu perkara manakala Everton & Green (1986) menyatakan, pemerhatian merupakan satu pendekatan kepada pengkaji kerana proses dan isu pendidikan kaedah tersebut kaya dengan sejarah yang pelbagai.

Selain itu, pemerhatian yang melibatkan seseorang pengkaji dapat mencerap ciri-ciri bagi setiap unit individu (Cohen & Manion, 1989). Oleh yang demikian, teknik pemerhatian merupakan teknik yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pemerhatian dalam kajian ini dijalankan dalam dua peringkat iaitu, pada masa pengutipan dan selepas pengutipan data yang bersifat intensif dan formal (Merriam, 1988). Pada peringkat kedua dalam kajian ini ialah pada masa menjalankan catatan lapangan dan digunakan semasa pemprosesan data dan penganalisan data nanti.

Selain itu, teknik pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat seperti:

- (a) Untuk mengenal pasti lebih tepat tentang bagaimana peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (b) Untuk mengetahui apakah bahan bacaan yang digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (c) Untuk mengetahui apakah aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Tempoh kajian lapangan dalam kajian ini ialah selama 18 bulan dan tempoh yang dipilih untuk menjalankan kajian ini dianggap sesuai kerana semakin lama pengkaji berada di sekolah, semakin banyak perasaan terancam dalam kalangan guru dapat dikikiskan (Jorgensen, 1989). Hanya melalui cara pergaulan dan kerjasama erat di antara penyelidik dengan peserta kajian, kebolehpercayaan daripada peserta kajian dapat dipertingkatkan.

(a) Rakaman video

Menurut Frenkel & Wellen (1990), kesukaran besar yang dihadapi oleh penyelidik dalam pemilihan teknik pemerhatian sama ada pemerhatian ikut serta atau tidak ikut serta ialah catatan yang dilakukan pada masa pemerhatian. Pemerhatian

tidak ikut serta ialah kaedah yang tidak mencatat semua peristiwa yang berlaku pada masa pemerhatian dijalankan. Oleh yang demikian, dalam kajian penggunaan rakaman video memberi banyak kelebihan bagi penyelidik kerana setiap pergerakan atau aktiviti yang berlaku dengan pantas dan yang tidak dapat dicatat dapat divideokan. Rakaman yang telah sempurna divideokan, boleh diulang tayang pada masa pemprosesan dan penganalisan data nanti. Selain itu, melalui rakaman, semua aktiviti yang berlaku seperti percakapan peserta kajian, bahan bacaan yang digunakan, bentuk penilaian yang digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dapat dilihat dengan jelas.

Frenkel & Wellen (1990) menyarankan supaya penyelidik mendapatkan khidmat pakar yang berkemahiran dalam bidang rakaman audio video. Lantaran itu, kajian ini telah menggunakan khidmat rakan yang berkemahiran tentang audio video untuk merakamkan aktiviti pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Oleh sebab itu, kepakaran dan kesanggupan beliau untuk membantu dalam proses pungutan data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat sangat diperlukan.

Sebelum rakaman dijalankan, perbincangan dengan Khairul (bukan nama sebenar) tentang prosedur rakaman dibincang supaya data yang diperlukan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dapat dirakam dengan baik. Pemilihan beliau bukan sahaja berdasarkan kepakaran yang dimiliki tetapi kesenangan dan kesanggupan beliau untuk mengendalikan rakaman bagi tujuan pengutipan data dalam kajian ini menjadi kriteria pilihan. Sebelum rakaman, penyelidik bersama-sama dengan peserta kajian 1 (cikgu Misha), peserta kajian 2 (cikgu Norman) dan Khairul diatur supaya peserta kajian

sedia maklum mengenai rakaman yang akan dilaksanakan pada masa pengajaran pemahaman bacaan yang akan dilakukan. Dalam hal ini, aktiviti pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian dalam kelas tingkatan empat mesti dijelaskan dan perlu mendapat kebenaran semua pihak terutama peserta kajian supaya pada masa rakaman sedang dijalankan, rakaman tidak menjadi kaku seolah-olah sedang berlaku adegan lakonan dalam episod sebuah drama televisyen. Sebagai langkah persetujuan semua pihak, penyelidik telah menyediakan surat kebenaran (lampiran C) bagi peserta kajian sebagai tanda persetujuan supaya mereka boleh memberi kebenaran kepada penyelidik dan pembantu rakaman (Khairul) masuk ke kelas tingkatan empat untuk membuat rakaman pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Selain itu, data yang dikumpul tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dikutip dalam bilik darjah yang sebenar bagi mendapat data yang sah dalam persekitaran yang sebenar mengenai pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Dalam hal ini, penyelidik telah memohon jasa baik daripada ketua panitia Bahasa Melayu dan pengetua (sekolah kajian) untuk meyakinkan kedua-dua peserta kajian iaitu cikgu Misha dan cikgu Norman tentang kebolehpercayaan mengenai rakaman yang akan dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pengutipan data, sebanyak dua belas kali pemerhatian pengajaran cikgu Misha telah divideokan dan sembilan daripadanya dijadikan rakaman sebenar sebagai data mentah. Tiga lagi rakaman pengajaran beliau dilakukan tanpa melibatkan pungutan data untuk mewujudkan situasi yang biasa dengan keadaan biasa semasa rakaman sebenar dijalankan di kelas tingkatan empat. Pra rakaman dijalankan untuk mengelak daripada berlakunya lakonan pada masa penggambaran sebenar sedang

dijalankan dan rakaman berulang kali juga bertujuan untuk membiasakan peserta kajian, pelajar dengan kamera dalam keadaan yang sebenar apabila rakaman sebenar. Rakaman pengajaran pemahaman bacaan bagi cikgu Norman telah berlaku sebanyak sepuluh kali dengan lapan kali rakaman sebenar dijalankan untuk dijadikan data kajian ini.

Pemerhatian dalam penyelidikan kualitatif mempunyai banyak kaedah tetapi yang biasanya digunakan oleh penyelidik dalam membuat penyelidikan ialah pemerhatian secara langsung, pemerhatian secara tidak langsung dan penyelidikan etnografi. Pemerhatian secara langsung bermaksud penyelidik berada bersama-sama dalam situasi yang sebenar secara terbuka pada masa data dikumpulkan kerana penyelidik akan merasa lebih mudah untuk mengenalpasti subjek tentang apa yang akan dikaji. Dalam hal ini, semasa data dikutip, penyelidik bersama-sama pembantu menjalankan proses pengutipan data. Pada masa ini, Khairul bertindak sebagai orang yang mahir dengan kamera, manakala penyelidik akan mencatatkan perkara-perkara tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Walau bagaimanapun, penglibatan penyelidik dalam kelas tingkatan empat yang dikaji telah pun mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada peserta kajian dan pelajar-pelajar telah mengenali penyelidik sebelum ini.

Pemerhatian secara tidak langsung bermaksud penyelidik berada di luar bilik darjah dan tidak terlibat dengan aktiviti yang berlaku dalam bilik darjah dan penyelidik bertindak sebagai pemerhati semata-mata. Bagi perkara ini, penyelidik sudah pun mengenali peserta kajian dan pelajar-pelajar tingkatan empat khususnya tingkatan 4A3 kerana pada suatu masa penyelidik pernah menjadi ketua guru rumah sukan beberapa orang pelajar dari kelas yang dimaksudkan.

Pemerhatian etnografik pula merangkumi pemerhatian secara langsung dan tidak langsung dan digunakan untuk memperoleh seberapa banyak maklumat tentang apa yang berlaku dan dapat diertikan sebagai keseluruhan gambaran terhadap sesuatu perkara dan dalam hal ini segala maklumat yang dikutip, merangkumi hasil catatan lapangan, rakaman video, perbincangan dalam kelas, mesyuarat guru, buku rancangan mengajar, buku kerja pelajar, majalah sekolah dan apa sahaja dokumen yang difikirkan sesuai dan berguna dikategorikan sebagai pemerhatian etnografik dan digunakan sebagai data untuk dilaporkan pada masa melaporkan kajian ini nanti.

### 3.6.2 Teknik temu bual

Teknik temu bual merupakan kaedah pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam kajian penyelidikan sosial termasuk bidang pendidikan (Cohen & Manion, 1989). Kagan (1992) menyatakan, kaedah temu bual merupakan kaedah yang kerap digunakan dalam penyelidikan mengenai pengetahuan dan kepercayaan guru. Fetterman (1989) berpendapat temu bual merupakan teknik pengumpulan data yang paling penting bagi kajian kualitatif dan digunakan untuk mengetahui sesuatu perkara yang kita tidak boleh lihat secara langsung seperti perasaan, fikiran dan niat seseorang (Patton, 1990). Patton menjelaskan terdapat enam jenis penyzoalan yang boleh dilakukan oleh penyelidik pada masa temu bual seperti:

- (a) Latar belakang—iaitu untuk mendapatkan maklumat tentang pendidikan, pekerjaan, umur, pendapatan serta hobi.

- (b) Pengetahuan–soalan yang berkisar tentang pendapat, kepercayaan dan sikap peserta kajian terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (c) Pengalaman lepas–soalan yang menyentuh tentang apa yang telah mereka lakukan terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (d) Pendapat–apa yang mereka fikirkan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan apakah yang mereka inginkan dalam perubahan ke arah pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan yang berkesan.
- (e) Perasaan peserta kajian terhadap topik yang dikaji berdasarkan pengalaman pengajaran mereka yang lalu.
- (f) Soalan kederiaan–untuk mendapatkan maklumat tentang apa yang mereka lihat, dengar dan laksanakan terhadap pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

Dalam konteks kajian ini, kaedah temu bual secara berstruktur bersama-sama peserta kajian dengan mengemukakan soalan yang telah disediakan seperti contoh yang telah dikemukakan oleh Frenkel & Wellen (1990) telah dapat dilaksanakan sepenuhnya. Menurut Frenkel & Wellen (1990), seseorang pengkaji harus mempunyai beberapa ciri ketika sesi temu bual seperti:



- (a) Sentiasa menghormati peserta kajian. Jangan membuang masa peserta kajian semata-mata untuk mendapatkan maklumat dan yang penting ialah sentiasa mengikut jadual atau temu janji yang diadakan.
- (b) Wujudkan suasana biasa semasa temu bual.
- (c) Sentiasa mengawal darjah komunikasi dengan peserta kajian.
- (d) Sentiasa bersabar ketika menanti sebarang jawapan daripada peserta kajian.

Pada masa temu bual, penyelidik telah mematuhi kesemua ciri yang dinyatakan supaya peserta kajian tidak dikongkong dengan sebarang pertanyaan yang tidak relevan dan mereka boleh memberi sebarang komen tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Setiap jawapan yang diberikan dicatat dalam buku catatan dan semua maklumat yang telah diberikan oleh peserta kajian menjadi rahsia penyelidik.

Menurut Frenkel & Wellen, (1990), kelebihan kaedah temu bual digunakan dalam sesuatu penyelidikan ialah penyelidik boleh menjelaskan soalan kepada responden dan boleh meminta responden membuat penjelasan dengan lebih lanjut mengenai perkara yang hendak dikaji. Rohana Yusoff (2003) menyatakan, kaedah temu bual begini disebut sebagai temu bual bersemuka. Kaedah temu bual bersemuka mempunyai banyak kelebihan, di antaranya ialah responden boleh memberi isyarat bukan lisan kepada pengkaji sama ada melalui mimik muka, kegugupan, bahasa badan dan sebagainya.

Pada masa temu bual, seperti yang disarankan oleh Rohana Yusof (2003), maka kajian ini juga mematuhi syarat-syarat seperti:

- (a) Perkenalkan diri. Penyelidik memulakan temu bual dengan pelbagai cara, seperti memberi salam. Selepas itu baharulah penyelidik memberitahu peserta kajian atau informan lain mengapa mereka dipilih. Maklumat yang diperoleh daripada mereka ialah sebagai data untuk menghuraikan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran bacaan.
- (b) Bersopan dan bersabar. Penyelidik sentiasa mengamalkan sifat bersopan dan bersabar dengan menggunakan nada suara yang jelas dan bersesuaian, tidak memaksa peserta kajian memberi jawapan tanpa kerelaannya dan penyelidik bersabar menunggu jawapan yang diberikan.
- (c) Membantu peserta kajian. Dalam hal ini penyelidik membantu peserta kajian untuk mengingat kembali fakta yang mungkin terlupa dan penyelidik cuba mengelak daripada mempengaruhi peserta kajian dalam membuat sesuatu keputusan mengenai pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (d) Menghormati jawapan peserta kajian. Penyelidik memberi peluang kepada peserta kajian untuk memberikan jawapan atau meluahkan isihatinya, tidak mengganggu mereka ketika bercakap atau memberi sebarang komen pada masa temu bual sedang berlangsung.
- (e) Bersifat jujur walaupun menghadapi kesukaran dalam penyelidikan. Misalnya tidak dapat di temu bual kerana sebab sibuk setelah selesai sesuatu pengajaran pemahaman bacaan, terlibat dengan urusan di luar sekolah, ada mesyuarat dan sebagainya. Untuk menyelesaikan masalah ini penyelidik berbincang dengan peserta kajian dan mencari masa yang sesuai untuk di temu bual dengan mengadakan temu bual semula. Dengan cara

ini, temu bual dapat dijalankan dalam suasana harmoni atas persetujuan kedua-dua belah pihak (penyelidik dan peserta kajian).

Dalam kajian ini, beberapa responden lain telah dipilih untuk mendapatkan maklumat yang jelas mengenai pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Di antaranya ialah, empat orang pelajar tingkatan empat, guru-guru Bahasa Melayu sekolah lain, ketua panitia Bahasa Melayu, guru cemerlang Bahasa Melayu dan pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Mereka dipilih berdasarkan:

- (a) Tahu dan faham tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan.
- (b) Berpengalaman mengajar Bahasa Melayu.
- (c) Pernah memberi kursus tentang pelaksanaan kemahiran berfikir.
- (d) Pernah mendapat pendedahan tentang kemahiran berfikir.

Berdasarkan kriteria tersebut, mereka telah dipilih sebagai peserta kajian dan informan tambahan untuk memberikan penjelasan di samping dapat menghuraikan mengenai pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.6.2.1 Temu bual formal

Temu bual formal adalah kaedah lazim yang digunakan untuk mengutip data dalam kajian kualitatif. Data hasil temu bual diperkukuh dan diperlengkapkan bersama data-data yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian. Dalam hal ini, kaedah pemerhatian ialah menjalankan pemerhatian apa yang berlaku ke atas peserta kajian pada masa pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah tetapi apa yang sedang difikir dan dibayangkan oleh mereka pada masa itu tidak dapat dilihat melainkan dengan hanya menjalankan kaedah temu bual ke atas peserta kajian. Dalam hal ini, Patton (1980) menjelaskan:

*We cannot observe feelings, thoughts and intentions...We cannot observe how people organized the world and meaning they attach to what goes on in the world. We have to ask questions about those things. The purpose of interviewing, then is to allow us to enter into the other person's perspective.*

(Patton, 1980: hlm. 196)

Dalam sesebuah pendekatan kualitatif, penyelidik tidak akan dapat menjalankan pemerhatian tentang perasaan, pemikiran dan naluri seseorang pada masa kajian. Oleh yang demikian, jangkaan penyelidik bagi isu yang melibatkan pemikiran dan perasaan seseorang hanya akan dapat diketahui melalui kaedah temu bual, itu pun apabila peserta kajian mahu bekerjasama untuk menjelaskan perkara-perkara tersebut dengan rela tanpa dipaksa. Selepas sesuatu sesi pengajaran pemahaman bacaan, proses

temu bual akan diadakan untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih terperinci tentang perancangan pengembangan kemahiran berfikir sebelum, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan.

Pada masa temu bual dengan peserta kajian, perakam suara telah digunakan supaya dapat merakam perbualan dan setiap pita dilabelkan seperti (tb PK1) bermaksud temu bual dengan peserta kajian 1 (cikgu Misha). Semua maklumat hasil dapatan temu bual, penyelidik membuat catatan semula supaya senang dibaca dan dicatat dalam buku data temu bual. Buku data temu bual penyelidik ialah buku yang mencatatkan perbualan bukan sahaja dengan peserta kajian, malah meliputi semua maklumat daripada responden lain seperti pelajar tingkatan empat, guru Bahasa Melayu, ketua panitia, guru cemerlang dan pegawai jabatan pelajaran negeri Selangor.

Soalan-soalan yang di temu bual dalam kajian ini memfokuskan kepada pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat seperti:

- (a) Apakah persediaan peserta kajian sebelum pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (b) Apakah bahan bacaan yang peserta kajian gunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (c) Bagaimanakah peserta kajian memilih bahan bacaan tersebut.
- (d) Apakah bentuk penilaian yang peserta kajian jalankan.
- (e) Apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

- (f) Bagaimanakah peserta kajian mengatasi masalah tersebut.
- (g) Apakah bentuk pengukuhan yang dilaksanakan oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir selepas pengajaran pemahaman bacaan.

Kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas dari aspek perasaan oleh peserta kajian mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

#### 3.6.2.2 Temu bual tidak formal

Tujuan temu bual tidak formal diwujudkan dalam sesebuah kajian yang bersifat kualitatif ialah untuk mendapatkan beberapa maklumat persekitaran mengenai latar belakang sesebuah organisasi yang dipilih sebagai lokasi kajian. Kajian ini menggunakan latar belakang sekolah yang telah dikenal pasti untuk mendapatkan beberapa maklumat yang penting berkaitan dengan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Beberapa maklumat lain seperti persepsi guru-guru tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran sebagai maklumat penting untuk menyokong pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran apabila proses melaporkan hasil kajian dilakukan nanti.

(b) Rakaman audio

Menggunakan alatan elektronik seperti pita rakaman dan sebagainya adalah sangat berguna dan besar manfaatnya kepada penyelidik pada masa kerja lapangan dilakukan. Oleh kerana penggunaan pen dan catatan nota pada masa pengutipan data memakan masa, butiran percakapan peserta kajian mungkin tidak jelas dan berkemungkinan juga apa yang dicatat tidak dapat diinterpretasi disebabkan oleh beberapa faktor seperti catatan yang tidak jelas, percakapan yang kabur dan sebagainya. Oleh itu, dalam kajian ini rakaman audio temu bual digunakan sebagai alat bantu bagi membantu penyelidik sekiranya masalah yang dinyatakan tadi berlaku pada masa proses menulis laporan dapatan kajian dilaksanakan nanti.

Sebagai alternatif kepada penggunaan alat rakaman yang mungkin mengalami keadaan tidak berfungsi dan berkemungkinan juga terjadinya beberapa gangguan luar yang akan memberi kesan terhadap kualiti rakaman, maka nota ringkas dan pengisian borang temu bual telah disediakan. Oleh itu, nota ringkas dan maklumat temu bual dapat membantu pada masa melaporkan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian 1 dan peserta kajian 2, beberapa catatan penting seperti catatan lapangan dan catatan jurnal tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat mengimbas kembali aktiviti yang telah berlaku dalam pengajaran dibilik darjah. Dalam konteks kajian ini, (Marohaini Yusoff, 2001: hlm. 98) menyatakan, catatan lapangan yang dibuat semasa pemerhatian di dalam kelas meliputi aspek fizikal tempat dan perkara bersabit dengan apa yang berlaku di dalam kelas iaitu, pernyataan yang

dibuat secara langsung oleh peserta kajian. Oleh yang demikian, pada masa peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir, perkara-perkara yang telah berlaku pada masa pengajaran tersebut dicatat dengan jelas supaya pada masa laporan yang dibuat dapat menjelaskan perkara yang sebenar tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.7 Bukti dokumen

Dalam proses mengumpulkan data bagi melengkapkan laporan dalam kajian ini, pelbagai maklumat tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan temu bual yang telah dijalankan, namun sebagai penambahbaikan keesahan tentang data, maklumat lain tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan diperoleh berdasarkan bukti dokumen. Dokumen digunakan sebagai bukti adalah untuk mengesahkan data-data yang dikutip berdasarkan pemerhatian dan temu bual.

Merriam (1998) menyatakan, dokumen merupakan sumber data yang ketiga pentingnya dalam penyelidikan kualitatif dan berdasarkan kajian ini, bukti dokumen merujuk kepada dokumen bertulis seperti pelan sekolah, majalah sekolah, statistik guru serta rekod pencapaian pelajar. Dokumen ini digunakan sebagai bukti untuk dianalisis bagi memantapkan data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Begitu juga dengan rekod-rekod lain seperti minit mesyuarat guru, minit mesyuarat panitia Bahasa Melayu diguna dan dianalisis bagi mendapatkan gambaran tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di



sekolah menengah. Selain itu, data dokumen peribadi seperti buku rancangan mengajar, petikan bacaan dan buku latihan murid digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Menurut Bogdan & Biklen, 1998, data kedua ialah dokumen peribadi yang dihasilkan oleh seseorang individu yang berkenaan seperti peserta kajian. Berikut ialah senarai dokumen yang telah digunakan dalam kajian ini seperti:

Jadual 3  
Senarai dokumen

Dokumen Sekolah	Dokumen Polisi	Dokumen lain
Buku rancangan mengajar	Buku panduan kemahiran berfikir	Petikan bacaan
Sejarah & profil sekolah	Risalah kemahiran berfikir	Buku latihan murid
Majalah sekolah	Sukatan Pelajaran BM	Keratan akhbar
Latar belakang guru	Buku teks BM Ting.4	Instrumen SKPM
Pelan sekolah		
Pelan bilik darjah terlibat		
Minit mesyuarat kurikulum		
Minit mesyuarat panitia BM		

Dokumen merupakan bukti dalam kajian kualitatif dan dalam kajian ini meliputi guru, pentadbir sekolah, murid dan pihak yang membuat dasar seperti PPK dan KPM. Bagi mendapat maklumat tentang sekolah, sejarah sesebuah sekolah dan latar belakang yang boleh menjelaskan perkara tersebut diperoleh melalui majalah sekolah, buku rancangan akademik lima tahun dan laman web sekolah. Di samping

itu, dokumen lain seperti buku panduan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran oleh PPK, Sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan empat, Huraian Sukatan Pelajaran tingkatan empat dan soalan kertas dua Bahasa Melayu SPM digunakan sebagai dokumen untuk dianalisis tentang kemahiran berfikir dalam pengajaran. Oleh yang demikian, bukti dokumen adalah satu teknik yang digunakan dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif untuk pengesahan data.

### 3.8 Instrumentasi

Menurut Frenkel & Wellen (1990), keseluruhan proses mengumpul data dikenali sebagai instrumentasi manakala alat yang digunakan untuk mengumpulkan data dikenali sebagai alat kajian. Menurut beliau, untuk merangka instrumentasi beberapa perkara perlu difikirkan seperti:

- (a) Dimanakah data dikumpul. Persoalan ini merujuk lokasi kajian yang dijalankan, contohnya di kelas tingkatan empat dan di sekolah.
- (b) Bila data dikumpul. Masa data dikumpul. Semasa pengajaran
- (c) Sekerap manakah data dikumpulkan. Berapa kali data dikumpul.
- (d) Siapakah yang mengumpul data. Penyelidik.

Dalam kajian ini, perancangan instrumentasi adalah seperti berikut:

Jadual 4  
Perancangan instrumentasi

Perkara	Pemerhatian	Temu bual
Dimana data dikumpul	Di dalam bilik darjah	Di sekolah kajian
Bila data dikumpul	pada masa P&P	Selepas P&P
Kekerapan pengumpulan data	22 kali	10 kali
Siapa pengumpul data	Penyelidik/pembantu	penyelidik
Peserta kajian	Dua orang guru BM	Dua orang guru BM Guru-guru BM lain Ketua Panitia BM Dua orang Guru Cemerlang Seorang pegawai JPNS Empat pelajar tingkatan empat.

Berdasarkan Jadual instrumentasi, pengumpulan data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan bagi mendapatkan data teknik temu bual dijalankan mengikut kesesuaian dan kelapangan peserta kajian. Misalnya cikgu Misha, pada setiap kali selepas pemerhatian beliau mengajar dikelas yang lain pula. Oleh itu, jika data yang dikehendaki itu dijelaskan dengan jujur dan ikhlas, maka masa temu bual perlu dijalankan mengikut kesesuaian waktu dan masa yang lapang oleh peserta kajian. Dalam hal ini, kebebasan waktu dan kelapangan peserta kajian diberi keutamaan supaya data temu bual dapat dikumpul dengan tepat dan ikhlas tentang pengajaran pemahaman bacaan di dalam kelas tingkatan empat.

### 3.9 Pemilihan peserta kajian

Dalam sesebuah kajian, peserta kajian merupakan subjek utama dan perlu dikenal pasti terlebih dahulu oleh seseorang penyelidik. Spindler (1985) menganggap peserta kajian merupakan subjek utama dan pakar tentang perkara yang ingin diselidiki. Menurut Frenkel & Wellen (1990), pemilihan peserta kajian yang menggunakan *purposive sampling* berdasarkan seperti contoh, guru-guru pengajian Sains Sosial tahun lapan telah memilih dua orang pelajar bagi setiap gred iaitu, gred tinggi, sederhana dan gred lemah bagi sebuah kelas. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, *purposive sampling* dipilih adalah berdasarkan:

- (a) Pakar dan berpengetahuan tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat,
- (b) Bersedia untuk menjadi peserta kajian supaya proses pengumpulan data mengenai pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat dijalankan dengan lancar.
- (c) Bersama-sama untuk berkongsi pengalaman mengenai pelaksanaan dan menghuraikan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Sampel bertujuan dapat dirujuk melalui contoh yang telah dikemukakan oleh Frenkel & Wellen (1990: hlm.101) yang telah memilih pelajar daripada tiga kumpulan iaitu, pencapaian tinggi, sederhana dan lemah. Dalam konteks kajian ini, ciri yang sama berdasarkan populasi kajian ialah peserta kajian yang dipilih ialah kalangan

guru yang berpengetahuan dan tahu bagaimana cara untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Oleh yang demikian, pemilihan peserta kajian ialah dua orang guru Bahasa Melayu yang tahu tentang selok-belok pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Selain itu, mereka adalah dalam kalangan guru yang pernah mengikuti kursus kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 3.9.1 Latar belakang peserta kajian 1: cikgu Misha

Cikgu Misha (bukan nama sebenar) merupakan seorang guru Bahasa Melayu yang telah mengajar kira-kira 16 tahun yang lalu dan beliau merupakan guru Bahasa Melayu yang terlatih sejak 13 tahun setelah memperoleh Diploma Pendidikan melalui Kursus Perguruan Lulusan Ijazah di Institut Bahasa Melayu Kuala Lumpur pada tahun 1992. Ijazah pertama beliau dalam bidang pentadbiran dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya sebagai seorang guru sementara di Sekolah Menengah Agama, Setiu, Terengganu pada tahun 1990 dan atas dorongan ibunya serta perasaan untuk mendidik anak bangsa berjaya dalam pendidikan, beliau memohon untuk memasuki Kursus Perguruan Lulusan Ijazah di Institut Bahasa Melayu di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1991, cikgu Misha ditugaskan untuk mengajar di Sekolah Menengah Buyong Adil, Tapah Perak sehingga tahun 1995. Beliau mengajar mata pelajaran perdagangan tingkatan empat selain dipertanggungjawabkan sebagai guru

penyelaras tingkatan tiga. Pada bulan Jun 1995, cikgu Misha ditukarkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Tong, Setiu, Terengganu dan di sekolah ini, beliau mengajar Bahasa Melayu dan Sejarah tingkatan lima. Selain mengajar beliau adalah Ketua Panitia Bahasa Melayu kerana pengalamannya selama lima tahun sebagai guru Bahasa Melayu. Pada tahun 1998, beliau memohon pertukaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor kerana mengikut suami. Sehingga kini, beliau sudah berpengalaman mengajar selama 15 tahun dan telah diberi kepercayaan untuk menjadi ahli jawatankuasa Orientasi Semakan Semula Bahasa Melayu tingkatan empat dan lima pada peringkat kebangsaan di Kementerian Pelajaran Malaysia.

### 3.9.2 Latar belakang peserta kajian 2: cikgu Norman

Sewaktu proses pemilihan peserta dalam kajian ini, Cikgu Norman (bukan nama sebenar) baharu sahaja ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor setelah menamatkan pengajian di Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia), Serdang pada tahun 2002. Kini beliau berusia 33 tahun dan dilahirkan pada 7 Januari 1972 di Pasir Mas, Kelantan dan merupakan anak kedua daripada tujuh adik beradik. Cikgu Norman lulusan Universiti Pertanian Malaysia dalam pengkhususan Pendidikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama (PBMP) pada September 2002. Pada mulanya bercita-cita menjadi peguam dan guru bukan idaman beliau tetapi kemahuan keluarga di samping menjamin masa depan, maka guru dipilih sebagai kerjaya dalam hidupnya. Lokasi sekolah pertama beliau sebagai guru berijazah ialah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar dan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat dan Sejarah tingkatan tiga.

Cikgu Norman memulakan persekolahannya di Sekolah Kebangsaan Kepas, Pasir Mas pada tahun 1979 dalam darjah satu, beliau bersekolah sehingga tahun 1984 di darjah enam. Kemudian beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Chetok, Pasir Mas sehingga peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran sehingga tahun 1987 dengan memperoleh enam agregat dan ditawarkan meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Sains Machang, Kelantan dalam aliran Sains. Beliau berpindah pula ke Sekolah Menengah To'Uban sehinggalah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1989 dengan memperolehi pangkat satu dengan 22 agregat.

Pada tahun 1990, beliau telah bersekolah di Sekolah Menengah Tengku Panglima Raja, Pasir Mas dan mendapat lima prinsipal dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 1991. Kemudian beliau bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Utara Malaysia dalam bidang Ekonomi tetapi menolak tawaran tersebut kerana masalah kewangan dan memilih untuk memasuki Maktab Perguruan Kuala Trengganu, Batu Rakit pada Julai 1992.

Setelah tamat berkursus, cikgu Norman telah dihantar bertugas di Sekolah Kebangsaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Jengka enam, Bandar Pusat Jengka Maran, Pahang dan kemudian ditukarkan pula ke sekolah kebangsaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan Jengka tiga pada 1 Disember 1995. Pada tahun 1998 beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Putra Malaysia, dalam bidang Pengkhususan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama. Beliau pernah menerima hadiah *Golden Key* kerana berjaya mengekalkan prestasi pencapaian pada tahap *CGPA* 3.2 di sepanjang pengajiannya. Beliau pernah dianugerahi Hadiah Dekan kerana memperolehi *CGPA* 3.6 dan apabila tamat pengajian di Universiti Pertanian

Malaysia, beliau ditempatkan mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor pada tahun 2002.

### 3.10 Konsep amalan membaca dari perspektif peserta kajian

Kejayaan atau kegagalan proses pengajaran seseorang guru bergantung kepada bagaimana mereka menjalankan persediaan sebelum pengajaran di bilik darjah. Perbezaan dalam kalangan guru merupakan faktor terpenting yang akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu pengajaran bacaan dan kefahaman, pencapaian murid, dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bacaan (Marohaini Yusoff, 1999: hlm.5).

Oleh kerana perbezaan dalam kalangan guru itu berbeza (berdasarkan pemahaman masing-masing tentang bacaan), begitulah juga yang berlaku kepada peserta kajian ini. Cikgu Misha (peserta kajian 1) menyatakan:

Pengajaran bacaan dan kefahaman, guru mesti mempunyai petikan untuk membaca. Bahan bacaan mestilah sesuai dengan aras pemahaman pelajar dan mereka boleh memahaminya. Kemudian guru mesti menyediakan soalan kefahaman dan soalan mestilah berdasarkan kepada aras pemahaman soalan. Dalam hal ini, guru boleh merancang sama ada soalan yang diberikan itu, boleh terus diperolehi daripada petikan atau di luar petikan dengan menggunakan kemahiran berfikir.

(CLHA -1.2.2004)



Bagi cikgu Norman pula, beliau menyatakan:

Selalunya saya akan membaca dahulu dengan kuat mengikut intonasi yang betul. Pada masa yang sama pelajar memerhati setiap perkataan dengan membuat penandaan bagi perkataan yang susah. Kemudian pelajar membaca dan mencari makna perkataan yang susah (bergaris) dengan menggunakan kamus. Lepas itu, barulah mereka mula menjawab soalan kefahaman. Biasanya saya memberi soalan dari aras pengetahuan dan mereka boleh dapat jawapan terus daripada petikan

(CLHA – 1.2.2004)

Amalan dan persepsi kedua-dua peserta kajian menunjukkan mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah dan memikirkan apakah komponen kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan namun pelaksanaannya bergantung kepada pemahaman dan kaedah melaksanakan sesuatu pengajaran pemahaman bacaan dalam bilik darjah. Dalam hal ini, sekiranya bacaan difahamkan sebagai pengecaman perkataan, banyak latihan untuk kemahiran mengecam perkataan dan makna perkataan akan diberikan (Marohaini Yusoff, 1999: hlm.5). Oleh yang demikian, jikalau komponen kemahiran berfikir mencirikan yang hendak dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan, maka soalan-soalan yang merujuk kepada pengetahuan dan pengecaman menjadi fokus supaya kemahiran berfikir mencirikan dapat dikembangkan dalam pengajaran tersebut.

### 3.11 Amalan peserta kajian terhadap pengajaran pemahaman bacaan

Apabila ditanya tentang persepsi dan amalan yang sering dilaksanakan oleh peserta kajian 1 (cikgu Misha) semasa beliau mengajar pemahaman bacaan di bilik darjah, beliau menjelaskan:

pada masa pengajaran pemahaman bacaan, saya kerap menjalankan komsas kerana dalam komsas terdapat soalan-soalan pemahaman yang menjurus kepada soalan-soalan kemahiran berfikir pada masa pengajaran. Dalam seminggu, ada enam kali pengajaran Bahasa Melayu dan dalam pengajaran pemahaman bacaan, ada soalan pemahaman dan bagi setiap soalan pemahaman ada soalan tentang kemahiran berfikir. Oleh itu, saya melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

(CLHA,1.2.2004)

Menurut cikgu Norman:

Penyelidik:Apakah yang cikgu faham tentang mengajar kefahaman? Norman:Selalunya saya mengajar kefahaman dengan menggunakan buku rujukan, petikan akhbar yang difotostat dengan belanja sendiri,bahan internet dan sekali sekali guna buku teks. Penyelidik:Bagaimana cikgu mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan?Norman:Mula-mula saya menyuruh pelajar membaca senyap 2-3 minit supaya murid mendapat gambaran ringkas petikan. Kemudian kembali dengan membaca kuat. Tujuannya untuk menyebut intonasi yang betul dan kalau pelajar salah sebut, tegur terus, masa tu juga. Lepas tu, suruh pelajar mengesan isi-isi penting sama ada tersurat atau tersirat. Kemudian mereka berbincang pula dalam kumpulan kecil. Pengkaji:Bagaimana pula dengan aktiviti pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan? Norman:Aktiviti pengembangan komponen kemahiran berfikir dijalankan dengan memilih komponen yang akan dikembangkan dalam pengajaran.

Biasanya saya akan merancang dengan menyediakan bahan bantu mengajar yang boleh mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran.

(CLHA, 1.2.2004)

Maklumat dalam temu bual dapat dijelaskan bahawa cikgu Norman memberi fokus dengan menumpukan kepada aktiviti membaca di samping menjawab soalan kefahaman berdasarkan petikan yang dibaca. Di samping itu, beliau juga menjalankan pengembangan komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan akan lebih berkesan.

### 3.12 Persepsi peserta kajian tentang konsep berfikir

Apabila cikgu Norman ditanya tentang konsep berfikir, beliau dengan nada kurang yakin (menghela nafas panjang) menyatakan:

Konsep berfikir! Ape ye. Bagi saya sesuatu yang berlaku dalam minda seseorang, misalnya pelajar berfikir untuk menjawab soalan guru dalam pengajaran. Selain itu, kita berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat sesuatu keputusan. Lebih kurang macam tu lah, rasanya.

(CLHA, 1.2.004)

Perkenalan yang begitu lama mengenali peserta kajian menjadikan perbualan dengan cikgu Norman bertambah menarik dan sekali-sekala terselit dialek Kelantan

berkecek (bertutur) dan ini menimbulkan suasana keakraban di antara penyelidik dengan cikgu Norman kerana sudah lama kenal beliau. Lagi pun cikgu Norman tidak berasa kekok semasa ditemu bual pada ketika itu. Oleh kerana itu, hubungan baik tersebut sedikit banyak dapat membantu penyelidik untuk terus mendapat dan mengumpul data tentang pengembangan kemahiran berfikir dengan mendalam daripada cikgu Norman dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dengan lebih mudah. Dalam hal ini, cikgu Norman menyatakan:

Dalam pengajaran pemahaman bacaan, yang penting ialah bahan bacaan yang dapat mencabar pemikiran pelajar. Kalau petikan yang disediakan banyak mempunyai isu sehingga membolehkan guru mencungkil kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar, bermakna guru telah berusaha untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir di samping mengajar cara-cara pelajar berfikir.

(CLHA- 1.2.2004)

Dalam pengajaran pemahaman bacaan, guru perlu bersedia dengan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap pemikiran pelajar. Sesebuah pengajaran pemahaman bacaan yang menarik terletak kepada kebijaksanaan guru dalam memilih bahan bacaan yang sesuai, merancang aktiviti pengajaran supaya tidak membosankan dan langkah pengajaran tersebut akan menghasilkan mutu pengajaran pemahaman bacaan yang berkesan dalam bilik darjah.

### 3.13 Persepsi peserta kajian terhadap pengembangan kemahiran berfikir

Sewaktu di temu bual, peserta kajian 1 menjelaskan:

Setiap kali mengajar pemahaman bacaan sudah mesti ada soalan-soalan kefahaman yang bertanyakan tentang kemahiran berfikir, sebagai contoh, Apakah yang akan terjadi kepada watak utama setelah tindakan itu berlaku terhadapnya? Ini soalan kemahiran berfikir kerana jawapan tidak terdapat dalam petikan. Oleh itu, cikgu mesti menggunakan kemahiran berfikir meramal untuk mendapatkan jawapan soalan tersebut.

( CLHA, 1.2.2004 )

Penjelasan peserta kajian jelas menunjukkan beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana sudah menjadi amalan beliau melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan walaupun beliau sedar bahawa apabila guru mengembangkan kemahiran berfikir terutama dalam bacaan dan kefahaman, pelajar akan berminat dan mudah untuk mendapatkan gambaran tentang petikan yang dibaca.

Selain itu, sudah menjadi dasar Lembaga Peperiksaan Malaysia iaitu, bentuk soalan peperiksaan pada masa kini lebih banyak menjurus kepada kemahiran berfikir dalam peperiksaan. Oleh yang demikian, strategi pengajaran guru kini hendaklah menjurus kepada usaha untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran supaya pelajar dapat menjawab soalan yang berkaitan dengan kemahiran berfikir. Dalam hal ini, cikgu Norman menjelaskan:

Pemahaman bacaan yang dijalankan di bilik darjah, memang ada soalan kemahiran berfikir, soalan nombor tuga. Soalan tentang pendapat, jangkaan dan ramalan pelajar. Cikgu kena bimbing pelajar untuk menjawab soalan yang berkemahiran berfikir.

Menurut beliau lagi:

Paling kurang satu soalan kemahiran berfikir akan disoal, contohnya soalan yang berbentuk pendapat. Pelajar kurang mahir dengan soalan-soalan berbentuk pendapat. Mereka sudah biasa dengan soalan dengan jawapan yang telah tersedia dalam buku yang banyak di pasaran.

( CLHA, 30.6. 2004 )

Oleh yang demikian, bagi membolehkan pelajar dapat menjawab soalan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, guru hendaklah menyediakan diri mereka dengan pengetahuan dan tahu untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pelajar dapat menjawab soalan berhubung dengan kemahiran berfikir.

### 3.14 Pemilihan tempat kajian

Seperti yang telah dijelaskan pada awal bab ini, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual dan dijalankan di sebuah sekolah menengah harian biasa di bawah KPM. Pemilihan tempat kajian seperti dalam kajian ini menepati cadangan yang telah dicadangkan oleh Spradely (1980) dan beliau menyatakan, *As we*

*started earlier, you may begin by locating an informant and then deciding which of his cultural scenes you will study. If you do have a choice, there are several things to look for.* (Spradely, 1980 : hlm.47). Dalam kajian ini, pemilihan peserta kajian sepertimana yang telah disarankan oleh Spradely iaitu mendapat persetujuan dan sedia bekerjasama membantu untuk menghuraikan permasalahan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Malah, kerjasama yang baik juga diperolehi daripada pembantu rakaman video dan pelajar, bilamana mereka bersedia membantu penyelidik dalam proses pengutipan dan pengumpulan data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

#### 3.14.1 Latar belakang sekolah kajian

Sekolah Menengah Kebangsaan (A) bermula pada tahun 1965 apabila Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Sistem Aneka Jurusan. Sekolah Menengah Kebangsaan (A) adalah hasil gabungan tiga buah Darjah Menengah Kebangsaan (DMK) iaitu DMK Sungai Besar (menumpang di Sekolah Kebangsaan Sungai Besar), DMK Sungai Haji Dorani (menumpang di sekolah Sungai Haji Dorani) dan DMK Parit 9 (menumpang di sekolah Kebangsaan Parit 9).

Memandangkan keperluan untuk mengadakan sebuah institusi pendidikan peringkat menengah yang berpusat pada masa itu, maka pada tahun 1967, ketiga-tiga DMK tersebut telah digabungkan di DMK Sungai Besar dan menumpang di bangunan Sekolah Menengah Agama (Arab) di Sungai Besar bagi sesi petang sahaja sementara menantikan bangunan baharu siap dibina. Pada masa itu bilangan pelajar seramai 285 orang dengan 12 orang tenaga pengajar. Pada bulan Oktober 1967, kumpulan pelajar

pertama menduduki peperiksaan SRP dengan memperolehi 75% lulus. Oleh kerana kekurangan bilik darjah dan tenaga pengajar, pelajar yang telah lulus Sijil Rendah Pelajaran telah dipindahkan ke Sekolah Menengah Ungku Aziz di Sabak Bernam.

Bangunan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan siap pada tahun 1968 di atas tapak seluas 10 ekar yang terdiri daripada dua blok bangunan yang mengandungi sebelas buah bilik darjah, sebuah pejabat, dua buah bilik Sains Rumah Tangga, sebuah makmal dan sebuah kantin. Pada bulan Ogos 1968, semua pelajar ditempatkan buat pertama kalinya di bangunan baharu dan pada 23 Mac 1969 dan sekolah ini telah dirasmikan oleh Allahyarham Tun Abd Razak Bin Hussein, pada masa itu beliau ialah Menteri Pelajaran Malaysia. Pada bulan April 1978, Yang Berhormat Dato' Musa Bin Hitam, Menteri Pelajaran telah merasmikan bangunan tambahan yang terdiri daripada tiga blok bangunan tambahan yang mengandungi bilik guru, perpustakaan, makmal sains, bilik ERT dan dua belas buah bilik darjah. Menjelang tahun 1980, sekolah ini telah dinaikkan taraf ke Gred A dengan pertambahan pelajar seramai 1680 orang.

Pada Januari 1983, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar telah menikmati kemudahan dengan pembinaan lima blok asrama mengandungi dua puluh bilik kediaman, sebuah dewan makan dan telah dirasmikan oleh Menteri Pelajaran pada ketika itu iaitu, Yang Berhormat Dato' Khalil Bin Yaakob pada 24 April 1984. Sekolah ini juga telah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri apabila diumumkan sebagai Sekolah Harapan Negara Kategori Luar Bandar pada masa sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada tahun 1990 dan sekolah ini juga merupakan satu-satunya sekolah di Malaysia yang mempunyai bangunan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sendiri dengan pembiayaan sepenuhnya ditanggung oleh Yang Di Pertua PIBG pada masa itu iaitu, Dato' Ramli Bin Hj Norani dan telah dirasmikan pada 9



Julai 1994 oleh Dato'Raja Ariffin Bin Raja Sulaiman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sehingga kini, sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar sudah menjangkau tiga dekad dan telah melahirkan ramai pelajar yang berjaya dalam pelbagai lapangan.

Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar mempunyai 10 kelas tingkatan empat yang dibahagikan kepada empat aliran iaitu aliran sains, aliran teknik dan vokasional dan aliran sastera. Aliran sains mengandungi tiga kelas iaitu, 4 Sains1, 4 Sains2 dan 4 Sains 3 dengan jumlah pelajarnya seramai 80 orang. Manakala aliran teknik dan vokasional mempunyai enam buah kelas iaitu, 4A1, 4A2, 4A3, 4A4, 4A5 dan 4A6 dengan jumlah pelajar seramai 175 orang. Sementara 4A7 merupakan kelas aliran sastera yang mengandungi 25 orang pelajar dan jumlah keseluruhan pelajar tingkatan empat pada masa itu ialah seramai 280 orang dengan 136 orang adalah pelajar lelaki dan 144 orang pelajar perempuan. Majoriti pelajar tingkatan empat berketurunan Melayu iaitu, seramai 246 orang, Cina 36 orang dan seorang pelajar berketurunan India.

Dalam kajian ini, pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan hanya dijalankan ke atas pengajaran cikgu Misha dan cikgu Norman di kelas tingkatan empat (Tingkatan 4 Sains 1, 4 teknik vokasional 3 dan tingkatan 4 Sastera). Data mengenai pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan sahaja yang akan dikutip pada sepanjang kajian ini dijalankan.

### 3.15 Pemilihan kelas

Pemilihan kelas tingkatan empat dalam sesebuah sekolah bergantung kepada bilangan kelas tingkatan empat. Dalam kajian ini, sekolah kajian yang dipilih mempunyai 10 buah kelas dan pembahagian kelas adalah berdasarkan kepada pencapaian dalam keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Pemilihan kelas tingkatan empat dipilih dalam kajian ini kerana telah menjadi syarat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu, hanya kelas yang tidak terlibat dengan peperiksaan awam sahaja dibenarkan terlibat dalam sesebuah kajian.

#### (a) Tingkatan 4 Sains 1


Kelas tingkatan 4 Sains 1 terletak di blok E (tingkat atas E2, rujuk pelan, rajah 6, hlm.192). Tingkatan 4 Sains 1 mempunyai 31 orang, 10 pelajar lelaki dan 21 orang pelajar perempuan, 21 orang pelajar berketurunan Melayu manakala selebihnya 10 orang pelajarnya berketurunan Cina.

#### (b) Tingkatan 4A3

Kelas tingkatan 4A3 terletak di Blok D2 dan semua pelajarnya (27 orang) adalah Melayu. 13 orang lelaki dan 14 orang pelajar perempuan. Dalam kelas Tingkatan 4A3, empat orang pelajar perempuan iaitu Farah, Farhah, Nazira dan Azreen dipilih sebagai informan berdasarkan kriteria mereka pernah mengenali penyelidik sebelum ini iaitu sewaktu mereka menjadi ahli jawatankuasa rumah

sukan. Faktor ini memberi kelebihan kepada penyelidik kerana mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar berkenaan. Tambahan lagi mereka bersedia untuk memberi maklumat tentang pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan oleh peserta kajian di kelas tingkatan empat. Hal ini nampak lebih mudah kerana mereka akan bersikap lebih terbuka untuk memberikan maklumat yang dikehendaki tentang tajuk yang akan diterokai. Berikut ialah pelan lantai tingkatan 4A3:

Rajah 5  
Pelan lantai tingkatan 4A3




(c) Tingkatan 4A7

Kelas tingkatan 4A7 terletak di bangunan M (bangunan kayu) bersebelahan dengan bilik mesyuarat guru. Kelas ini ialah kelas terakhir dalam kedudukan kelas tingkatan empat. Kelas ini mempunyai 28 orang pelajar, enam orang pelajar

perempuan dan 22 orang pelajar lelaki. Tiga orang daripadanya berbangsa Cina dan selebihnya 25 orang berketurunan Melayu.

Rajah 6 di bawah menunjukkan kedudukan kelas kajian (tingkatan 4 sains 1, 4A3 dan 4A7. Di samping itu, pelan sekolah juga menunjukkan kedudukan kelas kajian dan gambaran keseluruhan lokasi kajian iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan.

Rajah 6  
Pelan kedudukan kelas kajian



### 3.16 Tempoh kajian

Tempoh kajian yang dicadang ialah selama 18 bulan, bermula bulan Januari hingga bulan Oktober dan dari bulan Januari sehingga bulan Ogos tahun berikutnya. Pada masa tempoh kajian dijalankan, kaedah pemerhatian telah dijalankan ke atas pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu cikgu Misha dan cikgu Norman. Selain itu, kaedah temu bual juga dijalankan dengan memberi fokus kepada soalan temu bual yang tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu di bilik darjah.

Pada masa data dalam kajian ini dikutip, penyelidik telah berusaha sedaya upaya untuk menjadi sebahagian daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu tingkatan empat bagi kelas-kelas yang berkenaan. Pemupukan jalinan hubungan baik perlu diwujudkan supaya dapat menjalinkan kemesraan dengan murid di samping guru-guru lain di sekolah ini. Selain itu, pengalaman penyelidik yang pernah bertugas di sekolah ini pada suatu masa membolehkannya menyesuaikan diri dengan mudah dengan sekolah kajian ini.

Semakin lama penyelidik berada di sekolah, khasnya kelas-kelas yang terpilih, semakin banyak perasaan terancam dalam kalangan guru dapat dikikiskan (Jorgensen, 1989). Lantaran itu, pengalaman berkhidmat di sekolah kajian, berinteraksi dengan guru-guru, berbual dengan pelajar, dapat menjadikan data dikutip dan dikumpul dengan mudah. Sebelum kajian ini dijalankan, penyelidik berada di sekolah ini semenjak bulan Mac dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sekolah seperti menjadi guru pengiring dalam pertandingan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) dan guru pengganti (*relief*) sewaktu ketiadaan guru. Misalnya

sewaktu ketiadaan cikgu Norman (Tingkatan 4A3), penyelidik menawarkan diri secara sukarela untuk menggantikan beliau di kelas tersebut. Selain dapat berkenalan dengan lebih rapat dengan pelajar-pelajar di kelas tersebut, penyelidik dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan peserta kajian.

Dalam kajian kualitatif, kebenaran dan penerimaan orang-orang yang berada ditempat kajian adalah mustahak bagi melicinkan pelaksanaan pengumpulan data (Bogdan & Biklen,1982 dan Jorgensen, 1989). Oleh yang demikian, kehadiran penyelidik ke sekolah kajian bukanlah sebagai penyelidik semata-mata bahkan sebilangan besar kakitangan sekolah dapat menerimanya dengan baik.

### 3.17 Pengutipan dan penganalisan data

Tidak ada satu teknik analisis data yang ditetapkan dalam kajian kualitatif (Patton, 1990) dan analisis data bergantung kepada kemampuan pengkaji sendiri. Dalam kajian ini, proses menganalisis data dijalankan sewaktu pengutipan data dengan membuat catatan ringkas tentang aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian seperti catatan penyelidik, catatan pemerhatian (Lampiran A). Selain itu, catatan memo dan refleksi juga dibuat untuk merekodkan aktiviti yang berlaku dalam pengajaran peserta kajian semasa pemerhatian dijalankan dengan melakukan interpretasi secara holistik tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.18 Analisis pengutipan data

Pengutipan data pada peringkat yang kedua, sebanyak 17 pemerhatian dibuat ke atas pengajaran cikgu Misha (sembilan pemerhatian) dan cikgu Norman (lapan pemerhatian) dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Pemerhatian ke atas kedua-dua peserta kajian memakan masa selama 80 minit. Pengutipan data dijalankan secara diselang-selikan di antara dua orang peserta kajian yang telah dipilih sebagai fokus untuk menjalankan pemerhatian ke atas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Pemerhatian dijalankan pada setiap dua minggu dengan mengambil kira hanya masa pengajaran bacaan dan kefahaman sahaja yang diperhatikan.

Justeru, dalam kajian ini merancang untuk membuat jadual pemerhatian bersama-sama peserta kajian disusun supaya pemerhatian dapat dijalankan atas persetujuan kedua-dua belah pihak di antara penyelidik dengan peserta kajian. Walau bagaimanapun, penyelidik sedar bahawa dalam kajian seperti ini, perancangan yang dibuat, kadang-kadang terpaksa dibatalkan kerana peserta kajian tidak bersedia untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Oleh kerana itu, pemerhatian yang telah dijadualkan terpaksa dibatalkan. Hal ini pernah berlaku kepada peserta kajian yang kedua iaitu, cikgu Norman yang tidak dapat dikutip data kerana beliau berurusan di luar sekolah kerana menjadi pengacara sukan dalam Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah Sabak Bernam.

Selain itu, pada peringkat semasa pengajaran berlangsung di bilik darjah, penyelidik membuat pemerhatian kepada aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh

peserta kajian bagi melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pengutipan data untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, teknik temu bual telah digunakan. Bagi setiap masalah yang telah dijelaskan oleh peserta kajian, mereka juga ditemu bual untuk mendapatkan gambaran bagaimana pula mereka berusaha atau memberi cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Proses pengutipan data yang seterusnya ialah membuat analisis ke atas beberapa dokumen seperti buku rancangan mengajar guru, buku latihan pelajar, lembaran kerja guru, minit mesyuarat panitia Bahasa Melayu dan beberapa dokumen yang berkaitan dengan kemahiran berfikir. Dokumen-dokumen tersebut dianalisis sebagai bukti di samping untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan dokumen-dokumen tersebut terhadap pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Setelah data yang dikutip sama ada melalui pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan guru, rakaman temu bual, catatan lapangan penyelidik, ringkasan catatan penyelidik, penyelidik akan meneliti semula catatan ringkasannya (membuat ringkasan) sebagai proses untuk memahami butir-butir yang dicatat supaya data yang dikumpul dapat dianalisis dan dilaporkan dengan tepat dan betul mengenai pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.



### 3.18.1 Membuat ringkasan

Membuat ringkasan merupakan satu aktiviti menulis ringkasan semula supaya data yang dikutip semasa pemerhatian dan temu bual dapat dicatat dengan jelas untuk menggambarkan tentang pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Contohnya, selepas pemerhatian atau temu bual dijalankan, beberapa konsep,idea atau soalan-soalan yang perlu dimasukkan sebagai data dapat dicatat semula supaya proses melaporkan kajian dapat dilakukan dengan baik. Selain membuat ringkasan, catatan refleksi dicatat untuk merekodkan aktiviti yang telah dijalankan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.19 Analisis selepas pengutipan data

Semua data yang telah dikutip dan dicatat sebagai catatan lapangan adalah merupakan sumber pertama supaya data dapat dianalisis dengan mudah. Catatan tersebut adalah catatan yang telah dijalankan pada masa pemerhatian di bilik darjah sewaktu proses pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu dijalankan, terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dicatat misalnya percakapan dan pergerakan guru yang pantas dan oleh kerana itu, menonton kembali rakaman yang telah dibuat supaya maklumat penting yang tidak dapat dicatat diperolehi kembali menerusi rakaman video tersebut.

Data yang diperolehi sama ada melalui teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen perlu dijalankan penyaringan terlebih dahulu sebelum data tersebut dapat

dijadikan data yang sah kerana tidak semua data yang dikutip dan dikumpulkan boleh dijadikan bukti untuk melaporkan hasil dapatan kajian tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Penyaringan data penting supaya kesemua data yang diperlukan itu adalah data yang ada hubungkaitnya dengan kajian ini supaya mudah untuk diproses pada masa penganalisisans data dijalankan nanti.

### 3.19.1 Penyaringan data

Dalam sesebuah kajian, data-data yang diperoleh melalui kaedah pengutipan data terlalu banyak dan oleh itu adalah mustahil kesemua data yang dikutip itu adalah data yang penting. Oleh itu, proses penyaringan data diperlukan supaya data yang dikumpul itu dapat dijadikan bukti yang betul pada masa melaporkan hasil kajian ini nanti. Misalnya, sewaktu kajian lapangan, penentuan sekolah kajian dan pemilihan peserta kajian perlu dijalankan penyaringan supaya pemilihan tersebut menepati kriteria yang diperlukan dan sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian yang akan dijalankan nanti. Hasil dapatan penyaringan, sebuah sekolah menengah yang telah dikenal pasti ciri-cirinya dipilih dan dua orang guru yang mahir dan tahu untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dipilih sebagai peserta kajian berdasarkan kriteria yang telah dibincangkan dalam pemilihan peserta kajian sebelum ini. Setelah itu, pola pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian di kelas tingkatan empat telah diklasifikasikan seperti berikut:

- (a) Sebelum pengajaran pemahaman bacaan.
- (b) Pada masa pengajaran iaitu, bermula pengajaran sehinggalah tamat sesebuah pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (c) Selepas pengajaran pemahaman bacaan.

### 3.19.2 Pembentangan data

Pembentangan sesuatu data dalam kajian adalah penting dan oleh itu dalam kajian ini satu set jadual pengajaran peserta kajian dibentuk supaya pembentangan data dapat bentangkan selepas data selesai dikutip. Dalam jadual tersebut peserta kajian, kelas, masa, tajuk pengajaran dicatat supaya mudah untuk membentangkan data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Contohnya, data yang dikutip pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan bagi peserta kajian 1 dan 2, temu bual dan bukti dokumen akan dicatat, diedit dan dimasukkan dalam kad indeks mengikut kategori peringkat pengajaran seperti sebelum, semasa dan selepas sesuatu pengajaran pemahaman bacaan yang telah dijalankan di kelas tingkatan empat.

### 3.19.3 Membuat kesimpulan

Dalam kajian ini, beberapa pola dan tema dibuat supaya memudahkan untuk membuat kesimpulan. Misalnya dalam pengajaran peserta kajian 1 (cikgu Misha), pengembangan sesuatu kemahiran berfikir dalam pengajaran, membuat kesimpulan bagi setiap pemerhatian dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti lembaran

grafik, soalan dan penyoalan akan dijadikan tema pada masa menghurai dan melaporkan dapatan kajian ini dalam bab lima nanti.

#### 3.19.4 Membuat triangulasi

Tujuan triangulasi dibentuk dalam sesuatu kajian adalah untuk memastikan yang data-data yang dikutip itu sah sama ada secara dalaman atau luaran. Sebagai contoh, dalam kajian ini data yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian akan dibuat perbandingan dari aspek pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan bahasa Melayu di antara kedua-dua peserta kajian iaitu cikgu Misha dengan cikgu Norman. Dalam hal ini, bagi setiap kemahiran berfikir yang telah dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan dibuat perbandingan dengan melaporkan bagaimanakah kedua-dua peserta kajian telah mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Selain itu, perbandingan data bagi teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen dibuat perbandingan supaya data yang diperolehi dapat dihuraikan untuk mendapatkan kesahan dan kesahihan. Contohnya data yang diperolehi berdasarkan teknik pemerhatian akan dibandingkan dengan teknik temu bual bagi sesuatu aspek yang dikaji supaya kesahan jelas dibuktikan dari aspek pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Sebagai contoh, pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan peserta kajian 1 (cikgu Misha), beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan, manakala dalam kaedah temu bual beliau menjelaskan bagaimanakah beliau memilih dan menggunakan bahan bacaan untuk mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dalam pengajarannya.

Oleh itu, berdasarkan analisis dengan membuat triangulasi, dapatan kajian ini dapat menerangkan dengan jelas bagaimana kemahiran berfikir mencirikan dapat dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 3.20 Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan boleh difahami dengan jelas oleh peserta kajian sebelum kajian lapangan dijalankan. Dalam kajian ini, kajian rintis yang dijalankan untuk mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Menurut Ahmad Mahzan (1983) tujuan kajian rintis diadakan ialah untuk menentukan bahawa soalan yang diberikan kepada responden sesuai dan difahami oleh mereka. Abu Bakar (1986) menegaskan kepentingan sesuatu ujian atau alat penilaian mencerminkan keupayaannya dan oleh yang demikian, ujian yang berkenaan mempunyai kebolehpercayaan. Amin (1990) berpendapat, ujian rintis diadakan supaya:

- (a) Bahasa dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik boleh difahami oleh responden.
- (b) Penyataan yang diajukan dalam soal selidik menepati dan sesuai dengan pengalaman responden.
- (c) Soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik ketika temu bual boleh menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh penyelidik.

Oleh itu, sebelum kajian sebenar dijalankan kajian rintis dilaksanakan di sebuah sekolah supaya dapat membantu penyelidik bagi memperoleh data yang diperlukan serta mengelak berlakunya salah faham apabila kajian yang sebenar dijalankan nanti. Bagi maksud tersebut, dua orang guru Bahasa Melayu telah diperhatikan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah di samping menjalankan sesi temu bual bersama-sama dengan mereka. Sebelum kajian rintis, perbincangan awal dengan guru yang terlibat mengenai kajian rintis dan memaklumkan yang mereka tidak terlibat dalam kajian yang sebenarnya nanti.

Dapatan kajian rintis diharapkan dapat memberi gambaran umum tentang bagaimanakah pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan telah berlaku. Maklumat awal yang diperoleh boleh membantu penyelidik supaya dapat memperbaiki kelemahan dan pembetulan apabila kajian sebenarnya dijalankan nanti. Sebarang komen dan pandangan yang dikemukakan oleh guru terlibat dan beberapa orang guru lain diambil kira sebagai maklumat yang berguna ke arah penambahbaikan kajian ini agar sempurna, lengkap dan mencapai objektif kajian iaitu, untuk:

- (a) memahami dengan menghuraikan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di tingkatan empat.
- (b) memahami dengan menyiasat apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan di tingkatan empat.

### 3.21 Kesimpulan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pemerhatian, temu bual dan membuat analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di tingkatan empat. Melalui teknik pemerhatian, rakaman video digunakan untuk merakamkan bagaimanakan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Menerusi teknik temu bual, penyelidik dapat menghuraikan apakah yang dilakukan oleh peserta kajian sebelum dan selepas mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Melalui temu bual juga, penyelidik dapat mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Manakala teknik menganalisis dokumen digunakan untuk menyiasat adakah dokumen yang digunakan oleh peserta kajian sesuai dan sejajar dengan kemahiran berfikir.

Data yang diperoleh melalui teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen yang digunakan oleh peserta kajian dapat memberikan gambaran secara holistik tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah.

## BAB IV

### ANALISIS DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Teknik pemerhatian telah digunakan untuk menyiasat bagi memahami dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Setiap kemahiran berfikir yang dikembang dicatat, dianalisis dan dijelaskan bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam langkah-langkah pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian bagi melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Teknik temu bual telah digunakan untuk mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dan bagaimana pula mereka mengatasi masalah tersebut.

Aspek utama yang difokus dalam kajian ini ialah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Pengutipan data dilakukan dengan menggunakan teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen seperti buku rancangan mengajar, buku latihan murid, minit



mesyuarat panitia Bahasa Melayu dan dokumen lain yang berkaitan dengan kemahiran berfikir.

Selain itu, lima orang guru Bahasa Melayu, seorang pegawai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan empat orang pelajar tingkatan empat dilibatkan sebagai informan untuk memperoleh maklumat tentang bagaimanakah pengembangan kemahiran berfikir telah berlaku dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Data yang diperoleh melalui teknik pemerhatian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Klip video rakaman pengajaran menunjukkan terdapat pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Dapatan kajian mendapati masalah-masalah seperti tidak ada bahan bantu mengajar, beban tugas guru dan pengetahuan tentang pelaksanaan kemahiran berfikir yang terhad menjadi penyebab mengapa kemahiran berfikir tidak dapat dikembangkan dengan berkesan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Maklumat yang diperoleh mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dilaporkan berdasarkan tiga peringkat pengajaran pemahaman bacaan iaitu pada masa sebelum, semasa dan selepas pengajaran pemahaman bacaan dijalankan. Bab ini juga turut membincangkan aspek persediaan peserta kajian sebelum pengajaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

## 4.2 Persediaan sebelum pengajaran pemahaman bacaan

Bagi menjawab soalan kajian yang pertama iaitu, apakah persediaan peserta kajian sebelum menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, maka dapatan kajian mendapati, peserta kajian telah:

- (a) Membuat persediaan sebelum menjalankan pengajaran seperti menulis persediaan mengajar harian dalam buku rekod mengajar.
- (b) Menyediakan bahan bantu mengajar
- (c) Memilih bahan bacaan yang hendak digunakan dalam pengajaran.
- (d) Merancang aktiviti yang hendak dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Sebelum sesuatu pengajaran pemahaman bacaan dijalankan di kelas tingkatan empat, lazimnya peserta kajian akan membuat persediaan sebelum mengajar dengan menulis butir-butir pengajaran harian seperti tarikh, masa pengajaran, kelas yang diajar, mata pelajaran, tajuk pengajaran, objektif yang hendak dicapai, aktiviti yang dijalankan dan juga refleksi dalam buku rekod mengajar.

Menurut peserta kajian 1 (cikgu Misha), ...persediaan mengajar merupakan dokumen yang penting atau perancangan awal sebelum seseorang guru menjalankan pengajaran di bilik darjah. Tanpa menyediakan buku rekod mengajar, guru dianggap bersalah dan tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh KPM. Dasar KPM iaitu, seseorang guru yang tidak menyediakan buku rekod mengajar boleh dikenakan

penalti sebanyak RM500.00. Perkara 4, pekeliling Ikhtisas bilangan 3/1999 menjelaskan:

Rekod Pengajaran dan Pembelajaran boleh disediakan dalam apa juga bentuk yang munasabah dan sesuai dengan teknologi semasa. Buku rekod mengajar hendaklah diurus dengan sempurna dan dapat dikemukakan dengan serta merta apabila dikehendaki oleh pihak yang diberi kuasa. Sekiranya seseorang guru tidak dapat menunjukkan buku rekod mengajar kepada jemaah nazir semasa lawatan ke bilik darjah, seseorang guru boleh dikenakan tindakan penalti sebanyak RM500.00.

(Perkara 4 Pekeliling Ikhtisas Bil, 3/1999)

Berikut ialah contoh buku rekod mengajar peserta kajian 1 (cikgu Misha):

Bahasa Melayu: Tingkatan 4A3 Masa: 740–9:00 pagi  
Bacaan dan Kefahaman  
Cerpen Kerana Manisnya Epal.  
Antalogi Anak Laut, 2000. hlm.78-87

Objektif : Pada akhir pelajaran, murid dapat menjawab empat daripada lima soalan kefahaman dengan betul.

Aktiviti : (1) Membaca senyap dan bacaan kuat.  
(2) Mencari makna perkataan sukar  
(3) Menjawab soalan pemahaman  
(4) Gerak kerja kumpulan  
(5) Perbincangan dan soal jawab.

Refleksi: 90% (36) murid dapat menjawab empat soalan pemahaman dengan betul.

(buku rekod mengajar cikgu Misha – 22.9.2004)

Buku rekod mengajar merupakan dokumen yang penting bagi guru dan boleh ditunjukkan sebagai bukti seseorang guru itu telah bersedia sebelum pengajaran dapat

dilaksanakan di dalam bilik darjah. Selain sukatan pelajaran, rancangan pelajaran harian, jadual waktu, rekod markah murid dan contoh soalan peperiksaan perlu ditulis dan dimasukkan dalam buku rekod mengajar. Dalam hal ini, guru cemerlang bahasa Melayu menyatakan:

Dalam buku rekod, kita akan menulis objektif dan aktiviti yang akan dijalankan. Kita nyatakan misalnya perbincangan guru dengan murid tentang pencemaran alam, maka bahan bacaan perlu ditulis dan dalam perbincangan tersebut, ada soal jawab yang akan mencungkil pendapat kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

(CLHA – 18.8.2004 di SBPI)

Dalam sesebuah pengajaran pemahaman bacaan, pemilihan bahan bacaan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian oleh semua guru. Sebagai contoh, jika seseorang guru hendak menjalankan pengajaran pemahaman bacaan tentang pencemaran alam sekitar maka langkah pertama yang mesti dilakukan ialah memikirkan apakah bahan bacaan yang sesuai untuk dijadikan petikan dalam pengajaran tersebut. Kemudian guru hendaklah memikirkan apakah aktiviti yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Selanjutnya guru hendaklah menyediakan aktiviti selepas pengajaran untuk mengukuhkan pemahaman pelajar tentang kemahiran berfikir yang telah mereka pelajari. Kesemua perkara tersebut perlu difikirkan oleh guru sebelum mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Bahan bacaan boleh dipetik daripada pelbagai sumber seperti keratan akhbar, portal pendidikan, buku rujukan, risalah atau petikan rencana, majalah dan sebagainya.

Cikgu Norman menjelaskan:

Bahan bacaan mesti disediakan sebelum pengajaran pemahaman bacaan. Pemilihan bahan bacaan yang sesuai sebagai petikan akan menjadikan pengajaran pemahaman bacaan menarik. Menyediakan bahan bacaan yang sesuai selalunya dirancang supaya proses pengajaran pemahaman bacaan berjalan lancar.

(CLHA- 30.9.2004)

Bahan bacaan dalam pengajaran pemahaman bacaan penting kerana tanpa bahan bacaan, pengajaran pemahaman bacaan tidak boleh dilaksanakan. Oleh kerana itu sebelum pengajaran, guru perlu menyediakan bahan bacaan sebagai rangsangan untuk mewujudkan pemahaman dalam kalangan murid. Di samping itu, guru-guru hendaklah menyediakan soalan kefahaman supaya pengajaran pemahaman bacaan dapat dijalankan dengan berkesan. Peserta kajian 1 menyatakan:

Sebelum memulakan pengajaran, saya merancang dahulu bahan bacaan apa yang sesuai dengan tajuk pelajaran. Contohnya untuk mengajar tentang pencemaran alam, maka bahan yang ada kaitannya dengan pencemaran sesuai digunakan. Misalnya saya gunakan radio, kaset lagu Hijau dan diikuti dengan soalan kefahaman.

(CLHA – 12.8.2004)

Dapatan kajian juga mendapati, peserta kajian telah membuat persediaan seperti menyediakan bahan bacaan sebelum pengajaran pemahaman bacaan dijalankan

di bilik darjah. Memang menjadi amalan seseorang guru, merancang pengajaran sebelum mengajar menjadi tugas pertama mereka supaya pengajaran dapat berjalan dengan lancar. Dalam hal ini, peserta kajian perlu sensitif untuk mengenal pasti bahan bacaan yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pengajaran mereka tidak membosankan. Peserta kajian 1 (cikgu Misha) memberitahu:

Sebelum mengajar pemahaman bacaan, persediaan perlu dibuat. Misalnya, katakan saya hendak mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dalam pengajaran, maka saya mesti memilih bahan bacaan, umpamanya petikan daripada antalogi Anak Laut. Selepas itu saya merancang bagaimana hendak menjelaskan ciri-ciri sajak Anak Laut, termasuklah menyoal soalan yang ada hubungan dengan kemahiran berfikir, seperti apakah hubungan anak laut dengan usianya yang semakin uzur. Kemudian saya menyediakan pula bahan bantu mengajar, seperti petikan cerita nelayan tua, menulis balik bait-bait sajak dalam kertas mahjong, supaya pelajar berminat. Dalam hal ini, pelajar tidak akan berasa bosan kerana cikgu asyik bercakap saja.

( CLHA – 12.8.2004 )

Penyelidik melanjutkan perbualan dengan peserta kajian 1 untuk mendapat penjelasan lebih mendalam tentang pemilihan bahan bacaan sebelum mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Penyelidik: Tadi cikgu ada mengatakan bahan bacaan dipilih daripada antalogi Anak Laut, mengapa antalogi itu dipilih. Cikgu Misha: Sajak Anak Laut dalam antalogi tersebut adalah bahan bacaan komsas dan semua murid ada antalogi tersebut, dan sudah ada yang membaca puisi tu pun. Saya gunakan sajak ini untuk

mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dengan menjelaskan ciri-ciri anak laut. Penyelidik: Apakah panduan cikgu supaya maksud kemahiran berfikir mencirikan nampak jelas kepada pelajar. Cikgu Misha: Dengan menggunakan buku panduan PPK, saya merujuk maksud tersebut sekiranya saya terlupa bagi sesuatu komponen kemahiran berfikir, jelas cikgu Misha.

Penjelasan tersebut, menunjukkan cikgu Misha telah bersedia sebelum mengajar pemahaman bacaan dengan merancang untuk memilih bahan bacaan, dan menerangkan bagaimana beliau membuat pemilihan bahan bacaan tersebut dan bagaimana pula beliau menggunakan bahan bacaan tersebut dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Menurut Phillips (1992), berdasarkan Model Peningkatan Asuhan Daya Intelek (PADI), beliau menyarankan sebelum memulakan sesuatu pengajaran, guru dikehendaki menyediakan perancangan dan persediaan terlebih dahulu. Model tersebut yang mempunyai tiga dimensi dan diantaranya ialah dimensi guru. Dalam dimensi guru, perancangan dan persediaan adalah aspek yang penting sekiranya guru hendak menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Selain itu, bahan bacaan, pengetahuan kemahiran berfikir juga penting dan perlu dikuasai oleh guru sebelum mereka menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran di sekolah bukanlah suatu perkara yang mudah kerana guru perlu memiliki ilmu pengetahuan kemahiran mengajar, kandungan mata pelajaran yang hendak diajar dan sikap yang sesuai untuk mengendalikan proses pengajaran pembelajaran supaya ia lebih berkesan (Rajendran 2001: hlm.4). Oleh itu dalam kajian ini, peserta kajian perlu

menguasai kaedah pengajaran yang hendak diajar, dan tahu tentang kemahiran berfikir sekiranya hendak menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Peserta kajian juga perlu sedar bahawa untuk menjadikan seseorang pelajar intelek, maka corak pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan mereka berfikir perlu direalisasikan. Cikgu Misha menjelaskan:

Sebelum mengajar pemahaman bacaan, terlebih dahulu saya berfikir apakah komponen kemahiran berfikir yang boleh dikembangkan melalui petikan. Berdasarkan petikan, saya akan mengembangkan beberapa komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

(CLHA – 12.8.2004)


Dapatan kajian mendapati peserta kajian telah membuat perancangan dengan membuat pemilihan kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pelaksanaannya dapat dikembangkan dengan baik. Sejarar dengan soalan kajian 1: Apakah yang dilakukan oleh peserta kajian sebelum pengajaran pemahaman bacaan? Sebelum pengajaran pemahaman bacaan, cikgu Misha telah membuat perancangan dengan membuat pemilihan bahan bacaan yang sesuai sebelum pengajaran pemahaman bacaan. Menurut beliau, pemilihan petikan perlu disesuaikan dengan kemahiran berfikir yang akan dikembangkan supaya pengembangannya dapat dijalankan dengan berkesan.

Pada masa penyelidikan memerhati pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang kelapan (Pm viii), beliau telah merancang untuk mengembangkan kemahiran




berfikir menghubungkan kait dalam pengajaran pemahaman bacaan. Beliau telah membuat lakaran seperti berikut:

Rajah 7  
Kemahiran berfikir menghubungkan kait



Pada masa pengajaran tersebut, peserta kajian 1 telah mengaitkan pencemaran sungai dengan slogan Cintailah Sungai Kita. Beliau membuat gambaran tentang pencemaran sungai yang semakin hari semakin serius. Bagi memahami perkaitan tersebut, beliau melakar perkaitan pencemaran sungai dengan banjir seperti berikut:

Rajah 8  
pohon fikiran kemahiran berfikir menghubungkan kait



Bagi menerangkan perkaitan tersebut, cikgu Misha menjelaskan, Saya melakar pohon fikiran bagi menunjukkan rantaian perkaitan bermula dengan pembuangan

sampah ke dalam sungai hinggalah berlaku banjir dan berdasarkan lakaran itu, saya menjelaskan kemahiran berfikir menghubungkan kait untuk menerangkan perkaitannya.

Pemilihan bahan bacaan seperti memilih petikan bacaan daripada bacaan komsas sedikit banyak membantu peserta kajian untuk merancang dan menyediakan bahan bacaan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Dalam hal ini, cikgu Misha menerangkan:

Bahan bacaan teks komsas menjadi bacaan wajib dan mudah kerana semua pelajar ada teks tersebut. Merancang untuk menyediakan bahan bacaan menjadi masalah, kena cari yang sesuai, kemudian fotostat, rancang soalan, banyak yang perlu dilakukan.

(CLHA – 13.7.2004)

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang ketujuh (pm vii ), beliau telah memilih bahan bacaan bertajuk Kepentingan Teknologi Maklumat yang dipetik daripada portal pendidikan. Pada masa pengajaran beliau kali ini, cikgu Misha membawa komputer riba ke bilik tayang dan memuat turun bahan tersebut melalui laman web sekolah.

Selain bahan bacaan, pengetahuan kemahiran berfikir penting dan perlu dikuasai oleh peserta kajian sebelum mereka mengembangkannya dalam pengajaran. Cikgu Adri (Ketua Panitia BM, bukan nama sebenar) menjelaskan, seseorang guru perlu berpengetahuan tentang kemahiran berfikir dan memiliki kemahiran pedagogi yang tinggi semasa menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Menurut beliau:

Pengetahuan kemahiran berfikir penting jika hendak mengembangkannya dalam pengajaran. Semua guru sudah berpengetahuan kemahiran berfikir semasa di universiti atau di maktab dahulu. Mereka juga telah pun didedahkan dalam *in-house training* di sekolah.

(CLHA – 3.11.2004)

Pelaksanaan kemahiran berfikir bukanlah masalah besar kepada peserta kajian sekiranya mahu menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Encik Shamsudin (bukan nama sebenar) dari Jabatan Pelajaran Negeri Selangor menyatakan, ...guru boleh mendapatkan maklumat tentang kemahiran berfikir daripada buku, media cetak dan sebagainya dan maklumat mudah didapati dan tidak menjadi masalah kepada mereka. Cikgu Misha menjelaskan:

Saya tahu kemahiran berfikir melalui pembacaan. Kalau tentang kemahiran berfikir saya peroleh sewaktu berkursus, di Universiti dahulu. Pengetahuan dan pemahaman memang sudah ada, dan masa mengajar pemahaman bacaan, kemahiran berfikir bukanlah masalah besar untuk dikembangkan.

( CLHA- 29.7.2004 )

Nazira (pelajar tingkatan 4A3) menjelaskan:

Sebelum pengajaran pemahaman bacaan, cikgu menyuruh kami pergi ke bilik tayangan. Cikgu tayang klip video, cerita pertarungan Hang Tuah dengan Hang Jebat, kami berasa seronok dan fokus kepada kerana cerita tersebut. Lagi pun cerita itu ada dalam buku komsas. Kami berminat menonton klip video, kalau baca buku, bosan, susah nak faham, masa peperiksaan boleh ingat cerita seperti dalam klip video tersebut.

(CLHA- 8.10.2004)

Persediaan memilih bahan bacaan yang sesuai oleh peserta kajian dalam kajian ini dilakukan supaya pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan boleh dijalankan dengan lancar. Beliau telah memilih bahan bacaan petikan berjudul Pertarungan Jebat dan Hang Tuah daripada bahan bacaan Komsas. Kemudian, peserta kajian memilih bahan klip video yang menceritakan pertarungan dua hulubalang pada zaman kegemilangan Kesultanan Melaka. Kami seronok dapat menonton klip video tersebut, jelas Azreen. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah membuat persediaan sebelum mengajar pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dapatan kajian berdasarkan pemerhatian pengajaran di bilik darjah, mendapati peserta kajian telah menggunakan bahan bacaan seperti antalogi Anak Laut. Antalogi Anak Laut ialah bacaan wajib Komsas bagi pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah. Soal kesukaran untuk mendapatkan bahan bacaan untuk digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah disangkal oleh pegawai pelajaran Jabatan Pelajaran Selangor dengan menjelaskan:

Pertama sekali guru tidak mahu berusaha lebih sedikit untuk bersedia menyediakan bahan bacaan dan mencari dimana letaknya frasa-frasa yang berkaitan kemahiran berfikir. Guru tidak mahu bersusah sikit untuk mencari soalan dan mengelaskan mengikut aras pengkelasan soalan, asal terlintas difikiran, ikut saja.

(CLHA – 8.10.2004-JPNS)

Selain itu, aspek pemilihan bahan bacaan, peserta kajian perlu memikirkan kriteria lain seperti kesesuaian bahan bacaan dengan aras pengetahuan pelajar. Oleh itu, guru hendaklah menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap pengetahuan pelajar sebelum pengajaran pemahaman bacaan dijalankan di bilik darjah. Adakah bahan bacaan yang dipilih itu sesuai dan menepati kehendak objektif yang akan dicapai? Atau adakah strategi pengajaran yang akan dilaksanakan itu berkesan? Sebagai contoh, peserta kajian 1, mengajar pemahaman bacaan tentang Pencemaran Alam, dan beliau telah menyediakan bahan bacaan yang berkait rapat dengan tajuk tersebut.

Di samping itu, mereka juga perlu memikirkan apakah komponen kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan dan bagaimana pula untuk mengembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat? Oleh yang demikian, perancangan sebelum sesuatu pengajaran penting supaya pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

#### 4.3 Pengembangan kemahiran berfikir semasa pengajaran pemahaman bacaan.

Soalan kajian yang kedua dalam kajian ini iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat? Untuk menjawab soalan ini, teknik pemerhatian telah digunakan untuk mendapatkan maklumat bagaimana kemahiran berfikir dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Semasa pengajaran dirujuk sebagai pada masa pengajaran pemahaman bacaan kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir.

Pada masa data kajian ini dikutip, beberapa kali pemerhatian telah dijalankan ke atas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat, peserta kajian telah menggunakan beberapa bilik khas seperti pusat sumber sekolah, bilik simulasi, makmal komputer dan perpustakaan sebagai tempat untuk mengajar pemahaman bacaan. PSS digunakan dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana banyak bahan mengajar terdapat di situ seperti carta, kad bergambar, keratan surat khabar dan sebagainya. Peralatan seperti portal pendidikan, tv pendidikan, internet, radio, carta, lembaran grafik, komputer, *overhead projector* dan sebagainya dapat membantu guru untuk mencapai objektif bagi sesebuah pengajaran.

Pada setiap kali pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan dilakukan, peserta kajian telah menjalankan set induksi sebagai rangsangan kepada pelajar untuk memulakan sesebuah pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Dalam hal ini, peserta kajian telah memilih petikan bacaan yang hendak digunakan, memilih komponen kemahiran yang hendak dikembangkan, menyediakan soalan dan penyoalan, dan menyediakan lembaran grafik yang hendak digunakan dalam

pengajaran pemahaman bacaan. Rasional set induksi digunakan dalam langkah permulaan sesebuah pengajaran ialah supaya murid lebih bersedia dengan tajuk yang akan dipelajari. Terdapat beberapa kaedah seperti menggunakan portal pendidikan, pita rakaman, gambar, petikan akhbar, rencana, dan klip video untuk menarik perhatian murid. Sebagai contoh, pada masa pengajaran pemahaman bacaan yang telah dijalankan oleh cikgu Norman di bilik tayangan, beliau telah menggunakan klip video bertajuk Pertarungan Tuah dan Jebat sebagai set induksi. Menurut cikgu Norman:

saya memilih klip video ini sebagai merangsang pemikiran pelajar supaya mereka menumpukan perhatian kepada pengajaran saya. Lebih kurang lima minit, saya bertanya soalan kepada mereka tentang pertarungan tersebut. Ramai yang boleh menceritakan kembali peristiwa itu kerana mereka sudah pernah menonton cerita itu. Lagipun bahan bacaan tentang cerita itu ada dalam antalogi Anak Laut dan saya gunakan sebagai bahan bacaan dalam pengajaran pemahaman.

( CLHA – 5.8.2004 )

Berbalik kepada penyoalan dalam pengajaran guru, soalan dan penyoalan bertujuan untuk mencungkil pemikiran daripada pelajar supaya mereka dapat berbincang dalam pengajaran pemahaman bacaan. Dalam hal ini, cikgu Norman menjelaskan:

Jika kita hendak tahu sama ada murid membaca atau tidak di rumah, kita soal beberapa soalan tentang tajuk yang hendak diajar. Sekiranya mereka tidak baca atau bersedia, kita dapat tahu. Jadi sebelum mengajar, kita dapat membawa mereka kepada tajuk yang hendak diajar.

(CLHA – 5.8.2004)

Sebagai contoh, cikgu Norman bertanya, Siapakah watak dalam cerita ini? Hang Tuah dengan Hang Jebat, cikgu. Farhah, mengapakah mereka bertikam sesama sendiri? Hang Jebat ingin menuntut bela kerana kezaliman raja, cikgu, jelas Farhah. Soalan mudah yang ditanya oleh cikgu Norman menunjukkan pelajar bersedia dengan pengajaran pada hari itu. Dalam hal ini, peserta kajian telah membuat persediaan bukan sahaja bahan bacaan yang dipilih malah meliputi soalan yang hendak ditanya dalam pengajaran di bilik darjah.

Sewaktu pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan Cikgu Misha yang ketujuh, beliau telah menyuruh murid membaca petikan terlebih dahulu. Apabila kelas bermula, cikgu bertanya Apakah tema petikan ini? Apakah isi pokok persoalan petikan ini? Menurut Cikgu Misha, sebelum memulakan pengajaran, soalan diajukan bertujuan untuk melihat kemampuan murid berfikir tentang tajuk yang hendak dipelajari. Contohnya dalam pengajaran pemahaman bertajuk Annys Sophillea iaitu, kewujudan sebuah planet Alstonia seperti yang digambarkan oleh pengarang. Cikgu Misha bertanyakan soalan berbentuk teks implisit (penilaian dan penghayatan) seperti, Adakah planet Alstonia wujud dan bagaimanakah watak manusia seperti Akmal boleh sampai ke planet tersebut? Pada masa itu, kelihatan sebahagian pelajar dalam kelas tingkatan 4 sains 1 menundukkan kepala, takut kalau-kalau soalan yang diajukan itu disuruh pula oleh cikgu Misha. Dapatan kajian, menunjukkan gerak-geri seumpama



ini (tunduk muka apabila guru menyoal semasa pengajaran) memang menjadi amalan biasa, sehingga guru terpaksa memaksa, menyebut nama murid, baharulah mereka mahu menjawab. Saya rasa takut untuk menjawab, takut salah, takut cikgu marah, jawab Azreen. Akhirnya, cikgu Misha menjelaskan:

Planet Astlonia hanyalah imaginasi pengarang dan planet tersebut merupakan planet jangkaan pada masa hadapan. Akmal, watak manusia dalam cerita ini, menggunakan kalung hikmat pemberian Annyss Sophillea dan dengan bantuan haiwan yang bernama eustary (unicorn) mampu terbang dan membawa Akmal ke planet Alstonia. Cuba kamu lihat pada halaman 72, sehari di Alstonia bererti seminggu di Bumi. jelas cikgu Misha.

Set Induksi ialah langkah pengajaran awal guru untuk menentukan hala tuju pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Set Induksi berperanan sebagai pencetus minda bagi membantu guru supaya proses pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan. Dalam kajian ini, set induksi sentiasa menjadi amalan peserta kajian sebelum mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan. Di samping itu, mereka juga menyediakan bahan bantu mengajar supaya pengajaran pemahaman bacaan yang akan dijalankan dapat berlangsung dengan lancar. Dapatan kajian ini juga adalah untuk menjawab soalan kajian iaitu, apakah bahan bantu mengajar yang telah digunakan oleh peserta kajian semasa menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dalam sesuatu pengajaran, biasanya guru akan menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran. Dapatan kajian ini, menunjukkan peserta kajian telah menggunakan bahan bantu mengajar untuk menarik minat pelajar tentang sesuatu tajuk yang akan dipelajari. Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (JNJK) melalui instrumen

pemantauan Standard 4 (SKPM): Pembelajaran dan Pengajaran, perkara 4.7 menyatakan, penggunaan sumber pendidikan bertujuan untuk membantu pengajaran guru supaya dapat disampaikan dengan berkesan.

Oleh itu, pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan Cikgu Misha (pemerhatian i,ii,iii,iv,v,vi &viii), beliau telah menggunakan bahan bantu mengajar (lembaran grafik) supaya pelajar-pelajar dapat memahami isi kandungan pelajaran dengan mudah. Beliau juga menggunakan kertas sebak, portal pendidikan, tv pendidikan. Sebagai contoh pada masa pemerhatian beliau yang kelapan (pm viii), cikgu Misha telah memaparkan rencana berjudul pencemaran sungai yang dipetik daripada laman web portal pendidikan. Beliau telah meminta pelajar-pelajar menjawab soalan kefahaman beraraskan soalan pengetahuan dan pengecaman.

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan sungai tercemar? Murid-murid menjawab, pembuangan sisa pepejal, toksid. Ada juga murid yang menjawab, sikap manusia, cikgu. Bagus, jawapan sebegitu tergolong dalam aras kemahiran berfikir yang tinggi kerana jawapan sikap manusia tidak terdapat dalam petikan sebaliknya kamu kena berusaha dan berfikir secara tinggi. Cikgu Misha menyoal lagi, Mengapakah manusia tidak boleh berfikir sebelum membuang sampah ke sungai? Kamu tahu, banjir berlaku disebabkan oleh sikap manusia yang tidak perihatin dengan tindak-tanduk mereka dan disebabkan tindakan manusia tersebut aliran sungai menjadi tersekat dan berlakulah banjir, jelas cikgu Misha.

Secara amnya, pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan dengan berbantuan bahan bantu mengajar akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran

yang berkesan dan menyeronokkan kerana guru dan murid saling berinteraksi di antara satu sama lain.

Selain itu, peserta kajian 1 (cikgu Misha) menggunakan kaset lagu Ibu dendangan Zainal Abidin. Pada masa pengajaran Cikgu Misha yang kesembilan (pm ix), beliau telah menghasilkan pengajaran pemahaman bacaan yang nampaknya berkesan kerana pelajar-pelajar dapat menghayati bait-bait lagu sambil mereka beryanyi-nyanyi secara perlahan-lahan mengikut senikata lagu. Di samping itu, mereka juga turut menjawab soalan kefahaman tentang nilai-nilai murni yang terdapat dalam lagu tersebut sepertimana yang telah diarah oleh peserta kajian dalam pengajaran tersebut.

Dengar lagu ini baik-baik dan catatkan apakah nilai dan pengajaran yang yang boleh dipetik melalui lagu ini. Kemudian cikgu Misha menayangkan slaid petikan pemahaman bertajuk Budaya Yang Tidak Terbeli. Petikan bacaan ini dipilih kerana isi kandungannya mempunyai kaitan dengan senikata lagu Ibu. Beliau turut menceritakan bagaimana kasihnya seorang anak terhadap ibu yang disayangi.

Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dapat membantu peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dengan berkesan. Sewaktu pemerhatian pengajaran cikgu Norman yang ketiga (pm iii), beliau menggunakan klip video Hang Tuah lakonan Allahyarham Tan Sri P.Ramle. Murid kelihatan seronok menonton klip video tersebut, masing-masing khusyuk menumpukan perhatian. Nazira (pelajar 4A3), menceritakan:

Penyelidik	Apakah bahan yang cikgu gunakan dalam P&P
Nazira	Filem Hang Tuah
Penyelidik	Pernahkah kamu menonton cerita itu?
Nazira	Hang Tuah, pernah. Dah dua tiga kali.
Penyelidik	Seronok, tak?
Nazira	Seronok
Penyelidik	Apa sebab kamu kata menonton filem ni seronok?
Nazira	Mudah faham, Tengok lagi filem tu kita tahu jalan cerita selanjutnya, bila baca cerita tu, rasanya senang faham.
Penyelidik	Bagaimana kalau menjawab soalan kefahaman?
Nazira	Boleh jawab, senang nak ingat.

(CTB – 6.8.2004)

Menggunakan bahan bantu mengajar seperti klip video sememangnya dapat menimbulkan suasana persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan apatah lagi dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir di dalamnya. Hal ini menarik kerana peserta kajian memang mempunyai kemahiran dalam memilih cerita yang ada kaitannya dengan pengalaman yang telah sedia ada dengan pelajar-pelajar.

Selain menyediakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pemahaman bacaan, dapatan kajian menunjukkan peserta kajian yang mengajar pemahaman bacaan telah menjalankan aktiviti seperti membaca senyap dan membaca kuat (bacaan nyaring) sebagai kaedah dalam pengajaran pemahaman bacaan. Menjalankan aktiviti dalam pengajaran pemahaman bacaan ialah untuk menjawab soalan kajian iaitu, apakah aktiviti yang telah dijalankan oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dapatan dalam kajian ini menunjukkan, peserta kajian 1 dan 2 telah menjalankan aktiviti membaca senyap dan bacaan kuat dalam pengajaran pemahaman

bacaan di kelas tingkatan empat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kali peserta kajian 1 (cikgu Misha: 3 kali) , peserta kajian 2 (cikgu Norman: 2 kali) menjalankan aktiviti membaca senyap dan membaca secara kuat dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Menjalankan aktiviti membaca sama ada secara senyap atau membaca kuat ialah aktiviti lazim yang biasanya dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Untuk menjawab soalan dalam kajian ini iaitu, apakah aktiviti yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat?

Kajian mendapati peserta kajian telah menjalankan aktiviti membaca senyap dan membaca kuat. Tujuan membaca senyap dalam pengajaran pemahaman bacaan ialah untuk memahamkan isi kandungan bahan bacaan di samping mencari makna perkataan-perkataan yang sukar. Manakala bacaan kuat diwujudkan supaya pelajar dapat menyebut perkataan dengan sebutan dan intonasi yang betul. Bacaan kuat diberi penekanan pada masa pengajaran pemahaman bacaan kerana sudah menjadi dasar Lembaga Peperiksaan Malaysia, bagi calon-calon SPM dimestikan mengambil Ujian Lisan Bahasa Melayu dan wajib lulus.

Selain itu, perubahan yang berlaku dalam sistem peperiksaan pada masa kini, semua pelajar sekolah menengah atas (tingkatan empat dan lima) perlu mengambil Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). Kelulusan ULBS bergantung kepada sekolah kerana penilaiannya dilaksana dan ditadbirkan oleh sekolah. Walau bagaimanapun, prosedur penskoran masih ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang keempat (pm iv), beliau telah menjalankan aktiviti seperti membaca kuat berdasarkan

petikan bacaan bertajuk Annyss Sophillea daripada antalogi Anak Laut. Lazimnya, Cikgu Misha membaca kuat dahulu kemudian diikuti dengan pelajar-pelajar. Cikgu Misha menjelaskan:

bacaan kuat penting supaya murid tidak berasa bosan. Jadi, apabila pelajar membaca kuat, suaranya dapat didengar oleh rakan-rakan. Di samping melatih pelajar menyebut dengan betul, intonasi yang betul, aktiviti ini juga sebagai latihan untuk menghadapi ujian lisan (ULBS) SPM nanti.

(CLHA – 29.7.2004)

Penjelasan cikgu Misha menunjukkan aktiviti membaca kuat boleh melatih pelajar supaya dapat menyebut perkataan dengan sebutan dan intonasi yang betul. Guru cemerlang Bahasa Melayu menjelaskan:

Mula-mula, guru sendiri akan membaca dengan intonasi dan sebutan yang betul. Tegaskan kepada pelajar untuk menggunakan sebutan baku, sebab kita harus mengekalkan sistem ini. Pelajar secara sukarela akan membaca perenggan demi perenggan. Ketika pelajar membaca, guru akan membetulkan dari segi intonasi, sebutan yang tidak betul.

(CLHA – 18.8.2004 di SBPI)

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang kelima (pm v), beliau telah mendeklamasikan sebuah sajak dengan gaya dan intonasi seorang penyajak. Kemudian beliau menyuruh pula pelajar mendeklamasikan sajak diikuti dengan menjelaskan maksud sajak secara keseluruhannya. Membaca kuat

bukan sahaja dikhaskan untuk petikan semata-mata, malah mendeklamasi sajak, bersyair dan berpidato boleh dilaksanakan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang kedua (pm ii), beliau telah menyuruh membaca kuat perenggan demi perenggan. Nazira menyatakan:

Pelajar membaca kuat secara sukarela. Cikgu menyuruh kami membaca kuat dan kemudian cikgu membetulkan sebutan, jika salah. Cikgu akan membuat teguran pada masa itu juga. Selepas itu kami disuruh menjawab soalan-soalan kefahaman.

(CLHA – 6.8.2004)

Dapatan kajian menunjukkan, peserta kajian telah menjalankan aktiviti membaca senyap dan membaca kuat dalam pengajaran pemahaman bacaan mereka. Bacaan nyaring dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pelajar dapat menyebut perkataan dengan intonasi yang betul, manakala membaca senyap pula lebih kepada memahamkan isi kandungan supaya dapat menjawab soalan-soalan kefahaman.

Berikut dibincangkan pula pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan sebagai jawapan kepada soalan kajian yang kedua iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat?

Data menunjukkan kemahiran berfikir telah dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan oleh kedua-dua peserta kajian. Dapatan kajian menunjukkan taburan komponen kemahiran berfikir yang telah dikembangkan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat berdasarkan pemerhatian.

Jadual 5  
Taburan komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran

Kemahiran berfikir	Pemerhatian								
	i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii	ix
1 Mencirikan		n	mn	n		n	mn		
2 Membanding Beza			m	m					
3 Mengumpul & mengelas			m	m					
4 Membuat urutan									m
5 Menyusun ikut keutamaan				m	n		n	m	m
6 Menganalisis	m6n3	n2		mn	m	m	mn	m	m2
7 Mengesan kecondongan	=====								
8 Menilai						m			
9 Membuat kesimpulan	m	n		n	mn	n	n	n2	
	Pemerhatian								
	i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii	ix
10 Menjana idea	m2			mn			mn		
11 Menghubung kait			m	m2	mn	mn	mn	mn	mn
12 Membuat Inferens							m		
13 Meramal					m	m			
14 Membuat hipotesis	=====								
15 Mensintesis								m	
16 Mengitlak						m			
17 Membuat gambaran mental			mn						
18 Menganalogi	m								
19 Merekacipta					m			m	
	Pemerhatian								
	i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii	ix
Soalan & penyoalan	*mn	*mn	*mn	*mn	*mn	*mn	*mn	*mn	*m
Lembaran grafik	*m	*m	*m	*m	*m	*m	*n	*m	


cikgu Misha (m) Norman (n)



Jadual 5 menunjukkan taburan kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan berdasarkan pemerhatian kedua-dua peserta kajian. Secara keseluruhan, kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Dapatan kajian menunjukkan:

- (a) Peserta kajian 1 (cikgu Misha) telah menjalankan pengajaran sebanyak sembilan kali manakala peserta kajian 2 (cikgu Norman) lapan kali pengajaran. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah mengembangkan sebanyak 17 (89.47%) komponen kemahiran berfikir, dan rumusan adalah seperti berikut:
- (b) Terdapat perbezaan di antara peserta kajian 1 dan peserta kajian 2 dari aspek jumlah pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Carta 1 menunjukkan perbezaan jumlah kemahiran berfikir yang dikembangkan oleh cikgu Misha (m) dengan cikgu Norman (n) dan jumlah kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Carta 1  
Komponen kemahiran berfikir yang dikembangkan



(d) Carta 1 menunjukkan jumlah kemahiran berfikir yang dikembangkan oleh peserta kajian pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan dijalankan:

- (1) kemahiran berfikir mencirikan ( $m=3, n=5$ ),
- (2) kemahiran berfikir membanding & membezakan ( $m=2, n=0$ ),
- (3) kemahiran berfikir mengumpul dan mengelaskan ( $m=2, n=0$ ),
- (4) kemahiran berfikir membuat urutan ( $m=1, n=0$ ),
- (5) kemahiran berfikir menyusun mengikut keutamaan ( $m=3, n=2$ ),
- (6) kemahiran berfikir menganalisis ( $m=13, n=7$ ),
- (7) kemahiran berfikir mengesan kecondongan ( $m=0, n=0$ ),
- (8) kemahiran berfikir menilai ( $m=1, n=0$ ),
- (9) kemahiran berfikir membuat kesimpulan ( $m=1, n=7$ ),
- (10) kemahiran berfikir menjana idea ( $m=4, n=2$ ),
- (11) kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan ( $m=7, n=4$ ),
- (12) kemahiran berfikir membuat inferens ( $m=1, n=0$ ),

- (13) kemahiran berfikir meramalkan ( $m=2,n=0$ ),
  - (14) kemahiran berfikir membuat hipotesis ( $m=0,n=0$ ),
  - (15) kemahiran berfikir mensintesis ( $m=1,n=0$ ),
  - (16) kemahiran berfikir mengitlak ( $m=1,n=0$ ),
  - (17) kemahiran berfikir membuat gambaran mental ( $m=1,n=1$ )
  - (18) kemahiran berfikir menganalogi ( $m=1,n=0$ )
  - (19) kemahiran berfikir mereka cipta ( $m=2,n=0$ )
- (d) Terdapat perbezaan di antara peserta kajian 1 (berpengalaman) dan peserta kajian 2 (kurang berpengalaman) dari segi mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Peserta kajian 2 tidak dapat mengembangkan kemahiran berfikir membanding & membezakan, kemahiran berfikir mengumpul dan mengelaskan), kemahiran berfikir membuat urutan), kemahiran berfikir menilai), kemahiran berfikir membuat inferens), kemahiran berfikir meramalkan), kemahiran berfikir mensintesis), kemahiran berfikir mengitlak), kemahiran berfikir menganalogi) dan kemahiran berfikir mereka cipta) berbanding peserta kajian 1 (Cikgu Misha) yang telah menjalankan pengembangan sebanyak 17 kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (e) Kedua-dua peserta kajian tidak dapat menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dan kemahiran berfikir membuat hipotesis dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Sebagai rumusan dapatan taburan kemahiran berfikir yang telah dikembangkan oleh kedua-dua peserta kajian, cikgu Misha menjelaskan:

Kemahiran berfikir banyak, dan untuk menjalankan pengembangan kesemua kemahiran dalam sesuatu masa pengajaran agak mustahil terutamanya dalam pengajaran pemahaman bacaan, tetapi yang pasti memang ada kemahiran yang dapat dikembangkan semasa pengajaran pemahaman bacaan. Oleh itu, tidak semua kemahiran berfikir boleh dikembangkan semasa pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu.

(CLHA – 20.10.2004)

Kemahiran berfikir mengesan kecondongan ialah kemahiran berfikir yang menerangkan tentang mengesan pendapat yang berpihak kepada sesuatu pandangan atau menentang sesuatu perkara (PPK, 2001: hlm.13). Kemahiran berfikir mengesan kecondongan digunakan apabila terdapat sesuatu pernyataan yang cuba mempengaruhi keputusan atau pendapat seseorang. Menimbang ketepatan sesuatu sumber maklumat atau pernyataan dan mengenal pasti kecondongan pandangan seseorang. Kemahiran berfikir ini tidak dapat dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana kedua-dua peserta kajian tidak membuat perancangan dengan memilih bahan bacaan yang mempunyai pernyataan berat sebelah (*biased*) bagi menggambarkan atau menyokong pendapat yang berpihak kepada sesuatu pihak.

Menurut cikgu Misha, setiap kali pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di bilik darjah, sekurang-kurangnya satu kemahiran berfikir boleh

dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. (CLHA–20.10.2004).

Manakala kemahiran berfikir membuat hipotesis bermaksud membuat pernyataan umum yang boleh dihubungkan dengan pemboleh ubah bagi menerangkan sesuatu perkara atau peristiwa. Kemahiran ini digunakan pada peringkat awal apabila hendak menjalankan sesuatu eksperimen, kajian atau penyelidikan (PPK, Julai 2001: hlm.23). Apabila kemahiran ini hendak dikembangkan dalam pengajaran, guru dikehendaki menjalankan langkah-langkah penggunaannya seperti berikut:

- (a) Perhatikan suatu situasi atau keadaan.
- (b) Nyatakan situasi tersebut.
- (c) Berikan jawapan sebagai hipotesis.
- (e) Semak jawapan sama ada boleh diuji atau pun tidak.

Oleh kerana terdapat strategi pengajaran untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir membuat hipotesis dalam pengajaran pemahaman, maka penyelidik akan menyediakan contoh persediaan mengajar bagaimanakah cara untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dan membuat hipotesis dalam pengajaran pemahaman bacaan.


Menurut cikgu Misha, kegagalan untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dalam pengajaran pemahaman bacaan disebabkan oleh beberapa faktor seperti:

- (a) Tidak semua komponen kemahiran berfikir dapat dikembangkan dalam sesuatu pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.
- (b) Pengalaman mengajar seseorang guru membezakan sama ada mereka boleh mengembangkan sesuatu komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (c) Guru mesti faham maksud atau rangkaikata bagi sesuatu komponen kemahiran berfikir sebelum menjalankan pengembangan dalam pengajaran pemahaman bacaan.
- (d) Kadang-kadang sesuatu kemahiran berfikir boleh dikembangkan beberapa kali dalam sesebuah pengajaran pemahaman bacaan.

Kesimpulannya, kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan masing-masing. Justeru, berdasarkan soalan kajian yang kedua iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat? Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah mengembangkan kemahiran berfikir dalam setiap kali pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Carta 2 menunjukkan jumlah kemahiran berfikir yang dikembangkan oleh kedua-dua peserta kajian 1(cikgu Misha) dan peserta kajian 2(cikgu Norman) berdasarkan pemerhatian (Pm).


Carta 2  
 Bilangan kemahiran berfikir yang dikembangkan  
 berdasarkan pemerhatian



Sepertimana yang telah diterangkan dalam bab 3, dengan menggunakan teknik pemerhatian untuk mengutip data kajian ini iaitu, tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Sebagai lanjutan untuk menjawab soalan kajian yang kedua, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman di kelas tingkatan empat?

Dapatan kajian berdasarkan kepada 17 kali pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan yang telah divideokan dapat ditunjukkan melalui carta 3 yang menunjukkan jumlah bilangan kemahiran berfikir yang telah dikembangkan oleh kedua-dua peserta kajian sepanjang data dalam kajian ini dikutip.

Carta 3  
 Jumlah keseluruhan kemahiran berfikir yang dikembangkan



Daripada sembilan kali pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat, hanya tiga pemerhatian sahaja yang akan dibincangkan dalam dapatan kajian ini iaitu, pada pemerhatian yang ketiga (pm iii), pemerhatian kelima (pm v) dan pemerhatian yang kelapan (pm viii). Pemerhatian ketiga, yang kelima dan pemerhatian yang kelapan dipilih kerana kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir yang kerap semasa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman cikgu Misha yang ketiga (pm iii), beliau telah mengembangkan lima kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir mencirikan, kemahiran berfikir membanding dan membeza, kemahiran berfikir mengumpul dan mengelas, kemahiran berfikir menghubungkan kait dan kemahiran berfikir membuat gambaran mental. Sementara peserta kajian yang kedua (cikgu Norman) pula telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dan



kemahiran membuat gambaran mental dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Peserta kajian pertama yang telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dengan menyatakan ciri-ciri yang sepatutnya dipunyai oleh penduduk di sebuah taman perumahan yang mengamalkan hidup berjiran seperti:

- (a) hidup tolong-menolong
- (b) bekerjasama
- (c) mewujudkan rukun tetangga

Pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dalam pengajaran pemahaman bacaan yang ketiga di kelas tingkatan 4 sains 1 bermula apabila peserta kajian memulakan pengajarannya dengan mengajukan beberapa soalan rangsangan untuk menarik perhatian pelajar seperti, siapakah nama jiran kamu? Apakah yang kamu lakukan apabila rumah jiran kamu membuat kenduri perkahwinan?

Hidup berjiran di taman perumahan memerlukan penduduknya mengamalkan sikap bertolak ansur, bantu-membantu, bekerjasama dalam semua aspek, lebih-lebih lagi semasa kenduri perkahwinan, jelas cikgu Misha. Pernahkan kamu menghadiri majlis perkawinan di rumah jiran kamu? Cuba kamu ceritakan suasana majlis perkahwinan tersebut.

Walaupun set induksi pengajaran cikgu Misha berkisar kepada soalan-soalan mudah tentang majlis perkahwinan di rumah jiran, tetapi cikgu Misha telah bersedia untuk mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan apabila beliau membuat rajah pancaran bagi menerangkan ciri-ciri bagi sesebuah majlis perkahwinan. Dalam

sesbuah majlis perkahwinan, tentu ada khemah, tetamu yang datang ke majlis tersebut, penduduk yang bersatupadu, tolong-menolong dan suasana meriah, jelas cikgu Misha. Ciri yang sama dalam sesuatu majlis perkahwinan yang mempunyai semangat kejiranan di taman perumahan ialah seperti tolong-menolong, bantu-membantu, bekerjasama dan menampakkan suasana yang meriah dengan ramai tetamu yang datang berkunjung ke majlis kenduri tersebut. Kesemua ciri tersebut ialah penerangan maksud bagi komponen kemahiran berfikir mencirikan iaitu mengenali konsep atau item yang hampir serupa (PPK,2001: hlm.6).

Pada masa pemerhatian yang ketiga (pm iii), peserta kajian yang kedua iaitu, cikgu Norman telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan apabila beliau mencirikan perwatakan Hang Tuah dan Hang Jebat. Hang Tuah dicirikan sebagai seorang watak yang taat setia kepada sultan, gagah dan berani dan digambarkan sebagai seorang pahlawan pada masa tersebut. Manakala Hang Jebat dicirikan seorang watak yang mempunyai perwatakan seperti penderhaka, pendendam dan bertindak menurut perasaan. Walaupun perwatakan Han Tuah dan Hang Jebat berbeza, namun cikgu Norman merancang untuk menerangkan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana perwatakan hulubalang Melaka tersebut mempunyai perwatakan yang hampir serupa dari aspek konsep pahlawan Melaka pada zaman tersebut.

Kalau dilihat dari aspek ciri dan perwatakan Hang Tuah dan Hang Jebat sangat berbeza, Hang Tuah sangat setia kepada sultan manakala Hang Jebat seorang perderhaka. Tetapi yang penting ialah mereka adalah hulubalang dan memiliki ciri yang serupa iaitu, hulubalang Melaka, pandai bermain senjata, mahir dalam ilmu persilatan dan dilantik sebagai Laksamana Melaka, jelas cikgu Norman.

Pada masa pemerhatian yang ketiga, cikgu Norman telah membawa pelajar-pelajar tingkatan 4A3 ke bilik tayangan dan memulakan pengajaran dengan menonton klip video pertarungan di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat. Dalam pengajaran tersebut, cikgu Norman telah menggunakan bahan bacaan prosa tradisional bertajuk Pertarungan Tuah dengan Jebat yang dipetik daripada antologi Anak Laut, 2000: hlm. 34-46.

Penggunaan bahan bacaan dan disesuaikan pula dengan bahan bantu mengajar klip video pertarungan Hang Tuah dengan Hang Jebat, menunjukkan peserta kajian yang kedua telah merancang persediaan dengan membuat pilihan bahan bacaan dan bahan bantu mengajar yang dapat menarik perhatian pelajar dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dalam pemerhatian yang ketiga, kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir membuat gambaran mental. Membuat gambaran mental bermaksud membuat tanggapan atau membayangkan sesuatu keadaan untuk memahami sesuatu konsep. Semasa pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang kelima, beliau telah membuat gambaran dengan menceritakan suasana kemeriahan dalam suatu majlis perkahwinan di rumah jirannya. Sewaktu cikgu Misha menerangkan kemeriahan suasana tersebut, pelajar-pelajar berasa seronok sambil mengambil bahagian dan ada di antara mereka turut menceritakan suasana perkahwinan yang pernah mereka hadiri. Cikgu Misha mengembangkan kemahiran berfikir membuat gambaran mental dengan menyatakan:

- (a) Bayangkan majlis perkahwinan: keadaan semasa majlis tersebut
- (b) Menetapkan titik permulaan: keadaan sebelum majlis tersebut
- (c) Bayangkan dari mula hingga akhir majlis tersebut.

Hal ini berlainan pula dengan cikgu Norman, apabila beliau membuat pengembangan kemahiran berfikir membuat gambaran mental dengan membuat gambaran mental perwatakan Hang Jebat yang mempunyai semangat setia kawan yang tinggi sehingga sanggup menjadi perderhaka semata-mata untuk menuntut bela terhadap kezaliman raja. Dengan menggunakan bahan bantu mengajar seperti klip video pertarungan Hang Tuah dengan Hang Jebat, cikgu Norman mengembangkan kemahiran berfikir membuat gambaran mental dengan menulis di papan putih semua ciri perwatakan yang ada pada Hang Jebat. Kemudian beliau membayangkan perwatakan Hang Jebat yang pada mulanya sahabat baik Hang Tuah dan akhirnya menjadi penderhaka setelah mengetahui sahabat baiknya dihukum bunuh oleh sultan Melaka.

Melalui pemerhatian yang ketiga (pm iii), peserta kajian yang pertama, cikgu Misha telah mengembangkan kemahiran berfikir membanding dan membeza. Cikgu Misha telah mengembangkan dengan membuat perbandingan dan perbezaan kualiti hidup berjiran di sebuah taman perumahan iaitu, Taman Jaya. Beliau telah mencetuskan idea dengan mengajukan persoalan kepada pelajar seperti, yang manakah lebih berkualiti, hidup berjiran dengan hidup tanpa jiran? Sebagai contoh, cikgu Misha membuat perbandingan dengan membuat perbandingan kehidupan penduduk di taman perumahan yang mengamalkan hidup tolong-menolong dalam semua aspek kehidupan berbanding masyarakat yang hidup tanpa berjiran.

Peserta kajian yang kedua dalam pengajaran pemahaman bacaannya telah menggariskan beberapa peraturan hidup berjiran untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengumpul dan mengelas. Kemudian beliau membuat kelompok dengan mengelaskan kriteria hidup tanpa berjiran dengan hidup tanpa jiran seperti :


Rajah 9  
Kemahiran berfikir mengumpul dan mengelas

Bekerjasama Tolong-menolong Seronok Seperti aur dengan tebing Mengeratkan silaturahim	Sunyi Kera sumbang Tidak seronok Tidak bercampur dengan orang lain
---	---

Pengelompokkan tersebut yang dikembangkan oleh cikgu Misha dengan dengan membuat pengumpulan kepada kumpulan masing-masing berdasarkan kriteria yang mempunyai sifat sepunya seperti bekerjasama, tolong-menolong, seronok dan merapatkan silaturahim.

Sementara itu, cikgu Misha juga mengembangkan kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan apabila beliau telah menghubungkan cerita berdasarkan bahan bacaan yang mengisahkan zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Cikgu Misha menceritakan peristiwa untuk menuntut kemerdekaan yang diperjuangkan oleh penduduk Tanah Melayu dan kemuncak perjuangan orang Melayu ialah berlaku pemberontakan tersebut dikaitkan dengan cerita.

Rajah 10  
Kemahiran berfikir menghubungkan kait



Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Oleh yang demikian, analisis dapatan menunjukkan peserta kajian telah mengembangkan tujuh kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan pada masa pemerhatian yang ketiga (pm iii).

Pada masa pemerhatian yang kelima (pm v), kedua-dua peserta kajian telah mengembangkan 12 kali kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Cikgu Misha telah mengembangkan tujuh kali kemahiran berfikir seperti kemahiran berfikir menganalisis, kemahiran berfikir menilai, kemahiran berfikir menjana idea, kemahiran berfikir menghubungkan kait, kemahiran berfikir meramal dan kemahiran berfikir merekacipta.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan Cikgu Misha kali ini, beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir merekacipta apabila beliau mengajar pemahaman bacaan bertajuk manusia dan kesejahteraan. Menurut beliau, ...bahan bacaan saya pilih daripada Utusan Zaman (1961) karya Salmi Manja. Saya memang

bercadang untuk mengembangkan kemahiran berfikir mereka cipta dan menyuruh pelajar mencipta sajak bebas. Walau bagaimanapun saya mesti menunjukkan saya juga boleh mencipta sajak, jangan sampai pelajar menempelak kita pula. Bila disoal bagaimana beliau memilih bahan bacaan itu, cikgu Misha menjawab:

bahan bacaan tersebut memang sudah sedia ada dalam antalogi Anak laut, bacaan wajib komsas, mudah kerana semua pelajar sudah ada bahan bacaan tersebut. Tapi kalau hendak disediakan bahan bacaan yang lain, agak susah kerana memerlukan perancangan, lambat dan modal untuk membuat salinan sebanyak 40 orang pelajar, ujar cikgu Misha.

Sebelum cikgu Misha mengarah pelajar mencipta sajak, beberapa kriteria seperti kesatuan idea, diksi terpilih, rima yang sama, gaya bahasa yang baik dan mempunyai maksud yang tersirat menjadi kekuatan dalam sesebuah sajak, lalu beliau memberi satu contoh sajak nukilan Usman Awang, sajak Kekasih:

Akan ku pintal awan gemawan, Akan ku tulis namamu di kepulan awan, Akan kujahit bayu malam menjadi ranjang tidurmu, Akan kupetik bintang timur menjadi keronsang menghiasi dadamu.

Pada akhir pengajaran, cikgu Misha telah menyimpulkan pengajarannya dengan memilih beberapa buah sajak yang telah dihasilkan oleh pelajar-pelajar kelas tingkatan 4 sains 1. Sebagai contoh seorang pelajar menghasilkan sajak ciptaannya sendiri iaitu:

Jika hari ini kita lihat  
Peperangan  
Penindasan  
Kekejaman  
Kebinasaan

Usah kita bertanya  
Kerana manusia sudah tidak punya kedamaian  
Tidak punya belas kasihan  
Rasa kecintaan kemanusiaan diselubungi keegoan.

(Oleh Mohd Ahnaf Bin Abd Aziz, 4 Sains 1)

Walaupun sajak yang dihasilkan itu nampak bersahaja, namun yang penting ialah peserta kajian telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir mereka cipta dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat dan pengembangan tersebut mampu merangsang pelajar untuk menghasilkan sajak ciptaan mereka sendiri. Menurut PPK, (2001), kemahiran berfikir mereka cipta ialah menghasilkan sesuatu yang baharu atau melakukan pengubahsuaian kepada sesuatu yang sedia ada dalam bentuk maujud atau mujarad (PPK, 2001: hlm.27).

Selain itu, cikgu Misha juga telah mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis rangkai kata sajak seperti, api neraka (R4,B4). Cikgu Misha menjelaskan api neraka sebagai ranjau dalam kehidupan, dan pengarang memberi peringatan kepada anaknya, apabila dewasa kelak pilihlah jalan yang baik supaya tidak menjadikan dunia yang penuh dengan liku-liku kehidupan sebagai pegangan hidup.

Selain itu, rangkai kata, Yang kian bermuka dua (R3,B4) dianalisis sebagai manusia yang hidup berpura-pura menunjukkan dirinya baik tetapi mempunyai maksud yang terselindung di sebalik kebaikan.



Menganalisis sajak atau apa sahaja bentuk rencana ialah mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil untuk memenuhi makna yang tersirat dan dalam hal menjelaskan maksud perkataan sajak yang mempunyai maksud yang tersirat sebenarnya saya mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis dalam pengajaran bacaan dan kefahaman, terang cikgu Misha.

Dalam pemerhatian yang kelima (pm v), cikgu Misha telah mengembangkan kemahiran berfikir menilai, kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan dan menjana idea dengan membuat perhubungan bagi lima situasi iaitu:

Situasi 1: Pemimpin yang mementingkan diri sendiri.

Situasi 2: Masyarakat yang tidak mahu bertolak ansur.

Situasi 3: Pemimpin yang tidak menepati janji.

Situasi 4: Masyarakat yang tidak jujur.

Situasi 5: Ibu bapa yang tidak mengajar agama kepada anak.

Cikgu Misha telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menilai, menghubungkan kaitkan dan menjana idea bagi kelima-lima situasi dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Beliau telah menjelaskan bagaimana sesebuah masyarakat yang tidak mahu bertolak ansur, pemimpin yang tidak menepati janji dan ibu bapa yang tidak mendidik anak-anak dengan pendidikan agama. Situasi-situasi itu diwujudkan bagi mengembangkan kemahiran berfikir yang menunjukkan, apabila ada pemimpin yang tidak jujur, politik negaranya akan bergolak; ibu bapa yang tidak mendidik anak-anak dengan pendidikan agama akhirnya anak-anak akan melupakan mereka.

Peserta kajian 2, telah menjalankan pengembangan lima kemahiran berfikir dalam pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan beliau yang kelima (pm v) seperti kemahiran berfikir mencirikan, kemahiran berfikir menyusun mengikut keutamaan, kemahiran berfikir membuat kesimpulan, kemahiran berfikir menjana idea dan kemahiran berfikir menghubungkan kait dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Cerpen Pusaran digunakan sebagai bahan bacaan dan cikgu Norman telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dengan mencirikan watak-watak Junid dalam cerpen ini sebagai anak bongsu, berumur enam tahun, sayang pada lembu peliharaannya dan masih bersekolah. Setiap ciri dikembangkan dengan terperinci dan mencontohi sifat manja kanak-kanak yang masih bersekolah dan sayang dengan haiwan peliharaannya. Kemudian cikgu Norman mengembangkan kemahiran berfikir menyusun ikut keutamaan dengan membuat penyusunan plot cerpen dengan membuat penyusunan plot secara kronologi iaitu permulaan– perkembangan– klimaks– peleraian.

Bagi mengembangkan kemahiran berfikir menjana idea, cikgu Norman telah menjana idea dengan memilih tajuk peristiwa korban Hari Raya Aidiladha. Idea-idea peristiwa korban dikumpul, dijana menjadi kesatuan idea peristiwa korban. Cikgu Norman telah mengembangkan kemahiran berfikir menjana idea dengan menggambarkan peristiwa korban dengan peristiwa pengorbanan Nabi Ismail as yang sanggup disembelih oleh ayanandanya sendiri, Nabi Ibrahim as.

Pada akhir pengajaran, cikgu Norman membuat kesimpulan setelah mengembangkan kemahiran berfikir berdasarkan bahan bacaan Pusaran apabila beliau membuat kesimpulan dengan membuat pernyataan, betapa hebatnya kekuasaan Ilahi yang menjadikan manusia dan saling berhubung sesama manusia tetapi yang lebih

hebat lagi ialah wujud perhubungan kasih sayang di antara manusia dengan haiwan yang diselitkan melalui cerita Pusaran seperti yang digambarkan oleh S.Othman Kelantan, ...Junid menanti kedatangan Pusaran yang kian perlahan, dan menjilat-jilat tangan Junid dengan manja mesra yang aneh.Kemesraan yang memenuhi seluruh ruangan hati Junid bertahun-tahun. Persahabatan yang terjalin dari rasa pupukan kasih sayang dan kemanjaan yang kebetulan terjadi. (Anak Laut, 2001: hlm.99).

Pada masa pemerhatian yang kelapan (pm viii), Cikgu Misha telah menjalankan pengembangan tujuh kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir menyusun mengikut keutamaan, kemahiran berfikir menganalisis, kemahiran berfikir mensintesis, kemahiran berfikir menjana idea, kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan, kemahiran berfikir membuat inferens dan kemahiran berfikir mensintesis. Pada masa pengajaran tersebut, cikgu Misha merancang untuk mengajar pemahaman bacaan dan beliau telah memilih lirik lagu bertajuk Hijau dendangan Zainal Abidin untuk dijadikan set induksi. Beliau menggunakan lagu tersebut untuk membolehkan menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menjana idea di samping untuk membuatkan pelajar terhibur dan menumpukan perhatian kepada pengajarannya di tingkatan 4 sains 1.

## HIJAU

Bumi yang tiada rimba  
Seumpama hampa  
Ia dicemar manusia  
Yang jahil ketawa  
Bumi yang tiada udara  
Bagai tiada nyawa  
Pasti hilang suatu hari  
Tanpa disadari, la la la Ooo  
Tanpa lautan, akan kehausan  
Pasti lambat laun hilang  
duniaku yang malang  
    Dewasa ini  
    Kita saling merayakan  
    Kejayaan yang paling membinasakan  
    Apalah gunanya berpatahkan fikiran  
    Bila di jiwa kita masih mentah, muda  
    Kulihat Hijau, oo la la la la  
    Anok-anok tak leh meraso mandi laut,  
saing main ramai-ramai,  
Kito usoho, jauh ke dari malapetako  
Ozon lo ni koho tipih, nak make asap  
Tak le tahe, sampai bila-bila  
Bumiku yang kian pudar, Siapa yang melihat.

(dendangan: Zainal Abidin)

Dalam pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang kelapan (pm viii), beliau telah menjalankan pengajaran pemahaman bacaan sambil melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis dengan menjelaskan beberapa maksud perkataan seperti ozon le ni koho tipih, nak make asap. Cikgu Misha mengembangkan kemahiran menganalisis apabila beliau membuat huraian yang lebih kecil bagi rangkaikata tersebut. ozon le ni koho tipih, nak make asap bermaksud lapisan ozon pada masa sekarang semakin nipis akibat perbuatan manusia akibat pembakaran terbuka, sehingga hendak bernafas pun berbau asap. Tetapi yang lebih

menarik dalam pemerhatian ini ialah cikgu Misha telah membaca rangkaikata tersebut dalam dialek Kelantan sehinggakan ada dalam kalangan pelajar, berbisik, cikgu cakap Kelantan la.

Sementara itu, bagi mengembangkan kemahiran berfikir menyusun ikut keutamaan, cikgu Misha menjalankan pengembangan kemahiran ini dengan menulis beberapa isi berkenaan pencemaran sungai seperti:

- (a) Sungai tempat pembuangan sampah.
- (b) Aliran sungai tersumbat.
- (c) Kesan pembangunan.
- (d) Peranan pihak berwajib terhadap penjagaan sungai.

Berdasarkan isi-isi pencemaran sungai yang telah dibincangkan dalam kelas, cikgu Misha telah mengembangkan kemahiran berfikir menyusun ikut keutamaan bermula dengan sikap manusia yang menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah. Kemudian disusuli dengan isi aliran sungai tersumbat, apabila beliau menerangkan aliran air sungai yang perlahan, terganggu sehingga menyebabkan air sungai melimpah dan bertakung. Selain itu, akibat daripada kesan pembangunan yang pesat, penebangan hutan yang berleluasa dan peranan kerajaan yang diberi tanggungjawab seperti Jabatan Parit dan Saliran gagal untuk menangani masalah ini.

Selain itu, pada masa pemerhatian yang kelapan (Pm viii), cikgu Misha telah mengembangkan kemahiran berfikir mensintesis dengan menggabungkan semua faktor pencemaran sungai supaya pelajar dapat menjawab soalan kefahaman tentang pencemaran sungai. Idea-idea yang menyebabkan berlakunya pencemaran sungai

digabungkan untuk menghasilkan pernyataan bagi menjawab soalan pemahaman mengenai pencemaran sungai.

Kemudian cikgu Misha mengembangkan kemahiran berfikir menjana idea dengan menetapkan tajuk perbincangan, Pencemaran Sungai. Dalam perbincangan tersebut, cikgu Misha telah menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya pencemaran sungai dan bagaimana cara untuk mengatasi masalah tersebut. Hasil perbincangan, beliau telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir menjana idea dengan menyatakan faktor seperti slogan Cintailah Sungai Kita dilancar, dihebah dan disebar luas untuk pengetahuan semua rakyat Malaysia. Selain itu, cikgu Misha mencadangkan semua pihak terutama media masa berperanan supaya isu pencemaran sungai di Malaysia dapat ditangani.

Dalam pemerhatian yang sama (pm viii), cikgu Misha turut mengembangkan kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan apabila idea yang telah dijelaskan dijadikan pohon fikiran untuk menggambarkan pencemaran sungai di Malaysia. Sementara itu, untuk mengembangkan kemahiran berfikir membuat inferens dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan 4 sains 1, cikgu Misha mengembangkan dengan membuat kesimpulan awal dengan menggunakan lirik lagu Hijau sambil menyatakan lirik yang terdapat dalam lagu tersebut adakah benar atau tidak seperti yang tercatat dalam lirik tersebut. Misalnya bumi yang tiada rimba, seumpama hampa, dicemar manusia, yang jahil ketawa, anak-anak tak leh meraso mandi laut dan main ramai-ramai. Pernyataan awal ialah langkah pengajaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir membuat inferens dalam pengajaran pemahaman bacaan. Berdasarkan pemerhatian awal daripada lirik lagu, cikgu Misha telah membuat pernyataan awal iaitu: bumi yang tiada rimba, seumpama hampa. Kemudian beliau menyoal,

mengapakah situasi tersebut boleh berlaku? Dengan memberi beberapa alasan seperti kesan pembangunan, sikap manusia dan berlaku penebangan hutan secara berleluasa, maka terjadilah bumi yang tidak mempunyai rimba. Pada akhirnya, cikgu Misha telah menjelaskan dengan memaparkan beberapa keping gambar tentang penggodolan hutan dan digantikan dengan pembangunan yang pesat.

Manakala cikgu Norman pula telah mengembangkan empat kemahiran berfikir iaitu kemahiran berfikir menganalisis, kemahiran berfikir membuat kesimpulan, kemahiran berfikir menjana idea dan kemahiran berfikir menghubungkan kait dalam pengajaran pemahaman bacaan bertajuk Kesan Peperangan Terhadap Tamadun Kuno dan Khazanah Bumi. Bagi mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis, cikgu Norman telah membuat pernyataan idea iaitu: Peperangan membawa padah, kehilangan jiwa, merosakkan tamadun kuno, kemusnahan ekosistem dan sumber bahan mentah akan hancur.

Cikgu Norman dalam pemerhatian yang kelapan (pm viii) melalui pengajaran pemahaman dalam kelas tingkatan 4A3, beliau telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dan kemahiran berfikir menghubungkan kait. Bagi mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis, cikgu Norman telah menyatakan, peperangan akan membawa kemusnahan dan membangunkan semula memakan kos yang banyak. Beliau telah mengaitkan peperangan yang sedang berlaku di Bosnia dengan mengaitkan kemusnahan bumi, nyawa manusia terkorban, manusia hilang tempat tinggal dan khazanah kuno turut musnah.

Bagi melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir membuat kesimpulan, beliau membuat kesimpulan dengan menyokong pernyataan, peperangan mendatangkan keburukan dan mengakibatkan kemusnahan alam. Semua faktor adalah

hasil daripada kesan pembangunan yang pesat dalam sains dan teknologi. Cikgu Norman menjelaskan, Bila negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Russia, China berlumba-lumba mencipta senjata nuklear, mencabul hak asasi manusia dan menceroboh negara yang lemah maka terjadilah peperangan.

Dapatan pemerhatian menunjukkan, peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Walau bagaimanapun, untuk membuat laporan mengenai komponen kemahiran berfikir yang telah dikembangkan, hanya 4 komponen sahaja yang akan dibincangkan iaitu, kemahiran berfikir mencirikan, kemahiran berfikir menganalisis, kemahiran berfikir membuat kesimpulan dan kemahiran berfikir menghubungkan kaitkan. Kemahiran berfikir tersebut dipilih kerana jumlah kekerapan yang dikembangkan oleh peserta kajian lebih banyak berbanding kemahiran berfikir yang lain dalam model kemahiran berfikir oleh PPK.

Sebagai rumusan daripada pelaksanaan kemahiran berfikir yang telah dapat dikembangkan oleh kedua-dua peserta kajian dalam kajian ini dapat dijelaskan seperti rajah berikut:



**Jadual 6**  
Rumusan kemahiran berfikir yang dikembangkan

Bil	Komponen Kemahiran berfikir	PK 1	Pemerhatian	PK 2	Pemerhatian	Jumlah Keseluruhan
1	Mencirikan	3	iii,iv,vi	5	i,iii,v,vi	8
2	Membanding & Membeza	2	ii, iii	0		2
3	Mengumpul & Mengelas	2	iii, iv	0		2
4	Membuat urutan	1	ix	0		1
5	Menyusun ikut keutamaan	3	iv,viii,ix	2	v,vii	5
6	Menganalisis	7	i,iv,v,vi,vii,viii,ix	5	i,ii,iv,vi,viii	12
7	Mengesan kecondongan	0		0		0
8	Menilai	1	v	0		1
9	Membuat kesimpulan	4	i,v,vi,viii	6	ii,iv,v,vi,vii,viii	10
10	Menjana idea	3	ii,v,viii	2	v,viii	5
11	Menghubung kaitkan	5	ii,iii,v,vi,vii	4	v,vi,vii	9
12	Membuat inferens	1	viii	0		1
13	Meramal	2	v,vi	0		2
14	Membuat hipotesis	0		0		0
15	Mensintesis	1	viii	0		1
16	Mengitlak	1	vi	0		1
17	Membuat gambaran mental	2	ii,iii	1	Iii	3
18	Menganalogi	1	i	0		1
19	Mereka cipta	2	v,ix	0		2
<b>JUMLAH</b>		42		24		66


Bagi menjelaskan lagi dapatan kajian dan sebagai menjawab soalan kajian yang kedua iaitu, bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, berikut akan diterangkan pula

bagaimana peserta kajian mengembangkan komponen-komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah mengembangkan komponen kemahiran berfikir mencirikan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Kemahiran berfikir mencirikan bermaksud mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep atau objek (PPK, 2001: hlm.6). Kemahiran berfikir mencirikan digunakan untuk mendefinisikan konsep atau item dan mengenali antara konsep atau item yang hampir serupa. Dapatan kajian mendapati kedua-dua peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan sebanyak lapan kali (m=4 kali, n=4 kali) dalam pengajaran pemahaman bacaan dikelas tingkatan empat.

Pada masa pemerhatian yang keempat (pm iv) pengajaran peserta kajian 1, beliau telah menggunakan bahan bacaan bertajuk Annyss Sophillea hasil karya Nisah Haron. Cerpen yang berlatar belakangkan kehidupan di Planet Alstonia dengan watak-watak seperti Annyss Sophillea, Strenn, Eyrique yang hidup di alam fantasi, manakala Akmal watak manusia biasa hidup di bumi tetapi mempunyai perasaan cinta terhadap Annyss Sophillea. Cikgu Misha telah mengembangkan watak-watak Annyss Sophillea, Akmal, Eyrique Eutiqaz, Strenn, Eustary, unicorn dan burung inderawasih dengan mencirikan perwatakan seperti rajah berikut:

Rajah 11  
Kemahiran berfikir mencirikan



Rajah 11 menjelaskan bagaimana cikgu Misha telah mencirikan watak-watak berdasarkan kategori seperti mempunyai kuasa sakti, golongan manusia dan haiwan. Beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan dengan menjelaskan watak dan perwatakan seperti watak bukan manusia yang memiliki kuasa sakti dikenali sebagai Annyss Sophillea, Eyrique Eutiqaz dan Strenn. Manakala watak manusia yang hidup di bumi diwakili oleh Akmal yang mempunyai perasaan kasih, sayang dan cinta terhadap Annyss Sophillea. Ciri ketiga ialah haiwan diwakili oleh unicorn, eustary dan burung inderawasih dan berperanan sebagai pembantu untuk membantu watak seperti Akmal.

Cikgu Norman telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan sebanyak lima kali pada masa Pm i, Pm iii, Pm v dan Pm vi. Pada masa Pm i, beliau menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dalam pengajarannya dengan menghuraikan ciri-ciri yang terdapat dalam sajak tersebut seperti bilangan rangkap, suku kata, diksi, bahasa dan sebagainya. Mencirikan ialah mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep atau objek (PPK, 2001: hlm.6). Berdasarkan maksud kemahiran berfikir mencirikan, Cikgu Norman telah menjelaskan ciri sajak Manusia dan Kesejahteraan seperti:

- (a) Empat baris satu rangkap kecuali rangkap kelima (3 baris).
- (b) Rima (bunyi suku kata akhir yang sama), misalnya `a' (R3) bertanya juga, manusia dan neraka.
- (c) Aliterasi - perulangan bunyi konsonan `n' – untuk menjengah neraka kecintaan manusia (perulangan konsonan n).

- (d) Asonansi - perulangan bunyi vokal `a` – (janjikan harapan semanis janji-janji orang bercinta (perulangan bunyi vokal a).

Ciri sajak yang telah dijelaskan oleh peserta kajian kedua, menunjukkan beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan apabila kriteria sajak seperti rima, perulangan bunyi vokal dan konsonan dikenal pasti dan dijelaskan supaya pelajar dapat faham maksud ciri-ciri yang terdapat pada sesebuah sajak.

Penggunaan puisi sebagai bahan bacaan dapat mendorong pelajar untuk terus membaca kerana keindahan gaya bahasanya dapat menarik minat mereka untuk mengetahui maksud tersirat seperti yang dimaksudkan oleh pengarang. Di samping penggunaan puisi sebagai bahan bacaan, ia juga dapat membantu guru untuk menarik minat pelajar supaya seronok untuk belajar bacaan dan kefahaman. Menurut Cikgu Norman:

Bacaan dan kefahaman lebih menarik kalau menggunakan komsas kerana ia ada pelbagai genre seperti cerpen, novel, sajak dan drama. Jadi, penggunaannya dapat menarik minat murid dan mereka lebih berminat sebab di dalamnya terdapat pelbagai cerita.

(CLHA – 25.10.2004)

Pada masa pemerhatian pengajaran pamarahan bacaan yang ketiga (pm iii), cikgu Norman telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dengan mencirikan perwatakan Hang Tuah dan Hang Jebat. Cikgu Norman telah mencirikan perwatakan Hang Tuah seperti taat kepada sultan, mahir bermain senjata, gagah, berani, perasaan persahabatan yang tinggi, tidak berdendam, arif tentang tipu

muslihat dan memiliki perasaan belas kasihan sesama manusia. Manakala perwatakan Hang Jebat seperti pendendam, penderhaka, tidak berperikemanusiaan, kejam, menghargai persahabatan, dan bertindak mengikut perasaan. Cikgu Norman menjelaskan:

Sebenarnya perbandingan ciri-ciri watak Hang Tuah dan Hang Jebat telah sedia diketahui oleh murid terutama tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Di samping itu mereka berpeluang pula melihat cerita ini dan menghubungkan kaitkan dengan teks yang mereka baca, maka pengalaman mereka itu tidak masalah untuk mereka membuat perbandingan ciri antara watak Hang Tuah dan Hang Jebat.

(CLHA – 5.8.2004)

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan yang kelima (pm v) cikgu Norman telah memilih cerpen Pusaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir mencirikan, dengan mencirikan watak Junid seperti:

- (a) Anak bongsu.
- (b) Anak manja.
- (c) Umur enam tahun.
- (d) Masih bersekolah darjah satu.
- (e) Aktif bermain.
- (f) Menghabis banyak masa dengan Pusaran.
- (g) Sanggup berkorban untuk menyelamatkan Pusaran.

Ciri-ciri tersebut dicatat di papan putih di hadapan kelas dan kemudian cikgu Norman menerangkan ciri watak Junid dengan menyatakan contoh mujarad supaya

pelajar dapat memahami watak-watak yang terdapat dalam petikan tersebut. Sebagai contoh, Cikgu Norman telah melakonkan sifat manja (Junid), anak bongsu yang suka merajuk, merengek meminta sesuatu dan kecewa apabila sesuatu permintaan tidak dapat ditunaikan oleh ibu bapa.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang keenam (pm vi), beliau telah mengajar pemahaman bacaan berdasarkan cerpen Kerana Manisnya Epal atau Kerana *belle de boskop*. Cerpen ini mengisahkan tentang sebuah keluarga yang mempunyai sebidang tanah yang ditanam dengan pelbagai jenis epal, seperti *yellow bellflower, red beittigheimer, famense, golden grimes, maiden blush, balwin, ribston, macintosh* dan *red delicious* (Anak Laut, 2000: hlm.80).

Oleh kerana pemilik kebun ini sudah tua dan tidak berdaya untuk mengerjakannya, maka terjadilah konflik di antara Buchanan dengan anak-anak dalam soal pengurusan ladang epal. Lebih tragis, ladang tersebut akan diambil oleh kerajaan dan dua orang anak angkatnya iaitu Mazlina dan Yvonne Zakharov tidak bersetuju dan mahu mempertahankan ladang epal tersebut daripada diambil oleh kerajaan.

Dalam pengajaran tersebut, cikgu Norman telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir mencirikan dengan menerangkan watak dan perwatakan seperti Buchanan, Mazlina dan Yvonne Zakharov supaya pelajar dapat mengetahui setiap watak dengan jelas seperti yang dicatatkan dalam rajah berikut:

Rajah 12  
Kemahiran berfikir mencirikan

Buchanan  Usia: 81 tahun Ada ladang epal <i>Tsolum River Fruit Trees</i> Ada lima orang anak Tidak berminat dengan kebun epal bapanya	Mazlina  Gadis Melayu Anak Tan Sri Mansur Umur 21 tahun Anak angkat Buchanan Pelajar Universiti: <i>Richmond-English Lite</i> Sayang kebun epal ayah angkatnya	Yvonne Zakharov  Gadis Moscow Anak angkat Fellow Ekologi Sayang kebun epal ayah angkatnya
---	---	--

Data yang diperoleh dalam kajian ini telah dihuraikan bagaimana peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Dapatan kajian mendapati kemahiran berfikir menganalisis merupakan kemahiran berfikir yang paling kerap dikembangkan oleh peserta kajian 1 (cikgu Misha) dan peserta kajian 2 (cikgu Norman) dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Pada masa pemerhatian yang pertama (pm i) pengajaran cikgu Misha, beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis sebanyak tiga belas kali berbanding cikgu Norman tujuh kali ( $m=13, n=7$ ).

Kemahiran berfikir menganalisis bermaksud mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau peristiwa serta mencari makna yang tersirat (PPK, Julai 2001: hlm.13). Kemahiran berfikir menganalisis digunakan untuk mengenali bahagian-bahagian yang lebih kecil, memahami hubungkait antara bahagian dan mengenali prinsip-prinsip yang terlibat.

Pada masa pemerhatian yang pertama (pm i) pengajaran cikgu Misha, beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis dengan menghuraikan maksud frasa perkataan seperti, segar angin laut, menampakkan urat jalur-jalur tua dan kaki udang yang bersimpati. Kemudian beliau memberikan penjelasan frasa-frasa dan menghuraikan konsep kepada makna yang tersirat seperti segar angin laut dimaksudkan dengan kesegaran angin laut yang membangkitkan kerinduan nelayan tua kepada kolek pada masa dia menangkap ikan. Nelayan tua sedar yang koleknya kecil, kudrat dan usianya sudah tua dan tidak mengizinkan untuk mencari rezeki di laut, urat jalur-jalur tua bermaksud nelayan tua yang sudah uzur tetapi masih gigih ke laut untuk mencari rezeki. Cikgu Misha mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis seperti berikut:

Guru menerangkan tentang nilai yang terdapat dalam sajak tentang kerajinan dan tabah menghadapi dugaan hidup. Nelayan tua memiliki sifat rajin, walaupun sudah tua, tetapi tetap rajin ke laut untuk mencari rezeki. Dia juga insaf yang tenaganya terbatas kerana usianya yang sudah lanjut.

(CLHA – 13.7.2004)

Berdasarkan catatan dan pengajaran pemahaman cikgu Misha, beliau telah memberikan penerangan tentang nelayan tua yang masih bertenaga ke laut untuk mencari rezeki. Penerangan tersebut menunjukkan cikgu Misha telah membuat pengembangan kemahiran berfikir menganalisis nilai yang terdapat dalam sajak. Secara keseluruhannya, pada masa pengajaran cikgu Misha yang pertama, beliau telah



berjaya menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis sebanyak 13 kali dalam masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat sains 1.

Pada masa pemerhatian yang keempat (pm iv) ke atas pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha, beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis apabila beliau membuat analisis tentang maksud rangkai kata seperti, dia tidak layak untuk hidup, walaupun aku galang gantinya, Annyss Sophillea (Anak Laut, 2000: hlm.77). Rangkai kata tersebut dianalisis oleh peserta kajian 1 dengan menerangkan:

Akmal telah bertindak sebagai wira menyelamatkan sahabatnya Eyrique dari dibunuh oleh Strenn. Sesuatu peristiwa aneh yang berlaku di Planet Alstonia iaitu, apabila ada berlaku pembunuhan, sudah pasti pembunuh akan menerima pembalasan dibunuh juga. Dalam cerita ini, Akmal telah menembak Strenn demi untuk menyelamatkan Eyrique dan dia juga turut terbunuh.

Begitulah caranya cikgu Misha menjalankan pengajaran pemahaman bacaan sambil mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Selain itu, peserta kajian turut juga mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis dengan menjelaskan beberapa rangkaikata kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami konsep seperti rangkai kata, padanlah semakin tajam durinya sekarang. (Anak Laut, 2000: hlm.75), membawa maksud, sikap dan perangai Annyss semakin pelik dan berubah sehingga menimbulkan perasaan dendam di hati Strenn, kerana cintanya terhadap Annyss tidak mendapat simpati, jelas cikgu Misha. Rentetan

peristiwa selepas rangkai kata tersebut, maka berlakulah pergelutan di antara Strenn dengan Eyrique sehinggalah Akmal menembak Strenn, dan akhirnya dia sendiri turut terkorban. Akmal tumbang. Kesakitan yang merayap pada tubuh Strenn, entah mengapa, turut menggigit dirinya, walaupun tidak berdarah. (Anak Laut, 2000: hlm.76).

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang ketujuh (pm vii), beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis dengan menghuraikan perkataan dan rangkai kata seperti modenisasi, intipati, insaniah, elemen, fleksibel, akses, aktif, telesidang, produk, konsisiten, promosi, membantutkan, modenisasi, dan melumpuhkan masyarakat dengan menghuraikan kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami makna yang tersirat. Semasa pengajaran, cikgu Misha menjelaskan, ...dengan menggunakan kamus, cuba kamu cari maksud perkataan dan tulis dalam buku latihan bacaan dan kefahaman. Aktiviti seumpama ini selalu dijalankan dalam setiap pengajaran pemahaman bacaan. Menurut cikgu Misha lagi, Menggunakan kamus untuk mencari makna perkataan yang susah dapat membantu dan menambah bilangan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar, ujar cikgu Misha:

Sebenarnya bukan semua cikgu tidak menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran, tetapi bila memikirkan bahan bantu mengajar, bahan bacaan dan peralatan lain, maka hasrat untuk mengembangkan kemahiran berfikir terpadam oleh kerana faktor-faktor tersebut, terang cikgu Misha.

Pada masa pemerhatian yang kelapan (pm viii) pengajaran cikgu Misha, beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis dengan membuat analisis lirik lagu Hijau yang berdialek Kelantan seperti *Kito usaho jauh dari malapetako, Ozon le ni koho tipih, nak make asap, tak leh tahe*. Cikgu Misha menjelaskan maksud perkataan tersebut, usaho ialah usaha, malapetako ialah malapetaka, *Ozon le ni koho tipih* bermaksud ozon pada masa kini semakin nipis, *nak make asap* dimaksudkan sebagai apabila berlaku pembakaran secara terbuka, selalu terhidu atau makan asap, *tak le tahe* ialah tidak boleh tahan dengan keadaan begini. Kajian mendapati, cikgu Misha dapat berdialek kelantan dengan baik, dan apabila ditanya, saya memang orang Kelantan, jelas cikgu Misha.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan yang pertama (pm i) cikgu Norman, beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis dan dengan menggunakan petikan sajak bertajuk manusia dan kesejahteraan. Beliau memulakan pengajaran dengan mendeklamasikan sajak, disusuli dengan penerangan maksud perkataan yang tersirat dan aktiviti tersebut diulang sehingga kesemua rangkap sajak dapat dijelaskan secara keseluruhan maksudnya. Penjelasan cikgu Norman ialah untuk memberi gambaran yang sebenar berdasarkan pemikiran pengarang. Beliau mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau memberikan makna yang tersirat dalam sajak. Misalnya rangkaikata, kelelahan kita semakin parah tenatnya, berserta kekejaman mengatasi kedamaian, titik pertemuan menjadi tentangan, tak siapa mau beralah (R1,hlm 19). Cikgu Norman menerangkan rangkap sajak tersebut sebagai:

...dunia semakin tenat dengan peperangan dan permusuhan di antara sebuah negara yang kuat dengan negara yang lemah, dan tidak ada mana-mana kuasa yang mahu mengalah, masing-masing mahu menunjukkan kehebatan dan kecanggihan senjata ciptaan mereka. Malahan meja perundingan tidak pernah wujud dan disebabkan itu pengarang mengatakan dunia semakin tenat dan lelah.

Manakala pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang kedua (pm ii), beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis berkenaan kempen mewujudkan pemandu berhemah di jalan raya. Beliau membuat pernyataan, pemandu yang tidak berhemah, melanggar peraturan jalan raya mesti dikenakan denda yang maksimum. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang telah diamanahkan untuk bertanggungjawab melaksanakan perkara ini perlu serius bagi menangani masalah ini. Cikgu Norman menerangkan:

JPJ seharusnya bertindak bijak dengan mengubah sistem pemberian lesen dengan melaksanakan sistem ujian ulangan kepada pemandu yang melanggar peraturan jalan raya. Pemandu yang tidak berhemah, apabila berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian, mereka hendaklah dihukum penjara dan lesen ditamatkan serta-merta.

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang keempat (pm iv), beliau telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir menganalisis dengan menerangkan maksud rangkai kata yang sukar kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami makna yang tersirat. Misalnya, pilihan menonjolkan mutu, dan mutu memantulkan peribadi (Anak Laut, 2000: hlm.20). Maksud tersirat di sebalik bait sajak itu bermaksud, pada masa kini bukan lagi pembeli yang datang

untuk membeli ikan dan sayur di pasar kerana harganya mahal sesudah senja dan murah di sebelah pagi, namun penyajak perlu berhati-hati menjadi pemilih (pembeli) kerana pilihan yang bermutu akan memantulkan peribadi seseorang peraih, jelas cikgu Norman.

Manakala pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang keenam (pm vi), beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir menganalisis dengan menerangkan maksud rangkai kata menerusi cerpen *Kerana Manisnya Epal*, Kalian mesti langkah mayat aku dahulu sebelum memusnahkannya (Anak Laut 2000: hlm.86). Dialog ini diucapkan oleh Yvonne apabila kebun epal ayah angkatnya hendak dirampas oleh kerajaan dan sebagai anak angkat yang bertanggung jawab, mereka sanggup mengorbankan segala-galanya termasuklah jiwa dan raga semata-mata untuk mempertahankan ladang epal dari di ambil oleh kerajaan. Cerita ini dihasilkan oleh Faisal Tehrani yang membawa tema pengorbanan anak angkat terhadap ayah angkat mereka iaitu, Buchanan.

Berdasarkan cerita kerana manisnya epal, cikgu Norman telah menganalisis perkataan dengan memberikan maksud yang jelas dengan menerangkan, ...sebagai anak Buchanan, mereka (Yvonne dan Mazlina) sanggup berbuat apa sahaja sekalipun mengorbankan diri asalkan ladang epal milik ayah angkat mereka tidak diambil oleh kerajaan, terang cikgu Misha. Pada penghujung cerita, ladang epal milik Buchanan (ayah angkat) tidak jadi diambil oleh kerajaan kerana, *Kerana belle de boskop*. *Kerana Manisnya Epal* (Anak Laut, 2000: hlm.87).

Kajian mendapati, peserta kajian telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir membuat kesimpulan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Kemahiran membuat kesimpulan bermaksud membuat

pernyataan tentang hasil sesuatu kajian yang berdasarkan kepada sesuatu hipotesis atau mengukuhkan sesuatu perkara berdasarkan penyiasatan (PPK, Julai 2001: hlm.17). Kemahiran ini digunakan untuk membuat keputusan, menerangkan sesuatu, meramal dan menyokong sesuatu pernyataan. Dapatan kajian mendapati peserta kajian telah mengembangkan kemahiran berfikir membuat kesimpulan dalam pengajaran pemahaman bacaan mereka sebanyak lapan kali ( $m=1, n=7$ ).

Pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang pertama (pm i), beliau menggunakan bahan bacaan sajak berjudul Anak Laut karya Rahimidin Zahari yang dipetik daripada bacaan wajib komsas. Pada permulaan pengajaran, beliau menyuruh pelajar mendeklamasikan sajak, Mohd Ahnaf, cuba kamu deklamasi sajak ini, cikgu Misha memulakan pengajarannya.

Segar angin laut  
Mengembalikan rindunya pada kolek  
Bagai buih kecil terapung di air  
Menjaring sedikit rezeki  
Dan sisik ikan  
    Kulit ketam  
    Kepala sotong  
    Dan  
    Kaki udang yang bersimpati  
Seperti kolek yang terdampar di pasir  
Menampakkan urat jalur-jalur tua  
Anak laut itu sudah dapat meneka  
Langkahnya hampir tiba  
Pada muara Pencipta.

(Antalogi Anak Laut, DBP, 2000: hlm.16)

Pada masa pelajar mendeklamasi sajak, cikgu Misha menulis lima soalan tentang puisi dan pelajar menyalin di dalam buku latihan. Berbantuan bahan bantu

mengajar seperti kertas sebak, cikgu Misha menerangkan, ...sikap rajin dan tabah nelayan tua, walaupun sudah tua dia masih bertenaga ke laut untuk mencari rezeki. Nelayan tua sedar yang usianya sudah lanjut, dan ajalnya sudah hampir tiba di muara Pencipta, jelas cikgu Misha. Manakala maksud rangkai kata di muara Pencipta diertikan sebagai, ...nelayan tua yang sudah lanjut usia, sudah sampai dimuara (mati dan menunggu masa dijemput Ilahi (meninggal dunia)).

Pada masa pemerhatian yang kedua (pm ii), cikgu Norman telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir membuat kesimpulan dengan menyatakan kesimpulan tentang krisis moral pemandu. Aktiviti pengajaran yang dijalankan oleh cikgu Norman dengan membuat catatan beberapa kesimpulan yang diperoleh daripada pelajar. Kemudian cikgu Norman membuat kesimpulan menyeluruh dengan menyatakan, pemandu hendaklah mematuhi peraturan jalan raya dengan menghormati undang-undang supaya jumlah kemalangan dan kematian dapat dikurangkan, terang cikgu Norman.

Menerusi pengajaran dalam pemerhatian yang keempat (pm iv), cikgu Norman juga mengajar pemahaman bacaan bertajuk Pembeli Masa Sudah (Antalogi Anak Laut, 2000: hlm.20). Kemahiran berfikir membuat kesimpulan yang dikembangkan oleh cikgu Norman ialah membuat kesimpulan bagi maksud keseluruhan sajak dengan menyatakan penyajak ialah pengunjung pasar tetapi bukan pasar yang benar, kerana penyajak bercakap atas dasar pengalaman dengan mengembara ke setiap pelosok dunia yang penuh dengan kegelisahan dan kepayahan. Sewaktu di pasar, penyajak merupakan peraih yang cerewet, sukar membuat pilihan dan pembeli turut keliru kerana dia ialah pembeli masalah orang lain. Oleh sebab itu, kadang-kadang dia

menjadi pembeli masa yang sudah tidak seperti pasar yang betul yang menjual ikan dan sayur, masa sudah lebih mahal setelah senja dan murah pada sebelah pagi.

Begitu juga pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang kelima (Pm v), beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir membuat kesimpulan dengan menyimpulkan keseluruhan cerita Pusaran dengan menyatakan bahawa di antara manusia dan haiwan terbentuk hubungan yang mesra bukan sahaja hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Allah seperti yang terdapat dalam Al-Quran. Hal ini disebabkan oleh haiwan juga adalah ciptaan Tuhan dan ia juga mahu disayangi apatah lagi manusia dalam hubungan sesama manusia. Begitu juga pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan yang keenam (Pm vi), cikgu Norman mengembangkan kemahiran berfikir membuat kesimpulan dengan membuat kesimpulan tentang semangat cekal yang ditunjukkan oleh Bayoni dan Mazlina dalam cerpen Kerana Manisnya Epal yang tidak rela ladang epal ayah angkat mereka (Buchanan) diambil oleh kerajaan. Oleh itu, mereka mempertahankan tanah pusaka tersebut daripada di ambil oleh orang lain (pihak berkuasa).

Sementara itu pada masa pemerhatian yang ketujuh (pm vii), cikgu Norman telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir membuat kesimpulan melalui pengajarannya berjudul Penggunaan Internet dengan membuat kesimpulan bahawa internet banyak maklumat dan bersifat global. Namun sebagai pengguna, terutama murid sekolah janganlah terpengaruh dengan maklumat dan laman web yang tidak bermoral seperti laman web lucah dan tidak sesuai dilayari oleh golongan yang masih bersekolah. Sementara itu, pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang kelapan (Pm viii), beliau telah mengembangkan kemahiran



berfikir membuat kesimpulan dengan menjelaskan tentang keburukan peperangan sehingga mengakibatkan kemusnahan harta termasuklah tamadun dan khazanah kuno juga turut menjadi musnah.

Dapatan kajian mendapati, peserta kajian telah berjaya menjalankan pengembangan kemahiran berfikir sebanyak 66 kali di sepanjang kajian ini dijalankan iaitu, pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Kajian juga mendapati, peserta kajian ada menggunakan soalan dan penyoalan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Berikut akan dijelaskan pula dapatan kajian berhubung dengan soalan dan penyoalan yang telah digunakan oleh peserta kajian pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Dapatan kajian menunjukkan pada masa pemerhatian dijalankan ke atas peserta kajian 1 dan 2 (cikgu Misha dan cikgu Norman), mereka telah menggunakan soalan dan penyoalan untuk mendapat maklumat tentang petikan yang menjadi bahan bacaan seperti, Siapakah pengarang sajak ini? Apakah nilai-nilai murni yang dapat diambil dari petikan ini? Bentuk soalan dan penyoalan yang disoal dalam pengajaran biasanya memerlukan jawapan seperti mengetahui dan mengingat semula latar belakang pengarang sesebuah petikan dan sebagainya. Sebagai contoh, cikgu Misha meminta murid menyatakan nama pengarang sebuah sajak dalam antalogi Anak Laut yang menjadi petikan bacaan pada suatu masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Hasilnya pelajar dapat memberi jawapan dengan mudah dengan merujuk pada muka surat belakang berdasarkan antalogi tersebut.

Selain itu, peserta kajian 1 turut mengajukan soalan-soalan yang berkisar kepada teks implisit seperti aplikasi, analisis dan sintesis. Dalam hal ini beliau telah menjalankannya pada masa pengajaran pemahaman bacaan beliau yang pertama.

Beliau telah menganalisis sajak dengan menjelaskan maksud rangkai kata seperti kaki udang bersimpati, menampakkan urat-urat jalur tua dan bagai buih kecil terapung di air, (Anak Laut, 2000: hlm.7). Selain itu, Cikgu Misha juga telah bertanya soalan-soalan pada aras soalan skrip implisit (kemahiran berfikir aras tinggi) iaitu, penilaian/penghayatan. Biasanya soalan skrip implisit memerlukan jawapan di luar jangkauan pembaca yang jawapannya tidak boleh didapati berdasarkan petikan yang dibaca. Oleh yang demikian, pelajar dikehendaki mencari jawapan berdasarkan pengalaman sendiri atau berdasarkan kemahiran berfikir membuat ramalan. Hal ini dapat ditunjukkan pada masa pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang keenam, apabila beliau bertanya tentang apakah yang akan dilakukan oleh manusia sekiranya mereka menemui kegagalan setelah puas berusaha? Dalam hal ini, cikgu Misha menjelaskan:

Manusia telah dianugerahi otak supaya mereka boleh berfikir. Menggunakan fikiran dengan mengambil kira segala perancangan dan kekuatan yang ada akan menjadikan sesuatu usaha mendapat kejayaan. Sekiranya setiap usaha yang dirancang itu menemui kegagalan, maka manusia dikehendaki percaya bahawa semua itu adalah ketentuan Ilahi, ujar cikgu Misha.

Selain itu pada pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha, beliau telah menggunakan lembaran grafik sebagai bahan bantu mengajar untuk merangsang murid supaya terarah kepada pengajaran yang disampaikan seperti pada masa pengajaran pemahaman bacaan beliau yang pertama, kedua, ketiga, kelima, ketujuh dan yang kesembilan (Pm i, ii, iii, v, vii, Pm ix) berbanding cikgu Norman yang hanya dapat menyediakan lembaran grafik pada masa pengajaran pemahaman bacaan beliau yang

ketujuh (Pm vii) sahaja. Penggunaan kertas sebak sebagai lembaran grafik digunakan pada masa pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu adalah untuk membantu murid supaya dapat memahami dengan mudah apa yang hendak disampaikan oleh guru pada masa pengajaran di bilik darjah. Menurut cikgu Misha:

Lembaran grafik memudahkan murid mengenal pasti apa topik pelajaran yang disampaikan supaya mereka faham dan jelas. Apabila pelajar mengisi borang, mereka dapat mengesan apakah isi-isi penting dan hendak menguji kefahaman mereka setakat mana mereka faham.

(CLHA – 22.7.2004)

Pada masa pemerhatian yang ketiga (Pm iii), cikgu Misha telah mengajar pemahaman bacaan bertajuk Semangat Kejiranan dan dengan menggunakan buku teks cikgu Misha telah mengemukakan beberapa soalan seperti Siapakah nama jiran kamu? Berapakah anak beliau dan berapa lamakah kamu mengenalinya?

Dapatan kajian menunjukkan cikgu Misha telah menjalankan soalan kemahiran berfikir aras tinggi dan dalam hal ini, murid dikehendaki menyatakan pendapat tentang sesuatu tajuk. Misalnya pada masa pengajaran pemahaman bacaan bertajuk Budi Yang Tidak Terbeli, cikgu Misha bertanyakan watak Murni yang tidak bertindak balas ketika suami beliau sedang memarahinya. Pada pendapat kamu, wajarkah Murni tidak bertindak balas ketika Jamal sedang marah? Tanya cikgu Misha. Biasanya soalan-soalan dalam kategori pendapat ialah soalan-soalan yang digolongkan sebagai kemahiran berfikir dan menjadi soalan yang sering ditanya dalam peperiksaan SPM. Cikgu Misha menjelaskan:

memang dah wajib, sebab setiap soalan pemahaman memang ada soalan kemahiran berfikir. Nak tak nak cikgu kena kemukakan pelbagai soalan, sebab salah satu cara untuk menjawab soalan melalui KBKK. Kalau mereka tidak mahir untuk menjawab soalan dengan betul terutama soalan nombor tiga bagi kefahaman, ada minta pendapat calon atau pandangan daripada pelajar. Oleh itu, cikgu mesti membuat latihan untuk mencungkil pemikiran pelajar supaya mereka berfikiran kritis dan kreatif. Di samping itu, cikgu juga mestilah lebih kreatif untuk mengemukakan soalan-soalan kefahaman daripada pelbagai aras soalan.

(CLHA – 22.7.2004)

Soalan kemahiran berfikir aras tinggi memerlukan murid berfikir secara kritis dan kreatif dan berbincang kerana jawapan tersebut tidak terdapat dalam petikan. Mereka perlu mencari jawapan sendiri sama ada berdasarkan pengetahuan sedia ada atau pengalaman seseorang. Sebagai contoh pada masa pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang pertama (Pm i), beliau telah bertanya, Apakah rahsia kesejahteraan hidup manusia menurut penyajak dan pada pendapat kamu, mengapakah kedamaian sering terganggu? Soalan pada tahap penghayatan atau penilaian memerlukan pendapat aras tinggi dalam kalangan pembaca. Cikgu Norman menerangkan:

Biasanya soalan yang ketujuh bertanyakan tentang sejauhmanakah pandangan anda? Memang saya sengaja memberikan soalan ini. Maksudnya saya ingin mengetahui bagaimana pendapat pelajar sekiranya ada lagi pandangan ayahnya iaitu Mohsin kepada anaknya iaitu Junid dalam masyarakat kita pada hari ini sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima yang menyatakan anak tidak perlu belajar jauh-jauh, buang duit, perlu menolong keluarga. Bagaimana pendapat pelajar dan saya rasa mungkin mereka boleh menjana idea mereka untuk memberi pandangan. Saya rasa memang setiap pelajar boleh memberi pendapat mereka tentang soalan saya kemukakan ini. Dan saya rasa memang akan melihat pelbagai reaksi pelajar dan saya rasa memang pandangan sedemikian tidak lagi diterima dalam masyarakat moden yang mementingkan keilmuan, taraf pemikiran di dalam kehidupan.

(CLHA – 29.7.2004)

Dalam hal ini cikgu Norman menjelaskan, soalan pendapat murid adalah soalan yang dirancang supaya dapat mencungkil pelbagai idea dari pemikiran murid di samping menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dengan mencetuskan soalan meminta murid untuk berfikir tentang sesuatu masalah yang ditimbulkan. Contohnya pada masa pengajaran pemahaman bacaan cikgu Norman yang keenam (Pm vi), beliau telah mengajar bacaan dan kefahaman berjudul Kerana Manisnya Epal. Cikgu Norman menyuruh murid menyalin soalan-soalan seperti, nyatakan tema cerpen tersebut, berikan dua persoalan yang diketengahkan oleh pengarang, apakah yang dapat anda simpulkan tentang watak Bucanan, Mazlina dan Bayoni? Mengapakah Bucanan berasa kecewa? Apakah yang dimaksudkan oleh Bayoni, Kalian langkah mayat aku dahulu sebelum memusnahkannya. Pada pendapat anda, mengapakah Bucanan mengambil anak angkat? Jelaskan dua saranan pengarang berdasarkan cerpen ini?

Dapatan kajian menunjukkan semasa pemerhatian, kedua-dua peserta kajian telah melakukan soalan dan penyoalan dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Soalan dan penyoalan diajukan adalah untuk:

- (a) Mendapat gambaran awal isi kandungan pengajaran pemahaman bacaan.
- (b) Mengkategorikan soalan, aras rendah atau tinggi.
- (c) Memberi peluang murid untuk berfikir.
- (d) Menjawab soalan pemahaman.

Oleh yang demikian, dapatan kajian menunjukkan, soalan dan penyoalan yang telah digunakan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan ialah untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar tentang maklumat daripada bahan bacaan dan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

#### 4.4 Kesimpulan selepas pengajaran pemahaman bacaan

Bagi menjawab soalan ketiga kajian ini iaitu, bagaimanakah peserta kajian menyimpulkan pengajaran selepas pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat? Dapatan kajian menunjukkan, apabila selesai sesebuah pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah, peserta kajian akan memberikan tugas rumah seperti mencari makna bagi perkataan sukar dan menjawab soalan pemahaman berdasarkan bahan bacaan yang telah digunakan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas

tingkatan empat. Tugas rumah yang diberi dapat mengukur sejauh manakah pelajar-pelajar dapat memahami dan menguasai pembelajaran yang telah disampaikan oleh guru pada masa pengajaran. Cikgu Misha menjelaskan:

Selepas mengajar saya akan berikan latihan sebagai pengukuhan untuk menguji setakat mana mereka faham tentang apa yang cikgu ajar. Jadi, kalau sudah membuat latihan kita dapat mengesan apa masalah dan kesalahan para pelajar dan mereka tahulah apa yang betul dan apa yang salah semasa membuat latihan.

(CLHA – 7.10.2004)

Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran guru bukan sahaja berlaku di dalam bilik darjah semata-mata malah guru dimestikan memeriksa buku latihan murid apabila mereka berada di luar sekolah. Cikgu Misha menjelaskan:

Pada masa saya memeriksa buku latihan murid, saya seboleh-bolehnya mengikut format pemarkahan peperiksaan, terutamanya BM 1 (karangan), sememangnya saya pemeriksa dan perlu mengikut format yang betul. Manakala BM 2, pemahaman memang sudah ada pemarkahan dan setiap kesalahan seperti ejaan, bahasa dan sebagainya akan mengakibatkan markah akan dipotong.

(CLHA – 7.10.2004)

Aktiviti memeriksa buku latihan murid merupakan aktiviti yang dilakukan oleh guru apabila selesai mengajar pemahaman bacaan. Oleh itu, seseorang guru tentu

mempunyai kaedah atau teknik tersendiri dalam melaksanakan aktiviti selepas pengajaran pemahaman bacaan. Menyentuh perkara ini, cikgu Mohd.Hata, seorang guru berpengalaman dan penulis buku teks sekolah rendah dan kini mengajar di sekolah berasrama penuh menjelaskan:

Perkara yang dilakukan selepas pengajaran pemahaman bacaan ialah mengadakan perbincangan tentang pemahaman yang telah dijalankan, arah kita ialah para pelajar mesti faham tentang teks dan akhirnya kebiasaannya kita mesti mengemukakan soalan bertulis untuk diakhiri dengan gerakerja bertulis. Jawapan kepada soalan tersebut akan diberikan kemudian dan di situlah kita dapat nampak sama ada pelajar boleh menjawab atau tidak. Di situlah berlakunya proses berfikir dan seperti yang diketahui arasnya berbeza. Soalan satu, dua dan soalan nombor tiga, dan kalau kita kemukakan tiga soalan dan soalan yang ketiga itu merupakan soalan KBKK. Sementara dua soalan lain lebih berdasarkan kepada teks yang dibaca.

(CLHA – 17.8.2004)

Oleh yang demikian, setiap petikan dalam pemahaman bacaan lazimnya diikuti dengan tiga soalan dan soalan yang ketiga ialah soalan berbentuk kemahiran berfikir yang memerlukan pelajar menjawab dengan menggunakan pengalaman sedia ada atau dengan menggunakan pemahaman kemahiran berfikir yang dikembangkan pada masa penagajaran pemahaman bacaan. Cikgu Misha menjelaskan:



Pada peringkat awal mereka agak ragu-ragu, tidak yakin, tidak berani, takut salah. Lama kelamaan apabila dilatih, mereka berani dan mereka boleh menjawab dengan idea yang bernas. Bagi soalan yang ketiga, kalau berbentuk pendapat, sejauhmana logik akal yang diberikan oleh pelajar, guru hendaklah membimbing supaya pelajar dapat memberikan jawapan, dan setiap jawapan yang dijawab boleh menentukan sama ada markah rendah atau tinggi.

(CLHA – 12.8.2004)

#### 4.5 Masalah pengembangan kemahiran berfikir

Masalah pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran bukan sahaja berlaku kepada guru-guru yang berpengalaman malah guru-guru baharu tidak terkecuali dan berhadapan dengan pelbagai masalah apabila menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Seperti yang dijelaskan oleh peserta kajian, masa tidak mencukupi untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan dibeban lagi dengan pengajaran untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Selain itu, pengetahuan ilmu pengetahuan untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran menimbulkan masalah sehinggakan pelaksanaan kemahiran berfikir yang diharapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia supaya dikembangkan dengan jayanya dalam pengajaran, hanya tinggal harapan sahaja.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran menimbulkan seribu satu persoalan khususnya dalam kalangan guru-guru. Walaupun penegasan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam

pengajaran sudah lama diperkenalkan, namun pelaksanaannya masih kurang memuaskan. Berdasar kajian ini dan untuk menjawab soalan kajian yang keempat iaitu, apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, dapatan kajian mendapati beberapa masalah untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran diperoleh seperti, faktor kesuntukan masa untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Contohnya, masa yang diperuntukkan ialah 40 minit, manakala masa 80 minit telah digunakan untuk menjalankan pengajaran penulisan karangan. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu terpaksa berhadapan dengan masa yang terhad untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Dalam pengajaran pemahaman bacaan, aktiviti yang dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan seperti membaca senyap, membaca kuat, perbincangan dalam kumpulan, menjawab soalan kefahaman, sesi pembentangan dan diakhiri dengan aktiviti pengukuhan. Cikgu Misha menjelaskan:

Masalahnya ialah masa terhad. Cikgu tidak sempat untuk membuat pengembangan, menilai pelajar dari segi kemahiran berfikir secara lisan. Jadi cikgu tidak cukup masa untuk memfokuskan kepada kemahiran pelajar seperti kemahiran komunikasi. Kalau kita banyak mencungkil idea daripada pelajar, masa untuk membuat latihan akan berkurangan.

(CLHA – 20.10.2004)

Selain faktor masa, persediaan untuk membuat bahan bantu mengajar untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah juga menjadi masalah kepada guru. Sebagai contoh, untuk menggunakan bahan bantu mengajar seperti *Overhead projector*, pun menjadi masalah kepada guru kerana kemungkinan kurang mahir untuk mengendalikan peralatan elektronik dan sebagainya. Cikgu Misha menjelaskan:

Masalahnya bahan bantu mengajar, penggunaannya menjadi susah, kena pinjam, buat temu janji, isi borang, nampak rumit. Itu yang menjadikan guru malas untuk mengembangkan kemahiran berfikir. *Overhead projector* kena bawa masuk kelas, guru yang kurang mahir mengendalikan pun akan mendatangkan masalah kepada mereka.

(CLHA – 20.10.2004)

Cikgu Norman menambah:

Sememangnya kalau hendak lebih menarik lagi pengajaran pemahaman bacaan dengan mengembangkan kemahiran berfikir, memerlukan bahan bantu mengajar yang menarik dan dapat menarik minat pelajar. Tetapi, bila tidak berkesempatan dan kurang bersedia, berlakulah pengembangan setakat mampu sahaja, dan penyediaan bahan bantu mengajar pun biasa sahaja.

(CLHA – 25.10.2004)

Bahan bantu mengajar merupakan bahan yang dapat merangsang pelajar supaya mereka dapat mengikuti pembelajaran di bilik darjah dengan berkesan. Oleh hal yang demikian, menyediakan bahan bantu mengajar sebelum pengajaran

pemahaman bacaan adalah masalah kepada guru kerana menyediakan sendiri bahan bantu yang sesuai memerlukan komitmen guru sepenuhnya. Sebagai contoh bahan bantu mengajar seperti radio, kaset, keratan akhbar, bahan bacaan dari portal pendidikan dan sebagainya memerlukan penyediaan yang rapi supaya pengajaran pemahaman bacaan yang mengembangkan kemahiran berfikir dapat berjalan dengan lancar di bilik darjah.

Selain itu, pengetahuan kemahiran berfikir pun bermasalah kepada guru. Walaupun kemahiran berfikir sudah dilaksanakan semenjak tahun 1992, namun perlaksanaan untuk mengembangkan dalam pengajaran masih tidak menggalakkan. Laporan yang diterbitkan oleh PPK, menyatakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran masih berada pada tahap kurang memuaskan. Sungguhpun beberapa langkah ke arah untuk menggalakkan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran telah dilaksanakan, namun pelaksanaannya masih tidak memberangsangkan.

Apabila masalah ini diajukan kepada beberapa orang guru bahasa, mereka menyatakan pengetahuan kemahiran berfikir bukanlah masalah sangat kerana pengetahuan kemahiran berfikir telah didedahkan semenjak di maktab perguruan atau di universiti sejak dahulu lagi. Namun begitu, cikgu Arshad berpandangan:

Memang ada kursus kemahiran berfikir yang dianjurkan oleh PPD dan pendedahan memang telah ada semasa di universiti dahulu. Namun guru berkehendakkan *refresh* atau sesuatu yang baharu atau pelaksanaan kemahiran berfikir kena beri nafas baharu, barulah pelaksanaannya berkesan di sekolah-sekolah.

(CLHA – 27.10.2004)

Sehubungan dengan itu, beberapa kursus telah, sedang dan akan diadakan sama ada pada peringkat KPM, JPN dan PPD namun isu pengembangan kemahiran berfikir masih menjadi pokok persoalan hingga ke hari ini. Persoalannya, siapakah yang patut dipertanggungjawabkan dalam hal ini? Adakah patut dipersalahkan guru semata-mata?

Oleh yang demikian, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran wajib dihidupkan kembali mengenai isi kandungan pelaksanaan kemahiran berfikir yang pernah didedahkan pada suatu masa dahulu. Menjalankan kursus secara *in house training* secara efisien perlu digerakkan terutama bagi keselesaan guru-guru supaya dapat menghasilkan persediaan mengajar yang standard dan terarah kepada pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Selain itu, modul untuk melaksanakan kemahiran berfikir perlu dihasilkan segera supaya ia dapat menjadi panduan kepada guru-guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah.

#### 4.6 Kesimpulan

Melaksanakan pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu sambil mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran merupakan satu kaedah penyampaian di bilik darjah. Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan di samping mewujudkan situasi pembelajaran yang memberangsangkan dalam kalangan murid.

Data dalam kajian ini membuktikan bahawa, guru perlu bersedia lebih awal dengan perancangan yang rapi dari segi pengetahuan kemahiran berfikir, peralatan yang hendak digunakan dan mengetahui pengalaman yang sedia ada dalam diri murid sebelum sesuatu pengajaran pemahaman bacaan dengan mengembangkan kemahiran berfikir hendak dijalankan di bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan, pengajaran pemahaman bacaan dengan mengembangkan kemahiran berfikir akan menjadikan pengajaran pemahaman bacaan bertambah menarik.

Ditinjau dari aspek pelajar, mereka perlulah bersedia dengan apa yang hendak diajar oleh guru dan data kajian menunjukkan apabila wujud suasana guru dan murid saling berinteraksi tentang sesuatu perkara dalam pengajaran pemahaman bacaan, maka pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan akan berlangsung dalam suasana yang menyeronokkan dan pengajaran pemahaman bacaan yang mengembangkan kemahiran berfikir akan lebih berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan, guru bersedia sebelum memulakan pengajaran pemahaman bacaan. Di samping itu, mereka perlu memiliki ilmu pengetahuan kemahiran berfikir dan bersedia dengan bahan bantu mengajar apabila menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Selain itu, peserta kajian juga telah bersedia dengan langkah-langkah pengajaran seperti merancang bahan bacaan yang hendak digunakan, bersedia dengan aktiviti bagi membolehkan kemahiran berfikir boleh dikembangkan supaya pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat mencapai objektif pelaksanaan seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam sistem pendidikan kita.

## BAB V

### RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah dan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pelajaran sudah menjadi matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia. Hasrat tersebut adalah selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Lantaran itu, selain berperanan sebagai bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu juga merupakan bahasa untuk perpaduan rakyat di Malaysia. Oleh yang demikian, matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan.

Dalam usaha melengkapkan murid-murid dengan ketrampilan berbahasa, beberapa strategi pengajaran dan pembelajaran telah dikembangkan pada masa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Di antaranya ialah pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru, mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran, pengembangan dan penggabungjalinan sesuatu kemahiran. Penggabungjalinan ialah proses mengembangkan pelbagai ilmu, nilai murni dan kemahiran nilai tambah di dalam mata pelajaran yang diajar seperti pengembangan kemahiran berfikir secara terancang dengan kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Hasil kajian menunjukkan peserta kajian pertama iaitu, cikgu Misha berjaya mengembangkan sebanyak tujuh kemahiran berfikir dalam satu pengajaran pemahaman bacaan. Hal ini dapat dilihat pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan beliau yang kelima (pm v) di kelas tingkatan empat. Pada masa pengajaran pemahaman bacaan tersebut, cikgu Misha telah mengembangkan kemahiran berfikir seperti berikut dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah:

- (1) kemahiran berfikir menganalisis,
- (2) kemahiran berfikir menilai,
- (3) kemahiran berfikir menjana idea
- (4) kemahiran berfikir menghubungkan kait
- (5) kemahiran berfikir meramal
- (6) kemahiran berfikir mereka cipta dan
- (7) kemahiran berfikir membuat keputusan

Sehubungan dengan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dalam bilik darjah, faktor masa dan tidak ada bahan bantu mengajar merupakan faktor yang menjadi masalah kepada guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Selain itu, pengajaran pemahaman bacaan yang tidak dirancang, guru kurang bersedia untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan menambah



lagi masalah pelaksanaannya. Sebagai contoh, dapatan kajian menunjukkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dan membuat hipotesis tidak dapat dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan pada masa data kajian ini dikutip. Hasil kajian mendapati, kedua-dua peserta kajian tidak dapat melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dan membuat hipotesis dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana beberapa masalah. Di antaranya ialah:

- (a) Komponen kemahiran berfikir banyak dan kemungkinan ada komponen yang tidak dapat dikembangkan pada masa pengajaran pemahaman bacaan
- (b) Kedua-dua komponen kemahiran berfikir tersebut agak sukar untuk dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu
- (c) Peserta kajian tidak bersedia untuk menjalankan pengembangan bagi kedua-dua kemahiran berfikir tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati sebahagian besar komponen kemahiran berfikir telah dapat dikembangkan pada masa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Seperti yang dijelaskan, untuk menjadikan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya lebih berkesan, peserta kajian perlu membuat perancangan dan persediaan sebelum pengajaran seperti memilih bahan bacaan, merancang kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan dalam pengajaran supaya pengajaran pemahaman bacaan bertambah menarik. Dapatan kajian jelas menunjukkan peserta kajian telah merancang aktiviti untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan tidak membosankan. Langkah pengajaran yang dirancang dengan persediaan yang rapi

sebelum pengajaran pemahaman bacaan mampu menghasilkan corak pengajaran yang berkesan di samping dapat mencapai objektif dalam pengajaran.

Seterusnya akan dibincangkan rumusan dapatan kajian, perbincangan hasil penyelidikan, strategi pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan mencadangkan sebuah model pengajaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah-sekolah.

## 5.2 Rumusan dapatan kajian

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan persediaan sebelum mereka mengajar pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Data menunjukkan peserta kajian telah bersedia sebelum mengajar dengan menulis catatan dalam buku rekod mengajar, menyediakan bahan bacaan yang sesuai, membuat persediaan bahan bantu mengajar dan mencatat aktiviti yang hendak dijalankan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Strategi pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan dirancang supaya pengajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Pengumpulan data tentang bagaimanakah peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, bermula daripada peserta kajian mengajar dengan menjalankan set induksi, diikuti dengan langkah-langkah pengajaran dan aktiviti dalam bilik darjah sehinggalah tamat proses sesuatu pengajaran dan pembelajaran pemahaman bacaan. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir sebanyak 66 kali dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian kerap menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Contohnya, pada masa pemerhatian pengajaran pemahaman bacaan cikgu Misha yang kelima (pm v), beliau telah menjalankan pengembangan sebanyak tujuh kemahiran berfikir, manakala cikgu Norman telah mengembangkan lima kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan yang kelima (pm v) di kelas tingkatan 4A3. Pada masa pengajaran tersebut, beliau telah memilih bahan bacaan berupa sajak berjudul Manusia dan Kesejahteraan.

Hasil kajian menunjukkan peserta kajian telah merancang dengan soalan dan penyoalan dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Mereka membuat persediaan dengan membina soalan-soalan sebelum menjalankan pengajaran pemahaman bacaan. Misalnya peserta kajian yang kedua dalam pemerhatian yang kelima (pm v) bertanya, siapakah penulis sajak Manusia dan Kesejahteraan? Salmi Manja, cikgu. Lazimnya soalan pada aras pengetahuan dan pengecaman seperti yang disoal oleh cikgu Norman bertujuan untuk mendapatkan jawapan daripada pelajar sebagai pencetus suasana supaya pengajaran pemahaman bacaan tidak kaku dan membosankan. Soalan-soalan mudah yang sering ditanya oleh peserta kajian dalam langkah pengajaran awal menunjukkan mereka telah menggunakan aras pengelasan pengetahuan dan pengecaman soalan dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Pada masa pengajaran pemahaman, peserta kajian telah bersedia dengan bahan bacaan dan ada di antaranya yang dipetik daripada portal pendidikan, lembaran grafik, peta minda, keratan akhbar dan sebagainya. Bahan bacaan dapat membantu peserta kajian untuk menyampaikan isi pelajaran dengan mudah dan menarik. Data kajian

menunjukkan peserta kajian telah menyediakan bahan bacaan dengan menggunakan petikan rencana daripada portal pendidikan, laman web, petikan akhbar dan sebagainya. Bahan bacaan yang dipilih membolehkan peserta kajian menjalankan aktiviti seperti membaca senyap, bacaan nyaring, mencari makna perkataan dan menjawab soalan kefahaman. Melalui soalan kefahaman, peserta kajian boleh merancang membina soalan dengan membuat pilihan sama ada soalan yang akan ditanya nanti digolongkan sebagai soalan dari aras pengetahuan, pengecaman, aplikasi, penilaian atau penghayatan.

Data kajian menunjukkan, pada setiap kali pengajaran pemahaman bacaan berlangsung di bilik darjah, peserta kajian telah menjalankan aktiviti membaca senyap dan bacaan kuat. Apabila ditanya, peserta kajian menjelaskan aktiviti ini dirancang dan dijalankan untuk menjawab soalan kefahaman di samping mengetahui sebutan dan intonasi disebut dengan betul oleh pelajar. Data menunjukkan aktiviti seperti perbincangan dalam kumpulan (empat atau lima orang pelajar) selalu dibuat dalam pengajaran pemahaman bacaan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang memberangsangkan dengan melakukan kaedah sumbangsaran dalam kalangan pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah mendeklamasikan sajak, membaca pantun sebagai aktiviti penyimpulan apabila selesai sesuatu pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Di samping itu, mereka (peserta kajian) juga telah mencipta sajak dan pantun selepas pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir mereka cipta dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Kajian menunjukkan, pada akhir pengajaran dalam pemerhatian yang kelima (pm v), cikgu Misha telah mencipta pantun sebagai penyimpulan pengajaran kerana beliau telah mengembangkan kemahiran berfikir mereka cipta dalam pengajarannya.

Hasil kajian mendapati, peserta kajian sering dibeban dengan masalah untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan seperti kurang pengetahuan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dan tidak ada modul yang boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Dapatan kajian mendapati faktor ini telah menyebabkan kemahiran berfikir tidak dapat dikembangkan dengan berkesan dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Sebagai langkah untuk memantapkan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, peserta kajian telah memberi kerja rumah kepada pelajar sebagai aktiviti tambahan seperti mencari makna perkataan dengan menggunakan kamus, menjawab soalan-soalan kefahaman dan membina ayat dengan menggunakan perisian komputer dan sebagainya.

Dapatan kajian menunjukkan, peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Data menunjukkan pelaksanaan mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran diperkukuhkan dengan menjalankan analisis dokumen yang mempunyai hubungkait dengan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Bukti dokumen seperti buku panduan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Julai 2001, buku rekod mengajar, catatan minit mesyuarat panitia, buku teks tingkatan empat, Huraian Sukatan Pelajaran dan Rancangan Pelajaran Tahunan Bahasa Melayu digunakan sebagai bukti dokumen untuk menghuraikan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Maklumat yang diperolehi mengenai pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat melalui teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen. Sebagai rumusan, berikut dijelaskan perbandingan bagi ketiga-tiga teknik iaitu, teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen yang telah digunakan semasa kajian ini dijalankan. Di antaranya ialah:

- (a) Bagi teknik pemerhatian, sebanyak 17 kali pemerhatian telah dijalankan ke atas pengajaran pemahaman bacaan (cikgu Misha:  $m=9$ ) dan peserta kajian 2 (cikgu Norman:  $n=8$ ). Teknik pemerhatian yang dijalankan ialah untuk menyiasat dengan memahami bagaimana peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (b) Dalam teknik temu bual, sebanyak 27 kali temu bual telah dijalankan ke atas peserta kajian dan responden lain untuk mendapatkan maklumat tentang persediaan sebelum dan selepas mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Melalui temu bual penyelidik dapat mengetahui tentang masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.
- (c) Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kemahiran berfikir telah dianalisis sebagai bukti seperti buku rekod mengajar, buku latihan murid, minit mesyuarat panitia, buku panduan kemahiran berfikir, buku teks dan beberapa dokumen lain yang dapat membantu penyelidik untuk

menghuraikan tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan.

- (d) Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga teknik yang telah digunakan dalam kajian ini, memberi maklumat untuk menjawab soalan kajian seperti bagaimanakah peserta kajian menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan, apakah masalah yang dihadapi oleh peserta kajian untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan bagaimanakah mereka mengatasi masalah tersebut.
- (e) Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir sebanyak 66 kali dan melibatkan 17 komponen kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Analisis perbandingan bagi ketiga-tiga teknik pengutipan dan pengumpulan data bagi teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen, menunjukkan peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Berikut akan dibincangkan pula dapatan hasil kajian tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

### 5.3 Perbincangan hasil penyelidikan

Dalam kajian ini teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah digunakan bagi mendapat data tentang pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu di sekolah menengah. Oleh itu dalam perbincangan ini, dapatan kajian berdasarkan teknik pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen dibincangkan dan dicadangkan sebuah model pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran supaya pelaksanaan kemahiran berfikir lebih mudah untuk dilaksanakan dalam pengajaran.

Data kajian menunjukkan peserta kajian telah bersedia sebelum mereka menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Mahzan (2001), pemahaman bacaan bukan sahaja perlu memfokuskan teks yang dibaca malah pengajaran pemahaman bacaan perlu juga memikirkan tentang diri murid-murid. Pernyataan tersebut menunjukkan, sebelum sesuatu pengajaran pemahaman bacaan dijalankan, persediaan dengan memilih bahan bacaan yang sesuai perlu disediakan supaya proses pengajaran pemahaman bacaan dapat berjalan dengan lancar.

Kajian mendapati, peserta kajian telah menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Dapatan ini jelas seperti yang telah dinyatakan oleh Fisher (1990), Morgan & Saxton (1991), Mohd.Hussain Ibrahim (1995) dan Phillips (1996), yang merumuskan, kemahiran berfikir boleh diajar kepada murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kini ramai berpendapat dan sudah boleh menerima hakikat bahawa kemahiran berfikir memang boleh diajar secara dikembangkan dalam mata pelajaran di bilik darjah (Rejendran,2001:4). Dapatan kajian juga telah menunjukkan peserta kajian telah melaksanakan pengembangan



kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Clarke (1990) menyatakan, kemahiran berfikir dapat dikembangkan dalam mata pelajaran dan tidak diajar secara terpisah. Swartz dan Parks (1994) berpendapat, kemahiran berfikir akan lebih berkesan jika diajar secara bersepadu dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah. Beyer (1988) pula berpendapat, kemahiran berfikir perlu diajar secara tidak langsung dan guru mesti memahami kemahiran berfikir terlebih dahulu sebelum proses pengajaran berlangsung di bilik darjah.

Kajian mendapati peserta kajian telah mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dan tidak diajar secara terpisah. Dalam hal ini, peserta kajian yang telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran mempunyai pengetahuan kemahiran berfikir dan tahu bagaimana untuk melaksanakannya dalam pengajaran sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Phillips (1996) dalam kajiannya, guru hendaklah memainkan peranan yang penting semasa di bilik darjah untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan murid berfikir dan menjadikan amalan begini sebagai satu budaya berfikir (Phillips, 1996: hlm.72).

Walau bagaimanapun, kajian mendapati terdapat dua kemahiran berfikir yang tidak dapat dikembangkan semasa pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Oleh itu, dapatan seterusnya ialah pembincangan tentang sebab mengapa dua kemahiran berfikir iaitu, mengesan kecondongan dan membuat hipotesis tidak dapat dikembangkan oleh peserta kajian dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Kemahiran berfikir mengesan kecondongan bermaksud menyatakan, mengesan pandangan atau pendapat yang berpihak kepada sesuatu, atau menentang sesuatu (PPK, 2001: hlm.13). Kemahiran berfikir mengesan kecondongan boleh

dikembangkan apabila terdapat sesuatu pernyataan yang cuba mempengaruhi pendapat seseorang dengan mengenal pasti kecondongan pandangan seseorang. Pada masa pemerhatian dalam kajian ini, kemahiran berfikir mengesan kecondongan tidak dapat dikembangkan oleh peserta kajian kerana beberapa faktor. Peserta kajian kedua, cikgu Norman menjelaskan:

Bukan semua kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan Bahasa Melayu. Kadang-kadang satu-satu komponen, kita boleh ulang pengembangan beberapa kali kerana ia senang untuk dilaksanakan, dan kadang-kadang kemahiran berfikir gagal untuk dikembangkan, mungkin kerana bukan kita mengajar kemahiran berfikir tetapi kita mengajar pemahaman bacaan, kalau ada kemahiran berfikir, itulah yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman.

(CLHA – 27.9.2004)

Penjelasan peserta kajian kedua menunjukkan, mereka telah melaksanakan pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat tetapi mereka tidak dapat memberi tumpuan terhadap pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Contohnya kemahiran berfikir mengesan kecondongan dan kemahiran berfikir membuat hipotesis tidak dapat dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan.

Oleh yang demikian, untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan, peserta kajian perlu menyediakan bahan bacaan untuk membolehkan mereka membuat pernyataan sama ada menyokong atau membangkang sesuatu isu berdasarkan petikan. Seorang guru bahasa menjelaskan:

...memang benar, tidak semua kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan, tetapi yang boleh dipastikan, ada kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana sesuai, mudah dan tidak memerlukan guru berfikir semata-mata pengembangan kemahiran berfikir dengan mengabaikan pengajaran pemahaman bacaan itu sendiri.

(CLHA – 27.10.2004)

Penjelasan itu menunjukkan bahawa kemahiran berfikir yang tidak dapat dikembangkan dalam kajian ini memerlukan persediaan bahan bacaan, mempunyai pengetahuan yang banyak mengenai kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan.

Selain itu, cikgu Misha menjelaskan:

bukan semua kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam sesuatu pengajaran pemahaman bacaan, yang penting guru perlu bersedia dengan bahan bacaan yang boleh menjurus kepada pengembangan kemahiran berfikir. Pengembangan sesuatu kemahiran berfikir dalam sesebuah pengajaran bergantung kepada kebijaksanaan guru, ujar cikgu Misha.

Berikut dicadangkan bagaimana caranya untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dalam pengajaran pemahaman bacaan. Sebagai panduan kepada guru, kemahiran berfikir mengesan kecondongan dapat dikembangkan dalam pengajaran, apabila:

- (a) Terdapat sesuatu pernyataan yang cuba mempengaruhi keputusan atau pendapat.

- (b) Menimbang ketepatan sesuatu sumber maklumat atau pernyataan.
- (c) Mengenal pasti kecondongan pandangan.

Apabila maklumat (a-c) dikuasai, langkah seterusnya ialah menggunakan kemahiran berfikir mengesan kecondongan seperti:

- (a) Nyatakan matlamat.
- (b) Kenal pasti jenis petunjuk seperti:
  - (i) Kenyataan yang berbentuk emosi.
  - (ii) Pengitlakan yang keterlaluan.
  - (iii) Soalan retorik–bersifat mempengaruhi.
  - (iv) Persembahan berat sebelah.
  - (v) Menyatakan pendapat sebagai fakta .
- (c) Analisis maklumat untuk mendapat petunjuk.
- (d) Padankan pernyataan yang berunsur kecondongan.
- (e) Buat penilaian sejauh manakah kecondongan tersebut.

Jadual 7 ialah contoh pengajaran untuk mengembangkan kemahiran berfikir mengesan kecondongan dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Jadual 7  
Contoh pengajaran kemahiran berfikir  
mengesan kecondongan dalam pengajaran

contoh bahan bacaan

**BMI!**

Inilah produk yang dinanti-nanti oleh semua penggemar yang inginkan bentuk badan yang diidam-idamkan. Anda sudah pasti telah mencuba pelbagai produk untuk mengurangkan berat badan tetapi tidak ada satu pun yang berkesan, malah berat badan anda kembali seperti sediakala selepas berhenti memakannya. BMI ialah sejenis herba asli yang boleh menurunkan berat badan, tanpa perlu berlapar atau melakukan senaman. Anda tidak perlu risau, berat badan anda tidak akan datang semula selepas berhenti mengambil BMI. Segeralah mendapatkan di pasaran atau daftarlah hari ini untuk mendapat potongan harga yang menarik. **BMI** selamat dan terbukti berkesan.

PPK, 2001: hlm.14-15

Langkah	Penerangan	
1. Nyatakan matlamat	Mengeskan iklan tersebut mempunyai unsur kecondongan	
2. Jenis petunjuk kecondongan	a. Pernyataan berbentuk emosi b. Pengitlakan yang keterlaluan c. Retorik – bersifat keterlaluan d. Berat sebelah e. Pendapat sebagai fakta	
3. Analisis maklumat	Membaca petikan iklan untuk mengesan kecondongan	
4. Padankan pernyataan yang berunsur kecondongan	Pernyataan berunsur kecondongan	Jenis Petunjuk
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengambil BMI boleh mengurangkan berat badan</li> </ul>	Iklan yang keterlaluan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanpa berlapar atau bersenam</li> </ul>	Keterlaluan menyatakan pendapat sebagai fakta
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan BMI</li> </ul>	Pernyataan berbentuk emosi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Boleh menurun berat badan</li> </ul>	Pernyataan berat sebelah
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga menarik</li> </ul>	
5. Nilaikan sejauh manakah kecondongan	Setelah menilai, hampir seluruh iklan tersebut mempunyai kecondongan: menyatakan pendapat sebagai fakta	

Selain itu, kemahiran berfikir membuat hipotesis juga boleh dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan, apabila langkah pengajarannya dapat diikuti seperti berikut:

- (a) Perhatikan situasi atau keadaan.
- (b) Nyatakan mengapa situasi terjadi.
- (c) Beri jawapan sebagai hipotesis.
- (d) Semak hipotesis sama ada boleh diuji.

Kemahiran berfikir membuat hipotesis bermaksud membuat pernyataan umum yang menghubungkan kaitkan dengan pemboleh ubah untuk menerangkan sesuatu perkara. Pernyataan tersebut boleh diuji bagi membuktikan kesahihannya. Kemahiran membuat hipotesis dikembangkan apabila hendak menjalankan eksperimen, kajian atau menjalankan penyelidikan.

Contoh bahan bacaan:

Dalam sebuah ladang ternakan lembu, terdapat kawasan rumput yang mencukupi dan sebuah bangsal untuk lembu berteduh. Hasil pengeluaran susu dari ladang ini pada hari biasa purata ialah 1.5 liter, manakala pada hari hujan meningkat 20 liter. Buat hipotesis berdasarkan pernyataan ini (PPK,2001: hlm.23).

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan boleh dijalankan dengan menjalankan ujian seperti:

- (a) Situasi: pengeluaran susu pada hari hujan lebih banyak daripada hari biasa.
- (b) Buat hipotesis untuk menguji sebagai pernyataan awal.
  - (i) hari hujan, lembu makan rumput di bangsal.
  - (ii) hari hujan lembu kurang bergerak.
  - (iii) hari hujan lembu lebih banyak di bangsal untuk diambil susu.
- (c) Semak hipotesis sama ada boleh diuji atau tidak, sekiranya tidak boleh diuji semua pernyataan tersebut tidak boleh dijadikan hipotesis.

Dapatan kajian juga mendapati peserta kajian telah menggunakan soalan untuk membolehkan pelajar berfikir pada masa pengajaran pemahaman bacaan. Tujuan soalan dan penyoalan dalam pengajaran adalah untuk mendapatkan jawapan dan membantu murid menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Menurut Mahzan, teknik menyoal yang digunakan oleh guru haruslah dapat membantu murid untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka dan guru haruslah bertindak sebagai fasilitator bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif (Mahzan Arshad, 1994).

Guru-guru digalakkan membina soalan kefahaman yang dapat memperkukuhkan daya pemikiran pelajar berdasarkan dimensi dalam kemahiran berfikir (Mahzan Arshad, 2003). Dapatan kajian menunjukkan soalan yang diaju oleh peserta kajian bertujuan untuk mencungkil jawapan pelajar, di samping dapat menyelesaikan masalah dalam pembelajaran mereka.

Faktor pengalaman seseorang guru memainkan peranan penting dalam mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan, peserta kajian 2 (cikgu Norman), tidak banyak mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat berbanding peserta kajian 1 yang berkemahiran dalam melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, seperti yang dibincang awal lagi, faktor penghalang seperti tidak ada bahan bantu mengajar, kekurangan pengalaman untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan menjadi punca kegagalan untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Data menunjukkan peserta kajian yang kedua hanya dapat mengembangkan enam kemahiran berfikir berbanding dengan peserta kajian 1 (cikgu



Misha) yang telah mengembangkan kemahiran berfikir sebanyak 17 kali dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat.

Kajian yang telah dijalankan oleh Zamri Mahamod, Razali Bidin dan Anita Abdul Rahman (2002), mendapati pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan melibatkan aspek-aspek yang dinyatakan seperti faktor pengalaman mengajar dan kehadiran kursus KBKK menjadi faktor penentu untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dengan berkesan. Oleh itu, pengalaman mengajar di antara peserta kajian 1 dan 2 dalam kajian ini menunjukkan perbezaan dari aspek kekerapan mereka mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran membantu guru untuk menyampaikan pelajaran yang berkesan sambil mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Kajian mendapati, peserta kajian yang menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajarannya dapat mengembangkan kemahiran berfikir dengan berkesan. Sebagai contoh, peserta kajian 1 yang menggunakan lembaran grafik dan peta minda untuk mengembangkan kemahiran berfikir pada masa pemerhatian yang kelapan (pm viii) Berjaya mengembangkan kemahiran membanding dan membezakan dengan berkesan. Cikgu Misha dapat menjelaskan perbezaan dua zaman sebelum dan sesudah merdeka dengan mudah. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran membantu guru supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan. Gagne, Briggs & Wager (1992) mendapati, guru-guru yang menggunakan bahan bantu mengajar dapat membantu pengajaran guru dengan berkesan. Oleh yang demikian, menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran, seseorang guru dapat menarik perhatian pelajar,

menyatakan objektif pelajaran dengan mudah, merangsang proses pengajaran dengan berkesan, menimbulkan rangsangan pelajar dan dapat memberi bimbingan kepada pelajar terutama untuk menjawab soalan kefahaman dalam pengajaran pemahaman bacaan.

### 5.3.1 Buku teks membantu guru mengembangkan kemahiran berfikir

Penggunaan buku teks sebagai bahan bacaan dalam pengajaran pemahaman bacaan dapat membantu guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan kerana buku teks Bahasa Melayu tingkatan empat mengandungi enam kriteria bacaan dan kefahaman iaitu:

A: sebagai aktiviti prabacaan.

B: membaca dan mengimbas.

C: membaca untuk memperoleh makna.

D: membaca untuk memperoleh maklumat.

E: membaca untuk membuat taakulan.

F: membaca untuk membuat penilaian.

G: membaca untuk membuat penghayatan dan intertekstualiti.

(bahagian II, buku teks BM Tingkatan 4, 2004: hlm. 33-37)

Aktiviti prabacaan (A), pengarang menyarankan guru tentang tatacara untuk mencatatkan jurnal pembaca supaya pembaca boleh mencatatkan pelbagai maklumat semasa mereka membaca sesebuah petikan.

Membaca dan mengimbas (B), pengarang menggunakan sedutan cerpen berjudul Begitu Kehendak Tuhan hasil nukilan Rejab F.I. (1994). Sebelum guru dan murid membaca cerpen, pengarang menyarankan supaya membaca petikan dan menjawab empat soalan supaya aktiviti bacaan yang dilakukan lebih bermakna. Di antara soalan yang dikemukakan pada halaman 34 seperti:

- (a) Apakah jenis karya ini?
- (b) Nyatakan kisah yang terkandung dalam karya ini?
- (c) Siapakah watak yang memainkan peranan dalam kisah tersebut?
- (d) Di manakah berlakunya kisah dalam karya ini?

Kriteria (C), membaca untuk memperoleh makna, pengarang telah menggariskan tiga perkara yang perlu diikuti iaitu memberikan makna perkataan, maksud frasa dan menghuraikan makna rangkai kata.

Kriteria (D), membaca untuk memperoleh maklumat, pengarang telah menyarankan pembaca untuk menjawab lima soalan yang berkaitan dengan petikan. Kesemua soalan yang dikemukakan dikenal pasti jawapan melalui petikan yang dibaca.

Kriteria (E), pengarang memberi penekanan kepada pembaca supaya membaca untuk membuat taakulan dan 3 soalan yang disoal berkisar kepada kemahiran berfikir

aras tinggi iaitu, pada peringkat aplikasi, analisis dan sintesis. Dalam hal ini, pengarang mengajak pembaca supaya memberi tumpuan terhadap teks implisit.

Kriteria (F) membaca untuk membuat penilaian, pengarang menyarankan supaya pembaca menggunakan fikiran untuk membuat penilaian terhadap apa yang dibaca.

Kriteria (G) membaca untuk membuat penghayatan dan intertekstualiti. Sebagai contoh, penulis telah memaparkan kisah cerita bayan tidak mahu mengikut kata ibu bapanya yang dipadan daripada antalogi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka (2001). Pada penghujung cerita, pembaca dikehendaki menjawab soalan dan meminta pembaca membuat kesimpulan tentang keharmonian hidup berkeluarga yang menjadi tema dalam aktiviti membaca.

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar dapat mengukuhkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu tajuk, di samping dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pembelajaran. Berikut dinyatakan strategi untuk pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah.

#### 5.4 Kepentingan dapatan penyelidikan

Dapatan menunjukkan, peserta kajian telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Walau bagaimanapun, kajian mendapati peserta kajian telah membuat persediaan sebelum pengajaran pemahaman di kelas tingkatan empat. Persediaan pra pengajaran penting seperti menyediakan bahan bantu mengajar, petikan bahan bacaan, soalan dan penyoalan dan merancang aktiviti untuk mengembangkan kemahiran berfikir semasa

menjalankan pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Sebagai contoh, pengembangan kemahiran berfikir menyusun ikut keutamaan. Peserta kajian 1 (cikgu Misha) telah melakar rajah susunan ikut keutamaan bagi watak-watak yang terdapat dalam bahan bacaan Annys Sophillia. Penyusunan mengikut keutamaan watak-watak dalam cerita tersebut penting supaya pelajar-pelajar dapat memahami kepentingan watak berdasarkan keutamaan dalam cerita tersebut.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kemahiran berfikir memang boleh dikembangkan dalam pengajaran di bilik darjah. Dakwaan sesetengah pihak, kemahiran sukar dikembangkan boleh disangkal apabila kajian mendapati peserta kajian telah melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan. Tetapi yang penting ialah persediaan sebelum pengajaran perlu diberi perhatian kerana guru harus memikirkan isi kandungan pengajaran yang hendak dilaksanakan di samping merancang bagaimanakah kemahiran berfikir hendak dikembangkan dalam pengajaran.

Dalam kajian, konsep pelaksanaan kemahiran berfikir mesti diberi keutamaan oleh guru semasa menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Pemahaman setiap maksud frasa kemahiran berfikir perlu diberi perhatian supaya guru tidak tersasar daripada landasan pemahaman maksud frasa kemahiran berfikir yang dikembangkan dalam pengajaran. Dalam kajian menunjukkan, cikgu Misha sentiasa merujuk kepada frasa atau perkataan kemahiran berfikir dengan membuat rujukan berdasarkan buku panduan (PPK, 2001) pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 5.5 Strategi mengembangkan kemahiran berfikir

Strategi pengajaran di sekolah bukan sahaja memberi penekanan terhadap kecemerlangan akademik semata-mata, malah guru juga mestilah memainkan peranan yang merangkumi aspek sahsiah dan akal budi dalam kalangan murid. Oleh itu, aspek nilai dan pengembangan kemahiran berfikir perlu diberi penekanan dalam sistem pendidikan sama ada di sekolah rendah mahupun menengah khususnya bagi pengajaran Bahasa Melayu.

Aspek nilai dalam pengajaran Bahasa Melayu hendaklah dijalankan secara terancang pada masa pengajaran di bilik darjah dan guru digalakkan merancang dahulu pengajaran berdasarkan tema dan tajuk bagi sesuatu pengajaran Bahasa Melayu. Prinsip berikut boleh dijadikan panduan untuk melaksanakan pengembangan nilai dalam pengajaran Bahasa Melayu. Di antaranya ialah:

- (a) pengajaran sesuatu nilai hendaklah dikembangkan berdasarkan tema/topik sesuatu pengajaran.
- (b) bahan bantu mengajar mestilah sesuai dengan tahap pengetahuan pelajar.
- (c) Aktiviti pengajaran merupakan sebahagian komponen pengajaran Bahasa Melayu.

Sebagai contoh, strategi pengajaran pemahaman bacaan yang mengembangkan kemahiran berfikir menganalogi dalam pengajaran pemahaman bacaan seperti berikut:

Aktiviti mengembangkan kemahiran berfikir menganalogi

Arahan: Pilih sejenis unggas dan huraikan ciri-ciri unggas tersebut:

Unggas pilihan:	Lebah
Ciri-ciri:	madu yang berkhasiat Bekerjasama dalam kumpulan Bertanggung jawab terhadap permaisuri Berbisa Boleh terbang Melindungi sarangnya

Langkah pengajaran:

- (a) Araahkan pelajar membuat kumpulan kecil (8-10 orang).
- (b) Tentukan serangga/unggas.
- (c) Berbincang dan mengenal pasti ciri-ciri unggas tersebut.
- (d) Pilih pembentang.
- (e) Kumpulan lain memberi respons terhadap pembentangan.
- (f) Guru membuat ulasan ciri-ciri positif unggas pilihan kumpulan dan membuat analogi dengan manusia bagi memupuk nilai-nilai yang positif.

Nilai: bertanggungjawab, bekerjasama

Kemahiran berfikir: membuat analogi (pemikiran kreatif)

Contoh strategi pengajaran pemahaman bacaan yang telah dinyatakan ialah untuk menjelaskan bagaimana caranya untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah. Dalam pengajaran, guru

boleh mengembangkan kemahiran berfikir dan menyerap aspek nilai seperti berkerjasama dan bertanggungjawab dalam pengajaran. Pengembangan kemahiran berfikir dan penyerapan aspek nilai dan disepadukan dalam pengajaran pemahaman bacaan menjadikan pengajaran menarik dan berkesan. Walau bagaimanapun, guru dikehendaki membuat perancangan terlebih dahulu sebelum menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di bilik darjah.

#### 5.6 Signifikan kajian dan kajian selanjutnya

Kajian yang dijalankan membawa signifikan yang bermakna kepada pendidikan terutama dalam pengajaran pemahaman bacaan di sekolah menengah. Kajian lampau mendapati, pelaksanaan kemahiran berfikir berlaku kepada bagaimana kemahiran berfikir dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi penekanan tentang dasar yang telah diarahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Misalnya, kajian oleh Zamri Mahamod dan rakan-rakan, membincangkan tentang pengalaman guru, jantina, kelayakan akademik untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Tetapi kajian ini membincang dan menghuraikan bagaimanakah peserta kajian mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan di kelas tingkatan empat. Contohnya, kemahiran berfikir mencirikan, teknik pemerhatian, temu bual telah digunakan untuk melihat bagi memahami bagaimana peserta kajian menjelas, menghurai, mengenal



pasti kriteria, mendefinisi konsep atau item yang hampir serupa dalam pengajaran supaya pelajar nampak jelas tentang maksud kemahiran berfikir mencirikan.

Sungguhpun begitu, kajian yang dijalankan ini hanya membataskan kepada pengajaran pemahaman bacaan sahaja, namun kajian selanjutnya perlu diteruskan untuk melihat bagaimana kemahiran berfikir dikembangkan dalam pengajaran penulisan karangan atau dalam mata pelajaran yang lain. Dalam hal ini, pengembangan kemahiran berfikir bukan sahaja boleh dilaksanakan dalam mata pelajaran bahasa Melayu, malah boleh dikembangkan dalam semua subjek sebagaimana yang telah dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, kemahiran berfikir merentas kurikulum.

Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran melalui Reformasi Pendidikan pada tahun 1993 terbukti apabila KPPM menegaskan bahawa perspektif baru tentang kebolehan berfikir. Beliau menyatakan berfikir adalah satu kemahiran dan bukan kebolehan semula jadi (KPPM, 1990). Oleh itu, kemahiran berfikir boleh dikembangkan melalui mata pelajaran yang diajar di bilik darjah; malah beliau juga pernah menganjurkan bahawa corak pengajaran guru hendaklah lebih memberi tumpuan kepada perkembangan dan pertumbuhan minda agar sistem pendidikan kita mampu melahirkan masyarakat yang bukan sahaja berilmu tetapi juga dapat berfikir dan menyumbangkan sumbangan yang kreatif dan inovatif terhadap pembangunan pendidikan negara pada masa yang akan datang.

Oleh hal yang demikian, pada masa kajian ini dijalankan beberapa orang guru bahasa telah ditemu bual untuk mengetahui tentang bagaimana cara untuk meningkatkan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman

bacaan. Mereka mencadangkan supaya pengembangan kemahiran berfikir tidak dasingkan sebagai mata pelajaran yang terpisah, dan ada juga mencadangkan semua guru diberi kursus semula *refresh* agar mereka dapat menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dengan lebih berkesan. Menurut cikgu Arshad:

Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran di sekolah, saya kira pemantauan merupakan perkara yang penting dan perlu digerakkan dahulu. Dalam hal ini, pentadbir atau Ketua Panitia hendaklah memastikan bahawa guru yang mengajar dikehendaki mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran mereka di bilik darjah.

Aspek yang kedua ialah, guru hendaklah sentiasa didedahkan dengan kursus yang ada hubungkaitnya dengan kemahiran berfikir. Kalau perlu buatlah sama ada di peringkat daerah ataupun sekolah satu penggal sekali.

Kalau boleh, pihak yang berkenaan terbitlah sama ada jurnal, buletin atau buku kecil tentang panduan untuk melaksanakan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah, paling tidak buku tersebut boleh menjadi panduan dan rujukan segera kepada para guru semasa melaksanakan pengajaran mereka di bilik darjah.

(CLHA – 27.10.2004)

Pandangan cikgu Arshad dikaitkan dengan isu pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan pada masa kini, pelaksanaannya sering dilupakan oleh guru bahasa kerana tuntutan dan desakan KPM supaya guru menghabiskan sukatan pelajaran. Mereka bukan sahaja tidak dapat mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran, tetapi faktor-faktor lain seperti kesuntukan masa, kehendak sistem pelajaran dan pengetahuan kemahiran berfikir yang terhad

menjadi masalah untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam pengajaran. Hasilnya, pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran masih tidak membanggakan. Encik Shamsudin, pensyarah di Institut Bahasa Melayu Kuala Lumpur, menjelaskan:

...untuk mencapai tahap pemikiran tinggi dalam proses pemahaman bacaan di bilik darjah, guru hendaklah menggunakan ciri-ciri pengajaran pemahaman seperti berikut:


- (a) pengajaran mereka mestilah mempunyai tujuan / hala tuju.
- (b) sentiasa membina sikap positif.
- (c) mengaktifkan pengetahuan sedia ada tentang tajuk yang hendak diajar.
- (d) mengaktifkan pengetahuan sedia ada tentang strategi memproses teks.
- (e) mengaktifkan strategi pemantauan untuk menyemak dan memurnikan kefahaman dalam pengajaran.
- (f) mengguna secara interaktif proses-proses di atas untuk mencapai tujuan mendengar.

Beliau juga menyatakan bagi setiap proses pengajaran pemahaman bacaan, seseorang guru perlu mempunyai objektif supaya pengajaran pemahaman bacaan yang dijalankan dapat mencapai objektif pengajaran. Selain itu, guru perlu mempunyai perancangan seperti memilih dan menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap pelajar, merancang aktiviti yang dijalankan dan dapat pula menentukan kemahiran berfikir yang akan dikembangkan dalam pengajaran pemahaman bacaan supaya pengembangannya dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Berdasarkan dapatan kajian, melalui kajian ini akan dicadangkan sebuah model kemahiran berfikir dalam pengajaran supaya guru boleh menjalankan pengembangan

kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan dengan berkesan. Berdasarkan model pengembangan kemahiran berfikir (mpkb), guru digalakkan mengikut langkah-langkah seperti (langkah I, langkah II dan langkah III) supaya mereka boleh menjalankan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran berdasarkan model mpkb.

Rajah 13  
Model pengembangan kemahiran berfikir



Model pengembangan kemahiran berfikir (mpkb) yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada model ekspositori yang bermaksud memberi penerangan yang jelas dan terperinci. Dalam konteks pengajaran, ekspositori ialah menyampaikan maklumat dan isi kandungan pelajaran secara langsung kepada pelajar-pelajar sama ada melalui penerangan, bercerita, demonstrasi dengan tujuan mengajar sesuatu. Berdasarkan model mpkb, guru mengajar pemahaman bacaan sambil menerangkan kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan, manakala pelajar mendengar dengan teliti sehingga mereka dapat memahami dan mengingat atau merekodkan isi penting dalam buku nota.

Model mpkb sangat sesuai digunakan untuk mengajar konsep dan kemahiran dalam sesuatu pengajaran yang berdasarkan kepada peringkat-peringkat pengajaran.

Kebaikan model mpkb ialah dapat menjimatkan masa guru kerana guru dapat menyampaikan terus semua maklumat dalam masa yang singkat.

Sebagai panduan untuk melaksanakan kemahiran berfikir dalam pengajaran, guru-guru disaran supaya menggunakan model mpkb dalam pengajaran dan ikutlah langkah-langkah pengajaran seperti yang telah dicadangkan iaitu:

**Langkah 1: Merancang, menginterpretasi, menghuraikan idea, konsep dan perkenalkan kemahiran berfikir**

Guru mengadakan aktiviti terancang untuk menghuraikan sesuatu idea, konsep dengan memperkenalkan kemahiran berfikir dalam pengajaran di bilik darjah. Guru dikehendaki menerangkan perkataan atau frasa yang mempunyai maksud yang sama dengan kemahiran berfikir yang dipilih dan akan dikembangkan dalam pengajaran supaya pelajar dapat memahami maksud kemahiran berfikir tersebut dengan jelas supaya mereka tahu untuk menggunakan dalam pembelajaran.

**Langkah 2: Merancang sambil mendemonstrasikan, menerang langkah-langkah menyelesaikan masalah berdasarkan kemahiran, menerang konsep dengan bantuan bahan bantu mengajar dan mempraktik kemahiran berfikir dengan bimbingan guru.**

Guru dikehendaki menjelaskan kepada pelajar tentang kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan dalam pengajaran. Dalam langkah ini, guru mestilah berbincang dengan pelajar bagaimana untuk menjalankan pengembangan kemahiran berfikir yang berkaitan dengan isi pelajaran yang akan disampaikan. Pelajar dibekalkan dengan bahan bacaan yang berkaitan dengan isi kandungan mata

pelajaran. Guru merancang untuk mengembangkan kemahiran berfikir berdasarkan petikan.

Di samping itu, pelajar dikehendaki membuat refleksi penggunaan kemahiran berfikir yang telah dikembangkan oleh guru. Manakala guru berperanan untuk menjelaskan kepada pelajar kemahiran berfikir yang hendak dikembangkan dan berbincang dengan pelajar mengenai pelaksanaan proses berfikir yang berkaitan. Dalam langkah kedua, guru digalakkan berbincang dengan pelajar bagaimana kemahiran berfikir boleh dikembangkan dalam situasi baharu bagi membantu pelajar untuk menjalani refleksi terhadap proses berfikir. Pada peringkat ini guru perlu mengaplikasikan kemahiran berfikir yang telah mereka kuasai untuk menjalankan tugas berfikir dalam kalangan pelajar.

Tugas berfikir dalam bentuk projek, soalan latihan, ujian, peperiksaan dan aktiviti penyelesaian masalah sangat sesuai diberikan kepada pelajar pada peringkat ini. Jika pelajar berjaya menjalankan tugas, mereka sudah boleh mencapai tahap penguasaan dalam kemahiran berfikir.

Langkah 3: Pelajar mengingati dan merekod isi penting, kemahiran berfikir dikembangkan ke situasi baharu dalam subjek lain.

Dalam langkah tiga, guru dikehendaki mengarah pelajar untuk mengingati dan mencatatkan isi penting dalam masa pengajaran di bilik darjah dan di samping itu, pelajar juga digalakkan menggunakan komponen kemahiran berfikir yang telah dikembangkan pada masa pengajaran untuk diaplikasikan ke dalam situasi yang baharu atau dalam masa pembelajaran subjek-subjek yang lain.

## 5.7 Kesimpulan

Pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran di sekolah memang sudah lama dilaksanakan dan sejauhmana pengembangan yang dijalankan itu sama ada berkesan ataupun tidak sukar untuk dibuat pengukuran. Dalam hal ini tidak ada satu kaedah yang dapat menjelaskan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang memuaskan dari segi pelaksanaannya di bilik darjah.

Namun begitu, dapatan kajian yang diperoleh menggambarkan pelaksanaan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan secara holistik di bilik darjah. Kajian selanjutnya perlu dijalankan untuk mengetahui bagaimanakah pengembangan kemahiran berfikir dilaksanakan dalam pengajaran bagi mata pelajaran lain di sekolah-sekolah. Selain itu, bagi menilai keberkesanan pengembangan kemahiran berfikir dalam pengajaran, kajian untuk menilai keberkesanan pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran perlu dijalankan bagi mengetahui sejauhmanakah dasar Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan di sekolah-sekolah di samping dapat memartabatkan profesion perguruan yang dihormati dalam Sistem Pendidikan di Malaysia.

## Rujukan

- Abdullah Ngah. (2001). Pemantapan budaya berfikir dalam penilaian. Kertas Kerja IV. Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu ke-10 (KONPEN X). Shah Alam: Selangor.
- Abd.Ghafar Md.din.(1993). Grafik meningkatkan keberkesanan dalam penulisan, pembacaan dan pemahaman. *Jurnal Dewan Bahasa*. Oktober 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Ghalib Yunus.(2001). Penggunaan soalan dalam pengajaran kefahaman membaca. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd.Latip Idris. (1992). Hubungan antara minat membaca dengan pencapaian bacaan mekanis di kalangan murid tahun tiga. Satu kajian kes. Tesis M.ed. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Abd. Murad Salleh.(2005). Pelaksanaan pengajaran komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat: Satu kajian kes. Seminar Pendidikan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Abd. Rahim Abd. Rashid.(1999). *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum: Pendekatan pedagogi dan wawasan pendidikan bestari*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Burak. (1999). Kementerian perkenal format baru soalan. *Berita Harian*, Kuala Lumpur: 16 Mei 1999.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2001). *Kamus Pelajar Karisma*. Petaling Jaya: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Aini Hassan (1994). Sejauhmanakah sekolah-sekolah kita melahirkan individu yang berfikiran kritis? *Majalah Pendidikan*. Jilid 18, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1995). *Kursus Berfikir Tinggi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1995). *Kepintaran Daya Cipta dan Kemahiran Berfikir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1997). *Memahami Pemikiran Lateral*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1999). *Kursus Berfikir Untuk Kolej Dan Universiti*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.



- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2000). *Teknik Berfikir: Konsep dan Proses*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Amir Awang (1986). *Teori-Teori Pembelajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Anderson, H.C., Marcham, F.G. & Ounn, S.B. (1994) *An experiment in teaching certain skills of critical. Journal of Education Research*, 4. hlm.241-245.
- Arpan Shahbudin Latip (1998). *Bahasa Melayu: Kesilapan tatabahasa satu analisis*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti sdn.Bhd.
- Arshad Abd.Samad (2000). *Penjanaan ilmu melalui penyelidikan siswazah*. Prosiding Konferensi Kebangsaan. Kajian Pasca Siswazah (GREduc): Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Rifin (1999). *Penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Latihan Ilmiah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj Omar (1992). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, R., & Shiffrin, R. (1968). *Human memory: A proposed system and its control processes*. In K Spence & J Spence (Eds). *The psychology of learning and motivation: Advances in research and theory* (Vol.2). New York: Academic Press.
- Azman Wan Chik (1987). *Isu-isu dalam pengukuran dan penilaian Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pendidikan Guru (1993). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis & Kreatif*. Garis Panduan Pelaksanaan Kursus *In-house*. (tidak diterbitkan).
- Beyer, B. K. (1987). *Practical Strategies For The Teaching of Thinking*. Boston: Allyn and Bacon Inc., Boston.
- Beyer, B. K. (1988). *Developing a Thinking Skills Program*. Boston: Allyn and Bacon Inc., Boston.
- Black M. (1952). *Critical Thinking*. N.J. Prentice Hall, Inc. Boston.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research in education. An introduction to theory and methods* (3rd ed.) Boston: Allyn & Bacon Inc.
- Bruce M. Frazee & Rose A. Rudnitski (1995). *Integrated Teaching Methods*. (1st ed.) New York: Delmar Publishers.

- Chaffe,J. (1990). *Thinking Critically*, Boston: Houghton Mifflin.
- Cohen, L. & Manion, L. (1980). *Research method in education, Ed. Ke2*. London & New York: Routledge.
- Craik, F., & Lockhart, R. (1972). *Levels of processing: A framework for memory research. Journal of Verbal Thinking and Verbal Behavior, 11*, 671-684.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1981). Di sekitar persoalan Bahasa Melayu 1957-1972. Kumpulan karangan daripada Majalah Dewan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewey, J. (1916). *Democracy and education*. NewYork: Macmillan.
- Edward De Bono, E. (1976). *Lateral thinking. Creativity by step by step*. New York: Harper & Row.
- Edward De Bono, E. (1997). *Pemikiran Lateral*. Terj. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.
- Edward De Bono, E. (2004). *Beautiful Mind*. London: Vermilion.
- Edward De Bono, E. (1933). *How we think*. Boston: D.C.Heath.
- Faridah Jaafar & Zarina Mohd.Yatim (1994). Dalam strategi pendidikan Bahasa Melayu, Institut Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fetterman, D. (1989). *Ethnography. Step by Step*. Newbury Park, CA: Sage
- Fisher R. (1990). *Teaching Children To Think*. Basil Blackwell Ltd. Simon & Schuster Education.
- Fraenkel, Norman E.Wallen (1996). *How To Design And Evaluate Research In Education*. McGraw-Hill,Inc.
- Frank Smith. (1971). *Understanding Reading*. New York: Holt.Rinehart & Winston.
- Fullan M. (1983). *Evaluating Program Implementation: What Can Be Learned from Follow Through*. New York: Teachers College Press,Toronto,OISE Press.
- Gardner, H. (1983). *Frames of Mind. The Theory of multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Gay,L. R. (1996). *Educational Research. Competencies for analysis and application*. (5th edition). New Jersey: Prentice Hall.

- Hugo, J.L. (1989). *Evaluation study of thinking skills program for teachers and students* (CD-rom) Abstracts item: 9004064
- Izani Haji Daud (2001). Mengesan isi tersirat dalam merumuskan karangan. *Pelita Bahasa, September*, hlm.15
- James Chong. (1997). *Change is Necessary in Education. D-G* dalam *The Sun*, 27 April: hlm.40-41.
- James P.Spradley & David W.Mccurdy (1972). *The cultural experience ethnography in complex society*. California: Kingsport Press of Kingsport.
- Johari Talib. (1995). *Masalah implimentasi KBKK di kalangan guru pelatih semester lima 1995 Maktab Perguruan Batu Pahat*: Satu kajian Kes (Tidak diterbitkan).
- Jorgensen, D.L. (1989). *Participant Observation. A methodology for human studies*. Applied Social Research Method Series, vol.15. Newbury Park, Cal: Sage.
- Julfekar Ahmad Shah (1997). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja seminar dan pameran Gerak Gempur Minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Balai Budaya Tun Syed Nasir, DBP pada 22 hingga 23 Oktober .
- Juriah Long, Halimah Badioze Zaman, Puteh Mohamed, Zalizan Mohd.Jelas (1992). *Aliran dalam Amalan Pendidikan Menjelang Abad ke-21*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin Husin (1994). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Kartini Baharun (1998). *Kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran dan pembelajaran bestari*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan di Maktab Perguruan Kuala Terengganu: Batu Rakit, Kuala Terengganu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). Laporan Jawatankuasa Kabinet dalam mengimplimentasi dasar pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1983). Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1988). Laporan Nazir Sekolah Persekutuan. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.

- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990a). Siri risalah panduan guru Bahasa Melayu KBSM .Jilid 1,Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). Laporan jawatankuasa mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1993). Laporan kajian status pelaksanaan program Bahasa Melayu di sekolah menengah atas. Jawatankuasa Penyelarasan, Perancangan, dan Pelaksanaan Program Bahasa Melayu di Sekolah-Sekolah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1994). Pelaksanaan KBKK melalui pendidikan guru. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1998). Modul Sekolah Bestari. Kuala Lumpur: Pusat perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu.
- Kerlinger,F.N. (1970). *Foundation of Behavioral Research. Education and Psychological Inquiry*, London.
- Kidder, L.H. Selltiz,Wrights & Cook (1981). *Research method in social relations*, (4th.ed) New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Koh Boh Boon (1989). *Perspektif-perspektif dalam pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kozulin A. (1990). *Vygotsky's Psychology. A Biography of Ideas*, New York: Harvester Wheatsheaf.
- Kucan,L & Beck,I.L. (1997). *Thinking Aloud and reading comprehension research. Inquiry, instruction and social interaction*. Review of Educational Research, 67(3), 271-299.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012).
- Leonard Yong Mee Seng (1990). Perkembangan Pemikiran Kreatif di kalangan para pelajar Malaysia. *Jurnal Pendidikan. Jilid xxxiv*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lincoln, Y. Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. Newbury Park, California: Sage Publication.
- Mahzan Arshad (2003). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu. Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & distributors Sdn.Bhd.

- Mahzan Arshad (2001). *Pengajaran pemahaman bacaan sebagai satu proses pembelajaran yang berstrategi*. Kuala Lumpur: *Jurnal Dewan Bahasa*, November 2001.
- Mahzan Arshad (1994). Pencapaian pelajar dalam ujian pemahaman bacaan bahan kesusasteraan. *Jurnal Pendidikan*. Jilid 16, Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mahzan Arshad (1994). Pembentukan soalan pemahaman bacaan Bahan sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: September 1994.
- Mahzan Arshad (1993). Preferen pelajar tingkatan 4 terhadap bahan Kesusasteraan dan hubungannya dengan tahap pemahaman bacaan. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur (Tidak diterbitkan).
- Mat Nor Hussin, Noriah Abdullah, Marzukhi Nyak Abdullah (1989). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia KBSM*. Subang Jaya: Longman Malaysia.
- Mann, L., (1979). *On the trails of Process*. New York: Grune and Stratton.
- Marohaini Yusoff (1989). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Marohaini Yusoff (1990). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan*. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marohaini Yusoff Editor (2001). *Penyelidikan Kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Marsan Osman (1999). Strategi pengajaran kemahiran berfikir secara penyebatian penuh dalam mata pelajaran Sejarah. Projek penyelidikan sarjana pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Mayer, Richard E (1977). *Thinking And Problem Solving*. California: Scott, Foresman and Company.
- Mayer, Richard E (1983). *Thinking, Problem Solving, Cognition*. California: W.H. Freeman And Company.
- Merriam, S.B. (1998). *Case study research in education: A qualitative approach*. California: Josey-bars Inc.
- Miller, G. A. (1956). *The magical number seven, plus or minus two: some limits on our capacity for processing information*. *Psychological Review*, 63, 81-97. (Available online from Classics in the History of Psychology).

- Mohd.Hussain Ibrahim (1995). Mengajar Berfikir: Perkembangan dan Masalahnya. Prosiding Konvensyen Antarabangsa Kecemerlangan Berfikir, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bank Pertanian Malaysia, 19 dan 20 November, 1993.
- Mohd.Ibrahim Nazri (1993). Mencetuskan pembangunan minda melalui kemahiran berfikir. *Jurnal Pendidikan Guru.bil 9*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Nashuha Jamidin (1996). *Kemahiran Berfikir dan belajar*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mohd. Sharifuddin Bin Yusop. Tahap keyakinan guru Bahasa Melayu dalam mengajarkan kemahiran berfikir. Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-10 ( KONPEN X ).Anjuran Institut Bahasa Melayu Malaysia. Shah Alam: 7 hingga 9 November 2001.
- Moore,W.E.McCann,H. & Mc Cann,J. (1985). *Creative and Critical Thinking*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Morgan, N.,& Saxton, J.(1991). *Teaching Questioning & Learning*. London: Routledge.
- Mutiara. (2003). Majalah Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Aziz, Sabak Bernam, Selangor
- Nawi Ismail (2001). Mengapa pelajar gagal Bahasa Melayu? *Pelita Bahasa*.
- Nickerson, Raymond S. (1985). *The Teaching Of Thinking*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Nik Azis Nik Pa (1999). *Potensi Intelek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Azmah Ibrahim (1997). Gerak gempur minda lahir pelajar kritis. Utusan Malaysia, 4 April, hlm. 22
- Noor Rohana Mansor. (1998). Amalan penyebatian kemahiran berfikir dalam proses pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu KBSR. <http://www.angelfire.com/tn/mppp>. 8/25/2003
- Passmore,J. (1980). *The Critical Thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Beverly Hills. California: Sage.

- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd.ed) Newbury Park, CA: Sage.
- Paul, Richard, (1990). *Critical Thinking. What Every Person Needs to Survive in a rapidly Changing World* Rohnert Park, CA: Center for Critical Thinking and Moral Critique.
- Paul, R.W. (1993). *Critical thinking. How to prepare students for a rapidly changing World*. Santa Rosa, CA: Foundation for Critical Thinking.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025, (2012). Kementerian Pelajaran Malaysia, Putrajaya.
- Phillips, J.A (1992). Memperkembangkan daya pemikiran melalui KBSM. *Jurnal Pendidikan Guru, Jilid viii*
- Phillips, J.A (1993). Peningkatan Daya Pemikiran Kanak-Kanak Melalui Pembacaan. *Jurnal Pembacaan 2*.
- Phillips, J.A (1996). *Developing Critical and Creative Thinking in Children*, Selangor: Lingua Publication.
- Phillips, J.A (1997). *Pengajaran Kemahiran Berfikir. Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). *Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1994). *Konsep dan Model Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif*. Kertas Kerja dalam Kursus kemahiran berfikir bagi guru sumber, anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1993). KBKK. *Penerangan konsep dan model pengajaran dan pembelajaran*. Kertas kerja kursus kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Kuantan: Pahang Darul Makmur. 19-25 September.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1989). *Penekanan-penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran KBSM*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan kurikulum, 10 Jun.
- Rafiei Hj Mustapha (1995). *Kajian tentang kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah*. Panitia Bahasa dan kesusasteraan Melayu. Jemaah Nazir Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Rajendran, Nagappan (2001). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran Pembelajaran. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Projek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif: Poster warisan-Pendidikan Wawasan 2001 di Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, pada 1 hingga 2 Ogos 2001.
- Rajendran, Nagappan (2001). *Language Teaching and the Enhancement of Higher-Order Thinking Skills*. Language Curriculum and Instruction in Multicultural Societies. SEAMEO Regional Language Centre. Singapore, 6 February 2001.
- Rajendran, Nagappan (2001) *The Teaching of Higher-Order Thinking Skills in Malaysia*. Journal of Southeast Asian Education. Vol.2.No.1
- Rashidi Azizan dan Abdullah Mohd. Noor (1995). Prosiding Seminar JKLKAU Ke-9. Pendidikan Guru. Cabaran, Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas (M) Sdn.Bhd.
- Rosli Yacob (1998). Kesan pengajaran kemahiran berfikir kritis terhadap pencapaian pelajar dalam Sejarah tingkatan dua. Kertas projek sarjana pendidikan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur (tidak diterbitkan).
- Saedah Siraj (1994). Perubahan dalam Pendidikan Islam perlu, Berita Harian. Kuala Lumpur: Malaysia 27 November 1994.
- Safiah Osman. (1990). *Peningkatan Kemahiran Membaca, dalam Safiah Karim (ed) membaca satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Samsudin Mahmud. (2001). Penyepaduan Nilai dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-10 (KONPEN X). Shah Alam: Selangor.
- Samsu Yaacob (1996). *Aplikasi Kemahiran Berfikir dalam pembelajaran Bahasa Melayu menengah atas*. Kajang, Selangor: Makruf Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Sandra Parks and Howard Black (1992). *Organizing Thinking-Graphic Organizers*. Critical Thinking Press and Software, Pacific Grove: California.
- Sapawi Mahdi (1997). Keberkesanan pelaksanaan projek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding kaedah lama. Kertas kerja seminar dan pameran Gerak Gempur Minda dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Balai Budaya Tun Syed Nasir, DBP pada 22 hingga 23 Oktober 1997 (Tidak diterbitkan).



- Sevanesan (1996). *Performance of primary six pupils in Mathematical problem solving thinking skills*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (Tidak diterbitkan).
- Shahabudin Hashim dan Dr.Rohizini Yaakob (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: Malindo Printers Sdn.Bhd.
- Sidi Gazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Spindler,G (Ed). (1982). *Doing ethnography of schooling.Educational ethnography in action*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Spradley, J. P. (1980). *Participant Observation*. New York: Holt.Rinehart & Winston.
- Spradley, J. P. (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Shah Alam: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Subadrah Nair (2003). *Kesan skema sastera terhadap kefahaman bacaan petikan cerpen, prosa klasik, novel tempatan dan novel asing*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Suseela Malakolunthu (2001) *Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan*. Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian. Marohaini Yusof (ed). Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Swartz R. and Sandra Parks (1993). *Infusing Critical and Creative Thinking into content Instruction*. Critical Thinking Press and Software, Pasific Grove, California.
- Tajul Arif Mohd Yusof (1991). *Budaya Ilmu, Budaya Berfikir*. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.Sri Layang, Genting Highlands.
- Tinta Harapan (2002 ) Edisi 32. *Majalah Sekolah Menengah Kebangsaan, Sungai Besar*: Selangor Darul Ehsan.
- Tracy Bowell and Gary Kemp (2001) *Critical Thinking. A Concise Guide*. Routledge, London and New York.
- Vacca R.T. & Vacca J.E. (1999). *Content Area Reading*. New York: Addison. Wesley Educational Publishers Inc.
- Wan Hasnah Abdullah (1997). *Persepsi Guru Pelatih terhadap keyakinan diri dan amalan KBKK dalam penataran pembelajaran dan pengajaran*. Kertas kerja Wacana Pendidikan ke-4 di Maktab Perguruan Pasir Panjang. Kuala Trengganu: 27 – 29 September.

- Yahya Othman (2002). *Mengajar Membaca, Teori & Aplikasi*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Yogarajah, Y. (1991). *An evaluation of the effectiveness of the coRT-1 Programme in terms of transfer of thinking skills and improvement in academic self-concept and IQ scores of form four students*. Master of education dissertation. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. (Tidak diterbitkan).
- Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah (2000). Kemahiran Berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. Prosiding International Teaching & Learning. 21-23 November. Bangi: Fakulti Pendidikan Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Razali Bidin & Anita Abdul Rahman (2002). Kesan penyebatian kemahiran berfikir terhadap pengajaran guru Bahasa Melayu. Ke arah memartabatkan profesion perguruan. 19 – 20 Mei 2002. Hotel Holiday Villa: Alor Star, Kedah Darul Aman.
- Zarina Mohd Yatim (1994). *Pendekatan psikologi dalam program bacaan dalam strategi pendidikan Bahasa Melayu*. Institut Bahasa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zol Azlan Hamidin (2000). *Strategi Pengajaran*. Prentice Hall. Petaling Jaya: Selangor.
- Zulkifli Hussin (2000). Pelaksanaan penyebatian kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Sains. Projek penyelidikan sarjana pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.(Tidak diterbitkan).